

Bil. 2

**Rabu
15 Mac 2006**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEBELAS
PENGAL KETIGA
MESYUARAT PERTAMA**

K A N D U N G A N

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN
BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Halaman 1)

USUL:

- Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka
Baginda Yang Di-Pertuan Agong
Y.B. Datuk Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah)

(Halaman 16)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib, PSM., SPCM., AMN., JP. (Pasir Salak) UMNO
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, PJN., PIS. (Kulai) MCA
3. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Yusof bin Yacob, PGDK, ADK. (Sipitang) - UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) - UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T).(Pekan) – UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.P. (Tanjong Piai) MCA
4. “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput) - MIC
5. “ Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas) - GERAKAN
6. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Ranau) – UPKO
7. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd. Effendi bin Norwawi - Senator
8. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz, S.P.M.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) - UMNO
9. “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) - UMNO
10. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) - UMNO
11. “ Menteri Penerangan, Datuk Zainuddin bin Maidin (Merbok) - UMNO
12. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, D.C.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) - MCA
13. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) - UMNO
14. “ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) – UMNO
15. “ Menteri Pelajaran, Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) - UMNO
16. “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu) - UMNO

17. Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai) - UMNO
18. " Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) - UMNO
19. " Menteri Pengangkutan, Dato' Sri Chan Kong Choy, S.S.A.P., D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang) – MCA.
20. " Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop - Senator
21. " Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Zulhasnan Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Setiawangsa) - UMNO
22. " Menteri Pelancongan, Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Putrajaya) - UMNO
23. " Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
24. " Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) - UMNO
25. " Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Mustapa Mohamed (Jeli) - UMNO
26. " Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S., D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M., D.P.M.P., D.S.D.K. (Shah Alam) - UMNO
27. " Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) - UMNO
28. " Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Seri Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) - UMNO
29. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) - PBS
30. " Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Chua Soi Lek (Labis) - MCA
31. " Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina binti Othman Said (Pengerang) - UMNO
32. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin (Besut) - UMNO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mah Siew Keong (Telok Intan) - GERAKAN
2. " Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) - PBB
3. " Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak) - MCA
4. " Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor) - MIC
5. " Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Liow Tiong Lai (Bentong) - MCA
6. " Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor) – UMNO

7. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai) - UMNO
8. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) - UMNO
9. “ Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Anifah bin Haji Aman (Kimanis) - UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading) - SPDP
11. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P. (Raub) - MCA
12. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) - UMNO
13. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Hon Choon Kim (Seremban) - MCA
14. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas, P.J.N. (Taiping) - PPP
15. “ Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
16. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) - MCA
17. “ Timbalan Menteri Penerangan, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) - GERAKAN
18. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Fu Ah Kiow (Kuantan) - MCA
19. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Lenggong) – UMNO
20. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Mohd. Johari bin Baharum (Kubang Pasu) - UMNO
21. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' S. G. Sothinathan (Telok Kemang) - MIC
22. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Tapah) - MIC
23. “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Dato' Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru) - MCA
24. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) - UMNO
25. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) - UMNO
26. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Dato' Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) - MCA
27. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu) - SUPP
28. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato' Joseph Salang Gandum (Julau) - PBDS
29. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Kong Cho Ha (Lumut) - MCA
30. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ng Lip Yong (Batu) - GERAKAN

31. Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) – UMNO
32. " Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin) – UMNO
33. " Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Wira Abu Seman Yusop (Masjid Tanah) - UMNO
34. " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azizah binti Mohd. Dun (Beaufort) – UMNO
35. " Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Marang) - UMNO
36. " Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Zainal Abidin bin Osman (Nibong Tebal) - UMNO
37. " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) - PBDS
38. " Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin (Bachok) – UMNO
39. " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman - Senator

SETIAUSAHA PARLIMEN

1. " Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Baling) - UMNO
2. " Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya (Balik Pulau) - UMNO
3. " Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr S. Subramaniam (Segamat) - MIC
4. " Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Dato' Yong Khoo Seng (Stampin) - SUPP
5. " Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Klang) – MCA
6. " Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, Tuan Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) - UMNO
7. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupar) - PBB
8. " Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Puan Noriah binti Kasnon (Sungai Besar) - UMNO
9. " Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim (Pokok Sena) - UMNO
10. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran, Puan Komala Devi (Kapar) – MIC
11. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datin Paduka Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara) - MCA
12. " Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani (Bukit Katil) – UMNO
13. " Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Hoo Seong Chang (Kluang) - MCA

14. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, Tuan Yew Teong Look (Wangsa Maju) - MCA
15. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Senator Dato' Dr. S. Vijayarantnam - Senator
16. ” Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham bin Baba (Tenggara) - UMNO
17. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman (Silam) - UMNO
18. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tuan Sazmi bin Miah (Machang) - UMNO
19. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' Lee Kah Choon (Jelutong) - GERAKAN
20. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Tuan Sa. Vigneswaran (Kota Raja) - MIC

AHLI-AHLI

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) - PBDS
2. “ Brig. Jen. (B) Dato' Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Parit Buntar) - UMNO
3. “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron (Rantau Panjang) - PAS
4. “ Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) - UMNO
5. “ Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa) – PAS
6. “ Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir (Kulim Bandar Baharu) - UMNO
7. “ Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO
8. “ Dato' Abdul Rahman bin Ariffin (Jerlun) - UMNO
9. “ Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud (Kota Samarahan) - PBB
10. “ Dato' Abu Bakar bin Taib (Langkawi) - UMNO
11. “ Dato' Seri Adenan bin Satem (Batang Sadong) - PBB
12. “ Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) - PBB
13. “ Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz (Titawangsa) - UMNO
14. “ Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin (Jerai) - UMNO
15. “ Tuan Baharum bin Mohamed (Sekijang) - UMNO
16. “ Tuan Bernard S. Maraat @ Ben (Pensiangan) - PBRS
17. “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) - PBDS
18. “ Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) - UMNO
19. “ Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman (Kuala Nerus) – UMNO
20. “ Dato Haji Che Min bin Che Ahmad (Pasir Puteh) - UMNO
21. “ Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) - DAP
22. “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) - DAP
23. “ Tuan Chong Hon Min (Sandakan) - BEBAS
24. “ Dato' Chor Chee Heung (Alor Star) - MCA
25. “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) - DAP

26. Yang Berhormat Dato' Chua Jui Meng (Bakri) – MCA
27. “ Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy (Cameron Highlands) - MIC
28. “ Tuan Donald Peter Mojuntin (Penampang) – UPKO
29. “ Ir. Edmund Chong Ket Wah (Batu Sapi) - PBS
30. “ Tuan Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) - SAPP
31. “ Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) - PBB
32. “ Dato' Firdaus bin Harun (Rembau) - UMNO
33. “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) - DAP
34. “ Cik Fong Po Kuan (Batu Gajah) - DAP
35. “ Dato' Ghazali bin Ibrahim (Padang Terap) - UMNO
36. “ Dato' Goh Siow Huat (Rasah) - MCA
37. “ Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) - UMNO
38. “ Datuk Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah) - UMNO
39. “ Tuan Hashim bin Jahaya (Kuala Kedah) - UMNO
40. “ Ir. Hasni bin Haji Mohammad (Pontian) - UMNO
41. “ Tuan Henry Sum Agong (Bukit Mas) - PBB
42. “ Tan Sri Dato' Hew See Tong (Kampar) - MCA
43. “ Tuan Huan Cheng Guan (Batu Kawan) - GERAKAN
44. “ Datuk Haji Idris bin Haji Haron (Tangga Batu) - UMNO
45. “ Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib (Maran) - UMNO
46. “ Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau) - UMNO
47. “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas) - PAS
48. “ Datuk Ismail Sabri bin Yaakob (Bera) - UMNO
49. “ Dato' Jacob Dungau Sagan (Baram) - SPDP
50. “ Dr. James Dawos Mamit (Mambong) - PBB
51. “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu) - PBDS
52. “ Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) - SPDP
53. “ Tuan Jimmy Donald (Sri Aman) - PBDS
54. “ Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) - PBS
55. “ Dr. Junaidy bin Abdul Wahab (Batu Pahat) - UMNO
56. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) - UMNO
57. “ Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar (Subang) - MIC
58. “ Dato' Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) - PAS
59. “ Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor) – DAP
60. “ Dato' Seri Kerk Choo Ting (Simpang Renggam) - GERAKAN
61. “ Tuan Lau Yeng Peng (Puchong) - GERAKAN
62. “ Tan Sri Law Hieng Ding (Sarikei) – SUPP
63. “ Datuk Dr. Leo Michael Toyad (Mukah) - PBB
64. “ Dato' Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Padang Serai) - MCA
65. “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan) - DAP
66. “ Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timor) - DAP

67. Yang Berhormat Tuan Loh Seng Kok (Kelana Jaya) - MCA
68. “ Dato’ Loke Yuen Yow (Tanjong Malim) – MCA
69. “ Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani) - UMNO
70. “ Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat) - DAP
71. “ Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh (Putatan) - UPKO
72. “ Tuan Markiman bin Kobiran (Hulu Langat) - UMNO
73. “ Dato’ Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan (Sabak Bernam) – UMNO
74. “ Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad (Ketereh) – UMNO
75. “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) - UMNO
76. “ Tuan Mohamad Shahrum bin Osman (Lipis) - UMNO
77. “ Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat, J. P. (Kuala Krai) - UMNO
78. “ Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu) - UMNO
79. “ Tuan Mohd. Daud bin Tarihep (Kuala Selangor) - UMNO
80. “ Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang) - PAS
81. “ Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof (Jasin) - UMNO
82. “ Dato’ Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh) - UMNO
83. “ Tuan Mohd. Yusop bin Majid (Setiu) - UMNO
84. “ Tuan Nasaruddin bin Hashim (Parit) - UMNO
85. “ Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) - UMNO
86. “ Datuk Dr. Rahman bin Ismail (Gombak) - UMNO
87. “ Tuan Raimi Unggi (Tenom) – UMNO
88. “ Dato’ Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut) - UMNO
89. “ Tan Sri Dato’ Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib (Pasir Salak) - UMNO
90. “ Tuan Razali bin Ibrahim (Muar) - UMNO
91. “ Dato’ Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) – UMNO
92. “ Datuk Richard Riot anak Jaem (Serian) - SUPP
93. “ Datuk Ronald Kiandee (Beluran) – UMNO
94. “ Datuk Rosli bin Mat Hassan (Dungun) - UMNO
95. “ Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) – UMNO
96. “ Dr. Rozaidah binti Talib (Ampang) - UMNO
97. “ Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian) - PAS
98. “ Datuk Salleh bin Tun Said (Kota Belud) – UMNO
99. “ Ir. Shaari bin Hassan (Tanah Merah) – UMNO
100. “ Dato’ Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
101. “ Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S, S.S.A., K.M.N, S.S.A.P, (Kuala Langat) - UMNO
102. “ Tuan Shim Paw Fatt (Tawau) - SAPP
103. “ Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman (Paya Besar) – UMNO
104. “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman (Labuan) – UMNO
105. “ Tuan Syed Hood bin Syed Edros (Parit Sulung) – UMNO
106. ” Dato’ Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail (Arau) – UMNO

107. Yang Berhormat Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) - MCA
108. " Dato' Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) - GERAKAN
109. " Tuan Tan Kok Wai (Cheras) - DAP
110. " Cik Tan Lian Hoe (Bukit Gantang) - GERAKAN
111. " Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) – DAP
112. " Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) - MCA
113. " Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang (Hulu Terengganu) - UMNO
114. " Tengku Razaleigh bin Tangku Hamzah, (Gua Musang) – UMNO
115. " Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) – DAP
116. " Tan Sri Dato' Seri Dr. Ting Chew Peh (Gopeng) - MCA
117. " Dato' Seri Tiong King Sing (Bintulu) - SPDP
118. " Tuan Tiong Thai King (Lanang) - SUPP
119. " Datuk Wahab bin Haji Dollah (Kuala Rajang) - PBB
120. " Dato' Wan Adnan bin Wan Mamat (Indera Mahkota) - UMNO
121. " Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Permatang Pauh) - KEADILAN
122. " Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin (Sik) – UMNO
123. " Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh (Gerik) – UMNO
124. " Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong) - PBB
125. " Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) - MCA
126. " Tuan Wilfred Madius Tangau (Tuaran) - UPKO
127. " Tuan Wong Nai Chee (Kota Melaka) - MCA
128. " Dato' Yap Pian Hon (Serdang) - MCA
129. " Datuk Dr. Yee Moh Chai (Kota Kinabalu) - PBS

DEWAN RAKYAT

Setiausaha Dewan Rakyat
Dato' Abdullah bin Abdul Wahab

Ketua Penolong Setiausaha (Pengurusan Dewan)
Roosme binti Hamzah

PETUGAS-PETUGAS
PENERBITAN PENYATA RASMI (HANSARD)
Azhari bin Hamzah

Hajah Paizah binti Haji Salehuddin
Supiah binti Dewak
Kamisah binti Sayuti
Abd. Talip bin Hasim
Hadzirah binti Ibrahim
Saadiyah binti Jamaludin
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Hairan bin Mohtar
Nurziana binti Ismail
Suriyani binti Mohd. Noh
Marzila binti Muslim
Habibunisah binti Mohd. Azir
Aisyah binti Razki
Yoogeswari a/p Muniandy
Nor Liyana binti Ahmad
Zatul Hijanah binti Yahya
Nurul Asma binti Zulkepli

**MALAYSIA
DEWAN RAKYAT**

Rabu, 15 Mac 2006

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]** minta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan, garis panduan kenaikan kelas kontraktor kerana terdapat kes kontraktor Kelas 'F' yang telah menjalankan perniagaan sejak belasan tahun yang lalu dan telah berjaya, masih lagi berada di takuk lama dan bersaing dengan kontraktor yang baru berdaftar.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Dato' Khamsiyah binti Yeop]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan sememangnya menggalakkan para kontraktor Kelas 'F' untuk meningkatkan keupayaan dan kewibawaan ke arah kelas pendaftaran yang lebih tinggi. Untuk itu, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi telah menetapkan beberapa garis panduan seperti berikut:

- (i) tentang kedudukan kewangan syarikat. Bagi Kelas 'A', modal berbayar atau modal terkumpul hendaklah melebihi RM600,000; bagi Kelas 'B' 400,000, bagi Kelas 'C' 100,000; bagi Kelas 'D' 35,000; Kelas 'E' 17,500 ke atas; dan Kelas 'F' 10,000;
- (ii) ia perlu kelulusan teknikal pegawai syarikat, kelulusan teknikal diwajibkan bagi Kelas 'A' dan 'B', ijazah sekurang-kurangnya ijazah atau diploma lanjutan kepada institusi pengajian tinggi yang diiktiraf oleh kerajaan dalam bidang berkaitan dengan bidang kerja yang dipohon. Bagi Kelas 'C' diploma daripada institusi pengajian tinggi yang diiktiraf oleh kerajaan, dalam bidang berkaitan dengan bidang yang dipohon. Bagi Kelas 'D', 'E' dan 'F' perlu mempunyai Sijil Pemborong yang diiktiraf oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi atau pengalaman kerja dalam bidang kerja yang dipohon;
- (iii) pengalaman individu dalam syarikat iaitu syarikat hendaklah mempunyai ahli lembaga pengarah, pemegang saham atau ahli pengurusan yang berpengalaman dalam bidang kerja yang dipohon;
- (iv) rekod kerja syarikat. Syarikat hendaklah mengemukakan rekod kerja yang sempurna dan baik bagi tempoh lima tahun. Syarat tawaran kerja, inden kerja, sijil perakuan, siap kerja, surat perjanjian dengan kontraktor utama yang sah semasa pelaksanaan projek dan surat penerimaan tawaran tender dan sijil siap kerja yang dikeluarkan oleh pemaju dan kontraktor utama bagi kerja-kerja yang dilaksanakan secara subkontrak.

Selain daripada itu, kerajaan sentiasa memberi khidmat nasihat supaya lebih ramai kontraktor Kelas 'F' dapat meningkatkan kelas pendaftaran masing-masing ke arah melahirkan kontraktor yang lebih cekap, mantap dan berdaya saing.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Daripada jawapan tadi, memang kita tidak nafikan dia ada garis panduan untuk mengklasifikasikan kontraktor-kontraktor tetapi soalan saya, apakah tindakan yang akan diambil kepada mereka yang masih mahu mengekalkan diri mereka dalam kategori 'F' walaupun mereka telah berjaya mencapai tahap ataupun mendapat projek yang melebihi nilai daripada kontraktor Kelas 'F' tersebut? Itu soalan saya.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Boleh *repeat* sekali lagi? Minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Boleh ulang soalan?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ulang. Sila ulang.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]: Soalan saya, apakah tindakan yang akan diambil kepada mereka yang masih ingin mengekalkan diri mereka dalam kategori 'F' walaupun mereka telah berjaya untuk mencapai tahap kategori yang lebih tinggi.... Ulang lagi?

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Terpujang kepada individu atau pemilik Kelas 'F' kerana kelas-kelas 'F' mereka masih merasakan bahawa peluang untuk mendapat kerja lebih banyak ketika mereka berada di Kelas 'F'. Namun begitu kita menggalakkan supaya Kelas 'F' terus mengikuti kursus-kursus motivasi untuk meningkatkan taraf bagi membolehkan mereka melibatkan diri ataupun menaikkan taraf ke Kelas 'E', 'D' dan sebagainya. Terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera, selamat pagi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Tanya baik-baik....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kelas 'A', 'B', 'C', 'D', 'E', 'F'. 'A', 'B', 'C', 'D', 'E', itu saya hendak ketepikan. Sejak Dasar Ekonomi Baru dimulakan tahun 70-an, tempat orang Melayu berlatih berniaga kebanyakan memegang Kelas 'F'. Boleh jawab dengan tepat soalan saya ini?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Apa soalnya?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Sedarkah tidak kerajaan bahawa orang Melayu yang memegang Kelas 'F' yang banyak gulung tikar hari ini. Yang *bankruptcy* Melayu, yang berniaga terbanyak dalam kumpulan 'F'.

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Soalan Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kerana tidak ada kerja. Kontraktor ramai, kerja tidak ada. Soal kementerian ini macam mana, usaha kementerian. Hendak tolong Melayu ini, tolong 'F'. Temberanglah kalau hendak tolong Melayu kalau 'F' tidak diselamatkan. Jangan ceritalah hendak tolong orang Melayu berniaga kalau Kelas 'F' yang banyak orang Melayu tidak diberikan pertolongan....

Tuan Yang di-Pertua: Baik, ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang mati gulung tikar 'F'. Kalau sekolah, 'F' apa 'F'?

Seorang Ahli: Tetapi menteri jawab sahaja.... [Menyampuk]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Alahai... tukarlah nama 'F' ini.

Seorang Ahli: Haa, betul-betul.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, baik.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Tan Sri....

Tuan Yang di-Pertua: Sila jawab dahulu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Haa! Dia jawab dahulu. Terima kasih banyak Tuan Yang di-Pertua.... [Ketawa]

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya sektor binaan semakin menguncup setelah negara maju kerana pembinaan telah terlalu banyak. Sebab itu kerajaan membuat pembinaan bukan untuk keperluan kontraktor tetapi untuk keperluan negara dan kontraktor-kontraktor Kelas 'F' sebab itu kita galakan supaya usahawan Kelas 'F' beralih pandangan kepada usahawan bidang lain. Sebab itu kita wujudkan francais, kita wujudkan vendor, kita wujudkan IBS.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *Astaghfirullahalazim....*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Di kampung-kampung marilah tunjuk....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Mana dia jawab dulu Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Biar dia jawab dahulu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tidak. Fasal Dasar Ekonomi Baru Tuan Yang di-Pertua, kena faham sejarah ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, baik.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Hendak pergi A terus tidak mampu. Orang Melayu belajar berniaga daripada kecil 'F' tetapi kalau 'F' dia pun sudah mati tengah jalan, apa hendak diharapkan 'A'...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri terus jawab.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ohh! Minta maaf Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Yang Berhormat, saya faham memang banyak Kelas 'F' di negara ini melebihi 33,382 kontraktor Kelas 'F'. Di antara bilangan sebanyak itu, hanya 60% sahaja yang berdaya maju dan menepati kehendak kita dalam menjalankan tugas-tugas mereka. Baki 40% ialah kumpulan yang tidak berdaya maju, yang perlu memberi perhatian, peningkatan dan keupayaan dalam menjalankan kerja-kerja mereka. Sebab itulah 40% inilah banyak dipersoalkan kenapa mereka tidak dapat projek. Sebab itu dalam hal ini, kementerian sedang membuat pemutihan bererti kita hendak kategorikan mereka yang mempunyai keupayaan supaya kemahiran mereka tidak dinafikan kerana terdapat kumpulan-kumpulan yang mendapat projek tetapi beralih tangan kepada tangan kedua dan ketiga.

Inilah hasrat kita untuk memberi pendekatan dengan mengadakan beberapa kursus motivasi dan pelbagai lagi dan termasuklah untuk kita adakan program IBS, iaitu *Industry Business System* untuk kita adakan komponen-komponen di kilang-kilang bagi mengelakkan buruh-buruh yang berlebihan. Terima kasih.

2. Dato' Abdul Rahman bin Ariffin [Jerlun] minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) adakah kementerian sedar bahawa terdapat pembinaan rumah-rumah di bawah Skim Rakyat tidak disiapkan mengikut jadual; dan
- (b) adakah kementerian memantau pembinaan ini untuk menjamin rumah-rumah disiapkan enam (6) bulan dari tarikh perjanjian ditandatangani dengan Syarikat Perumahan Negara Bhd.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pihak kementerian sedar bahawa terdapat pembinaan rumah-rumah di bawah Skim Rumah Mesra Rakyat yang tidak dapat disiapkan mengikut jadual, tetapi peratusannya adalah agak kecil berbanding dengan bilangan rumah-rumah yang telah siap dan diserahkan mengikut jadual. Walau bagaimanapun, beberapa faktor yang selalu disebut adalah kena-mengena sebenarnya dengan masalah kontraktor Kelas 'F'.

Antara perkara yang disebut atau alasan yang diberi ialah keadaan cuaca yang tidak menentu, masalah bekalan bahan pembinaan terutama sekali di kawasan pedalaman, masalah kekurangan pekerja, masalah kekurangan modal pusingan dan sebagainya.

Oleh itu,

- (b) pihak kementerian sentiasa memantau pembinaan rumah-rumah untuk menjamin ia dapat disiapkan mengikut jadual yang ditetapkan, iaitu satu tahun dari tarikh perjanjian ditandatangani dengan SPNB dan bukannya enam bulan seperti yang dinyatakan.

Namun begitu SPNB mengambil langkah proaktif dengan memberi tempoh yang lebih singkat kepada kontraktor di mana selepas tiga bulan, SPNB akan menghantar surat peringatan kepada kontraktor yang terbabit. Kontrak akan ditamatkan sekiranya kerja-kerja masih belum dilaksanakan selepas surat peringatan dikeluarkan dan kerja-kerja yang masih tertanggung akan disambung oleh kontraktor yang lain pula, yang baru.

Dato' Abdul Rahman bin Ariffin [Jerlun]: Tuan Yang di-Pertua, saya nampak kerja yang paling mudah kepada kontraktor-kontraktor kecil ini seperti mendirikan rumah ini. Di peringkat bawah, inilah yang hendak dilihat dan dijadikan realiti oleh rakyat. Kalau bekalan bumbung, rangka bumbung orang lain, *wiring*, pendawaian orang lain, *plastering* orang lain. Jadi adakah satu kerja yang paling mudah, banyak tukang kampung *supply* barang-barang pun banyak, menjadi masalah. Adakah pemantauan yang dibuat oleh kerajaan kepada projek-projek ini betul-betul berkesan? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, dalam hal kontrak ini biasanya kontraktor tidak buat kerja semua sekali gus, bukan dia buat seorang tetapi diagih-agihkan kerja itu seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Jerlun tadi bahawa, *wiring* orang lain, kerja simen orang lain, kerja bumbung orang lain dan sebagainya. Ini memang berlaku. Ini adalah satu *management* yang dibuat oleh pihak kontraktor, itu memang berlaku. Dia memberi peluang secara tidak langsung kepada ramai kontraktor kecil yang lain untuk mengambil bahagian dalam kerja kontrak yang dia dapat.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Beluran.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya terlebih dahulu mengucapkan tahniah kepada SPNB kerana berjaya melaksanakan beberapa projek SPNB di bandar tetapi kalau kita lihat SPNB gagal untuk melaksanakan RMR ini di kawasan-kawasan luar bandar. Saya ingin memberi contoh beberapa permohonan telah dikemukakan daripada kawasan luar bandar Beluran umpamanya, yang memenuhi syarat-syarat tetapi sehingga hari ini, 2 tahun selepas permohonan dikemukakan tidak ada tanda-tanda bahawa projek ini akan dikemukakan. Saya melihat SPNB harus bergerak bukan sahaja di bandar tetapi di luar bandar yang memenuhi syarat-syarat SPNB itu sendiri.

Soalan tambahan, apakah SPNB melihat ketidakseimbangan ini perlu dibaiki pada masa-masa hadapan. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, kalau mengikut perangkaan yang ada jumlah permohonan bagi negeri-negeri adalah berbeza. Di Sabah misalnya memang lebih tinggi dan lebih banyak daripada Sarawak, tiga kali ganda lebih banyak daripada Sarawak. Contohnya Sabah 855 permohonan dan di Sarawak cuma 344 permohonan. Kelulusan yang diberi kepada Sabah ialah 290 sementara Sarawak 30 sahaja.

Oleh kerana bila membuat permohonan yang paling penting ialah masalah tanah dan tanah-tanah di kampung ataupun di luar bandar ia banyak tuan tanah, berangkai-rangkai, banyak tuan tanah dan perlu mendapat kelulusan daripada semua tuan tanah itu sebelum dapat kelulusan. Itulah masalah yang utama selain daripada lain-lain masalah. Sebab itu saya kira saya lihat di sini perangkaannya memang cukup rendah bagi Sabah dan Sarawak.

3. Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta Perdana Menteri menyatakan, langkah-langkah yang diambil terhadap Hakim Mahkamah Sesyen, berikutan satu jaminan yang diberi semasa Mesyuarat Ketiga, Penggal Kedua, Parlimen Kesebelas bahawa tindakan jenayah atau tatatertib akan diambil terhadapnya sekiranya dibuktikan bahawa tindakan tersebut diperlukan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kes terhadap Hakim Mahkamah Sesyen tersebut telah pun ditutup atas arahan Peguam Negara. Peguam Negara telah meneliti keterangan yang ada dan mendapati bahawa tidak wujud satu kesalahan jenayah. Kejadian yang dikatakan telah berlaku pada 22 Mac 2005 dan pengadu hanya membuat laporan polis pada 25 Mac 2005. Keterangan yang ada menunjukkan bahawa Hakim Mahkamah Sesyen itu telah tidak memukul pengadu. Tiada kecederaan telah dialami oleh pengadu dan pengadu juga tidak mendapatkan apa-apa rawatan perubatan. Kes ini termasuk di bawah ruang lingkup Seksyen 95 Kanun Keseksaan. Terima kasih.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua, kelewatan dalam melaporkan satu laporan polis tidak sebab atas mana dakwaan tidak boleh dijalkan. Adakah Peguam Negara sedar, dalam undang-undang kelewatan tidak menjadi satu punca yang boleh diterima sebagai sebab tidak ada pendakwa. Mengenai bahagian dua dalam soalan saya, kenapa tindakan tatatertib tidak diambil ke atas Hakim Mahkamah Sesyen ini. Saya mahu tahu dengan teliti apa sebab-sebabnya.

Datuk M. Kayveas: Terima kasih Yang Berhormat. Berkaitan dengan alasan pertama, walaupun kejadian itu berlaku pada 22 Mac 2005 laporan dibuat tiga hari kemudian. Ini adalah kes di mana ada satu laporan di mana Hakim Mahkamah Sesyen telah memukul seorang *staff* beliau dan kalau ada kecederaan dan laporan serta-merta mungkin beliau akan dibawa ke hospital untuk rawatan yang teliti oleh doktor jika ada apa-apa kecederaan. Oleh sebab itu selepas tiga hari baru laporan dibuat dan kita dapati tidak ada apa-apa kesan apabila beliau iaitu Hakim Mahkamah Sesyen memukul tangan *staff* tersebut. Itu bukanlah satu alasan.

Selain daripada itu selepas *investigation* kita juga dapati pihak polis telah membuat laporan di mana tidak ada kecederaan yang telah dialami oleh pengadu dan juga tidak ada apa-apa rawatan perubatan dibuat. Kes ini juga termasuk lingkup seksyen 95 Kanun Keseksaan. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, seksyen 95 berbunyi begini:

"Nothing is an offence by reason that it causes or that it is intended to cause, or that it is known to be likely to cause, any harm, if that harm is so slight that no person of ordinary sense and temper would complain of such harm".

Oleh sebab keputusan ini daripada Peguam Negara, ini kita ikutlah. Terima kasih.

4. Tuan Lau Yeng [Puchong] minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) apakah strategi segera kerajaan untuk menanam keyakinan FDI bertapak di negara kita berikutan kejatuhan indeks daya saing negara; dan
- (b) apakah perancangan negara kita untuk berhadapan saingan hebat negara serantau terutamanya China dan India.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tuan Ng Lip Yong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

- (a) Berdasarkan kepada buku Laporan Tahunan Daya Saing Sedunia Tahun 2005 di antara 60 negara yang terlibat, kedudukan daya saing Malaysia pada tangga ke 28 didapati lebih baik daripada beberapa negara pesaing lain seperti

Republik Korea tempat ke 29, China tempat ke 31 dan India tempat ke 39. Namun kerajaan sentiasa sedar akan pentingnya daya saing negara dipertingkatkan.

Dari segi penilaian prestasi ekonomi Malaysia telah meningkat ke tangga ke 8 pada tahun 2005 daripada tangga ke 16 pada tahun 2004. Bagi subsektor perdagangan antarabangsa Malaysia mencatatkan peningkatan ke tangga ke 6 pada tahun 2005 dari tangga ke 9. Rumusan bagi indikator ini adalah berasaskan data kuantitatif.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia terus dapat menarik sebahagian daripada FDI global dan ini mencerminkan tahap keyakinan para pelabur asing yang tinggi terhadap Malaysia. Pada tahun 2005, Malaysia telah menarik pelaburan berjumlah RM34.2 bilion dan dari jumlah ini RM17.9 bilion atau 58% adalah FDI berbanding dengan jumlah RM31.1 bilion pada tahun 2004 di mana RM13.1 bilion atau 42% adalah FDI.

- (b) Untuk meningkatkan daya saing negara, usaha-usaha ditumpukan kepada peningkatan keupayaan sistem penyampaian kerajaan, menaik taraf infrastruktur, peningkatan produktiviti dan persekitaran pelaburan yang *conducive* akan terus diberi perhatian. Fokus juga akan diberi bagi menarik pelaburan asing ke Malaysia melalui program-program berfokus kepada penggalakan pelaburan dan publisiti di seluruh pasaran antarabangsa bagi meningkatkan kesedaran dan menangani tanggapan atau persepsi negatif terhadap Malaysia di kalangan pelabur asing.

Program *Friends of Malaysia*, dengan izin di mana MIDA bekerjasama dengan ahli-ahli perniagaan asing dan diplomat-diplomat yang pernah berniaga atau bertugas di negara ini untuk mempromosi peluang-peluang pelaburan di Malaysia. Kerjasama yang rapat dengan institusi sektor swasta di luar negara seperti majlis-majlis perniagaan dan persatuan-persatuan industri untuk mempromosikan Malaysia.

Misi-misi spesifik atau *Specific Projects Mission*, dengan izin bagi menarik pelaburan daripada syarikat-syarikat sasaran di kalangan industri berteknologi tinggi berintensif modal dan nilai ditambah tinggi yang telah dikenal pasti. Pakej Galakan Istimewa atau *Customise Incentive* dengan izin bagi projek-projek pelaburan strategik. Pelbagai galakan cukai untuk pelabur baru dan mereka yang menjalankan aktiviti pembesaran dan kepelbagaian. Penubuhan *one-stop-centre*, dengan izin di peringkat negeri dan kerajaan tempatan bertujuan menyelaraskan dan mempercepatkan pemprosesan kelulusan berkaitan dan *mechanism fast-track* dengan izin ,untuk kelulusan lesen pengilang.

Tuan Yang di-Pertua, perlu dinyatakan di sini bahawa inisiatif-inisiatif yang diambil ke arah menggalakkan perdagangan dan pelaburan adalah ditujukan kepada semua negara. Dalam aspek ini negara, China dan India bukan dilihat sebagai pesaing tetapi sebagai peluang untuk syarikat-syarikat Malaysia menunjukan pelaburan atau *cross border investment* dan untuk mengeksport barangan dan perkhidmatan.

Dengan langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan adalah dipercayai negara dapat menghadapi saingan hebat dari negara serantau termasuk China dan India dan terus mengekalkan Malaysia sebagai lokasi pelaburan yang menarik.

Terima kasih.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin memulakan soalan tambahan saya, sedikit angka statistik. Walaupun kerajaan dapat menarik sebanyak lebih kurang RM17.9 bilion sebagai FDI tahun lalu tetapi kita tidak tahu apakah *break down* atau pengagihannya. Jumlahnya RM17.9 bilion ini adalah daripada FDI yang baru kerana FDI yang baru atau pelaburan yang baru memberikan kesan yang positif dan impak yang kuat kepada rangsangan ekonomi negara. Sebagai contoh lebih dari 90% daripada sektor pembuatan dan perkilangan di negara ini adalah terdiri dari SME negara kita. Tetapi sumbangan kepada GDP negara hanya lebih kurang 6%.

Kalau dibandingkan dengan negara German, Jepun dan Australia di mana SME ada lebih kurang 99% tetapi sumbangan mereka kepada GDP negara adalah lebih kurang 30% hingga 40%. Ini menunjukkan bahawa potensi untuk SME untuk memberi sumbangan kepada negara adalah sangat penting dan negara kita ini potensi untuk pertumbuhan atau *grow* ini adalah bergantung kepada FDI. FDI adalah satu faktor yang utama. Saya hendak tanya apakah rancangan ataupun strategi daripada MITI ini untuk menggalakkan lebih banyak lagi FDI yang baru yang baru bertapak di negara supaya ekonomi negara ini dapat dipertingkatkan pada masa-masa yang akan datang. Terima kasih.

Tuan Ng Lip Yong: Terima kasih Yang Berhormat bagi Puchong. Sebenarnya saya ada angka FDI yang telah diluluskan bagi tahun 2005 sebanyak 58% daripada FDI dan 42% dari pelaburan dalaman atau domestik. Angka-angka baru kelulusan baru adalah 572 dan untuk pembesaran dan *diversification* 454. Saya bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Puchong bahawa SME atau EKS sangatlah penting untuk negara kita ini dan FDI yang baru akan memberi banyak peluang baru kepada SME di negara kita.

Akan tetapi kita juga mesti ingat pelaburan pembesaran juga akan menyumbang banyak kepada EKS. Di antara langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan adalah insentif untuk EKS di mana kita ada *industrial linkage* dengan industri yang besar dan selain daripada itu kita ada beberapa skim pinjaman *soft loan* dengan *interest* sebanyak 4% untuk EKS supaya kita boleh menggalakkan mereka ada *linkage* dengan pelaburan atau FDI yang ada. Sekian.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Yang Berhormat Timbalan Menteri sangat bangga dengan kedudukan daya saing Malaysia. Dia menyebut mengenai *World Competitiveness Year Book 2005* oleh *International Institute Management of Development* duduk di tempat yang ke 28. Bagaimana beliau dan kerajaan boleh merasa bangga oleh kerana sebenarnya Malaysia sudah jatuh 12 tangga?

Untuk tahun 2004 kita duduk di tangga yang ke 16 dan sekarang sudah jatuh 12 tangga iaitu di tangga ke 28. Nampaknya naik pun bangga, jatuh pun bangga... [*Dewan riuh*] Tidak kira apa-apa kedudukan. Dan lebih dahsyat sekali, kali yang pertama dalam *World Competitiveness Year Book 2005* kita kalah kepada Thailand di mana kedudukan Thailand di tangga ke 27. Bukankah ini bererti bahawa kita makin kurang daya saing? Bukan sahaja kita tidak boleh *compete* dengan Thailand dan kalau kita tidak berjaga-jaga malah tidak boleh *compete* dengan Indonesia, Vietnam dan negara-negara yang lain. Apakah usaha untuk memperkukuhkan daya saing kita?

Tuan Yang di-Pertua: Cukup, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Dan akhirnya, kita tahu hari ini Kabinet, tetapi bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi jaminan bahawa sungguhpun Yang Berhormat Menteri dikekalkan sebagai menteri akan menjadi menteri yang bertanggungjawab menghadiri Parlimen dan bukan terus menjadi 'permaisuri' di Parlimen.... [*Dewan riuh*]

Tuan Ng Lip Yong: Terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Ipoh Timur. Sebenarnya kerajaan tidak merasa bangga kalau tahap kita tidak naik. Ini tidak betul. Kalau kita jatuh kita mesti siasat apakah sebab-sebabnya supaya kita boleh mengatasi halangan-halangan.

Tadi, Yang Berhormat menyebut mengenai indeks di mana Malaysia berada di tangga ke 28. Di dunia ini kita ada banyak *index's indices* termasuk yang saya sebutkan tadi adalah *world competitive report*, tetapi ada juga *global competitiveness report* dari

world economy forum dan banyak lagi. Langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh kerajaan untuk meningkatkan daya saing negara kita termasuk penggubalan akta baru bagi menggantikan Akta Penggalakan Pelaburan 1986 atau Promotion of Investment Act (PIA). Kita berharaplah akta baru ini akan dibentangkan di Parlimen pada bulan November tahun ini.

Selain daripada itu kita sedang mengkaji *Industrial Master Plan III*. Dalam *Industrial Master Plan III* ini objektif kita adalah untuk mencapai daya saing global melalui inovasi dan transformasi sektor perkilangan dan perkhidmatan. Juga kita ada langkah-langkah lain seperti menarik FDI. Kita ada satu skim di mana kita akan buat kilang *customized factories* supaya kita ada satu konsep baru *build and lease* kepada mereka yang berminat. Kita juga ada rombongan galakan perdagangan dan pelaburan pada tahun ini. Sekian, terima kasih.

5. Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian] minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, apakah langkah yang telah diambil terhadap pemaju/pemborong yang cuai sehingga berlaku kematian di tapak projek.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Datuk Abdul Rahman bin Bakar]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan selamat datang kepada pelajar-pelajar dan juga rombongan daripada Ayer Hitam.... [*Tepuk*]

Sekiranya berlaku sesuatu kemalangan di tapak binaan sama ada maut ataupun kecederaan serius kepada pekerja atau orang awam akibat daripada aktiviti pembinaan, kementerian ini melalui Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) akan membuat penyiasatan ke atas kemalangan tersebut.

Jika hasil daripada siasatan membuktikan bahawa pihak pemaju atau kontraktor cuai di dalam melaksanakan tanggungjawab mereka bagi memastikan keselamatan dan kesihatan tempat kerja seperti mana yang diwajibkan di dalam Akta Kilang dan Jentera 1967 atau Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994, pemaju atau kontraktor kerja boleh diambil salah satu daripada tindakan-tindakan berikut:

- (i) diberikan notis larangan bagi melarang mereka daripada menjalankan operasi kerja yang membahayakan pekerja atau orang awam. Notis larangan tersebut tidak akan dibatal sehinggakan pihak Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan berpuas hati bahawa pihak yang menerima notis telah mengambil langkah-langkah pembaikan kepada keadaan tidak selamat tersebut; atau
- (ii) JKKP boleh mengambil tindakan mahkamah ke atas pemaju atau kontraktor kerja terutama sekali bagi kes-kes yang melibatkan kemalangan maut. Mahkamah boleh mengenakan hukuman denda atau penjara, atau denda dan penjara sekiranya yang tertuduh didapati sabit kesalahannya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tahun ini sahaja pihak JKKP telah mengenal pasti lebih daripada 30 kontraktor kerja bina yang akan diambil tindakan mahkamah di atas pelbagai pelanggaran peruntukan-peruntukan kedua-dua akta tersebut. Terima kasih.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, kita amat sering mendengar kemalangan di tapak bina ini. Timbalan Perdana Menteri pun mengambil berat sehingga hadir melihat sendiri kemalangan yang berlaku. Bolehkah kementerian menghuraikan jenis-jenisnya, apakah bentuk jenis-jenis kesalahan?

Kita tahu tindakan diambil sehingga merujuk kontraktor ini kepada mahkamah. JKKP mengeluarkan pelbagai notis: *Notice of Improvement*, *Notice of Prohibition* yang dikeluarkan, tetapi yang pentingnya ialah jenis-jenis kesalahan itu. Bolehkah Yang Berhormat nyatakan kepada Dewan yang mulia ini, apakah jenis-jenis kesalahan yang selalu yang dilanggar peraturan oleh kontraktor-kontraktor ini dan apakah langkah kementerian untuk memastikan saman itu dikeluarkan apabila notis-notis ini sudah menjadi amalan JKKP? Terima kasih.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Antara jenis-jenis kesalahan yang diminta:

- (i) tapak binaan tidak berdaftar;
- (ii) tidak mempunyai sijil kelayakan bagi jentera-jentera yang memerlukan sijil kelayakan seperti mesin angkat dan pengadun tekanan tak berapi;
- (iii) tidak menyediakan peralatan perlindungan diri; dan
- (iv) tidak mematuhi arahan-arahan keselamatan dan juga kesihatan.

Namun demikian, kes-kes yang kita terima setakat hari ini begitu kecil sebagaimana yang saya sebutkan tadi. Jumlah pekerja kontraktor yang ada iaitu seramai 281,780 orang, peratusnya tidak sampai pun 0.003 peratus.

Bagi soalan seterusnya, pihak JKPP telah membuat ketetapan bahawa kepada mana-mana kontraktor yang ingkar dalam mematuhi arahan-arahan yang dibuat dalam *Notice of Improvement* dan juga *Notice of Prohibition* akan diambil tindakan mahkamah. Pihak JKPP akan mengambil tindakan mahkamah kepada mana-mana kontraktor yang telah menerima NOP secara tiga kali berturut-turut. Jadi, kalau dulu peraturan ini tidak diadakan, ini merupakan satu peraturan baru bagi memastikan bahawa kesalahan-kesalahan itu dapat dikurangkan.

Kita juga amat berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang begitu prihatin terhadap pekerja-pekerja yang ditimpa kemalangan. Terima kasih.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Apabila kita dengar Jawatankuasa Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja JKPP, saya hendak tanya apakah jenis-jenis kesalahan yang pernah dilakukan oleh kontraktor di tapak-tapak binaan telah dibawa ke mahkamah?

Kedua, apabila *Notice of Improvement* dan *Notice of Prohibition* (NOP dan OI) ini, pernahkah saman-saman dikeluarkan dan berapa jenis saman yang dikeluarkan? Terima kasih.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Setakat hari ini antara agen-agen kemalangan yang kita terima iaitu dari segi:

Jentera	-	2
Pengangkutan	-	2
Tempat Tinggi	-	5
Mesin Angkat	-	1
Tepian Terbuka	-	1
Platform	-	1
Perancah	-	1
Sekitaran Kerja	-	5
Bahan	-	1
Lain-Lain (tergelincir, terlanggar)	-	2

—
Jumlah **21**

Sebagaimana yang telah saya sebutkan tadi, saman ataupun pendakwaan yang telah dibuat sepanjang tahun 2005 adalah sebanyak lima kes. Juga ingin saya ulangi kalau *Notice of Prohibition* dikeluarkan tetapi mereka tetap juga ingkar, maka mereka akan didakwa di mahkamah. Terima kasih.

6. Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera] minta Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi menyatakan, berapakah jumlah tunggakan bil elektrik bagi seluruh negara dan perbezaannya mengikut kategori seperti rumah milik individu dan industri/komersial dan siapakah 10 penghutang terbesar dan jumlah dan apakah tindakan yang diambil terhadap mereka.

Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat saya ingin memaklumkan bahawa jumlah tunggakan bil elektrik bagi seluruh negara sehingga Januari 2006 adalah berjumlah RM2,324.83 juta dan perbezaannya mengikut kategori pengguna adalah seperti jadual berikut:

KATEGORI	JUMLAH TUNGGAKAN (RM juta)
Domestik	441.01
Komersial	708.83
Industri	1,125.94
Perlombongan	0.66
Lampu Jalan	48.39
JUMLAH	RM2,324.83

Daripada jumlah yang dinyatakan ini sebanyak RM980 juta adalah hutang bulan semasa.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB) telah berjaya mengutip sebilangan hutang prinsipal yang tertunggak daripada syarikat-syarikat penghutang terbesar seperti Lion Group, Antara Steel, Mega Steel, M. Steel, Malaysia Steel Works dan Kwai Long Corporation.

Walau bagaimanapun jumlah tunggakan bil elektrik sepuluh penghutang terbesar sehingga Januari 2006 masih lagi banyak iaitu berjumlah RM265.08 juta dan tindakan yang telah diambil setakat ini adalah seperti dalam jadual berikut:

- (i) Perwaja Steel Sdn. Bhd - RM254.33 juta (Tenaga Nasional Bhd. telah memajukan saman ke atas Perwaja);
- (ii) Nor Distribution - RM19 juta [Dalam proses penggulungan (*receivership*)];
- (iii) Pendinginan Megajana - RM6.69 juta (Pemegang-pemegang saham Megajana telah membawa isu bil tunggakan serta cadangan penstrukturan syarikat kepada pihak kerajaan untuk perbincangan dan pertimbangan selanjutnya);
- (iv) United Paper Board - RM2.98 juta (Masih dalam proses perbincangan untuk penyelesaian hutang);
- (v) Syarikat Stadium Shah Alam - RM2.89 juta (Telah berbincang dengan kerajaan negeri, MBSA dan Alam Arena telah bersetuju tentang jumlah hutang yang perlu diselesaikan oleh setiap pihak);
- (vi) Tek Lee Plastic Sdn. Bhd. - RM2.76 juta (Dalam proses mitigasi);
- (vii) Merbok MDF Sdn. Bhd. - RM2.19 juta (Tertunggak dua bulan sahaja);
- (viii) MCB Industri Sdn. Bhd. - RM1.62 juta (Tertunggak satu bulan sahaja);
- (ix) Infinion Technologies - RM1.34 juta (Tertunggak satu bulan sahaja); dan
- (x) Nibong Tebal Paper Mill - RM1.28 juta (Tertunggak satu bulan sahaja).

Pada masa ini kerajaan, TNB juga sedang dalam proses bagi membincangkan bayaran *surcharge penalty* yang tertunggak bagi syarikat-syarikat seperti yang di atas.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dari jawapan yang diberikan jelas sebagai penyumbang yang besar pada penghutang TNB adalah sektor industri dan sektor komersial dan tidak kepada rumah-rumah dan rakyat miskin tetapi yang cepat dipotong bekalannya adalah rakyat miskin.... [Tepuk]

Baru-baru ini kita mendengar bahawa TNB sedang mengkaji dan bercita-cita sungguh untuk menaikkan tarif elektrik. Saya kira kalau tarif elektrik dibenarkan dinaikkan bebanan kepada pengguna akan bertambah terutamanya selepas kenaikan harga minyak dan sebagainya. Apa yang kita jelas tadi ialah salah satu perkara yang menyebabkan kurangnya pendapatan TNB ataupun ruginya TNB kerana hutang yang begitu besar iaitu RM2.3 bilion.

Jadi, soalan saya, apakah jikalau TNB mampu mengutip hutangnya ataupun TNB mampu setiap bulan tidak menghadapi tunggakan dan sebagainya dan tidak ada hutang yang bergulung besar adakah TNB walaupun minyak naik sebanyak 30 sen dan sebagainya tetapi boleh mendapat kewangan secara mengutip hutang dan sebagainya.

TNB tidak menaikkan tarif seperti

Tuan Yang di-Pertua: Menteri jawab.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:seperti yang diumumkan.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bera, soalan Yang Berhormat amat panjang sekali.... [Disampuk] Untuk pengetahuan Yang Berhormat, sebenarnya Tenaga Nasional Berhad tidak mengamalkan sikap pilih kasih, di sini kepada mereka yang menggunakan bil elektrik yang begitu banyak, sebagai contohnya industri-industri tindakan juga diambil sebagaimana saya nyatakan tadi saman telah dikeluarkan kepada *Perwaja Steel* dan kepada pengguna-pengguna individu yang nilainya kecil, bil-bilnya rendah.

Tenaga juga tidak melakukan pemotongan begitu sahaja, malah setelah bil dikeluarkan oleh pihak Tenaga, diberi masa 30 hari untuk membuat pembayaran. Sekiranya gagal dalam masa 30 hari itu, Tenaga akan mengeluarkan sepucuk surat lagi untuk memperingati *costumer* ini atau pelanggan ini supaya mereka ada tujuh hari lagi, tujuh hari bekerja untuk membuat pembayaran. Maknanya tidaklah sebegitu mudah bagi Tenaga membuat pemotongan kepada mereka yang menggunakan elektrik secara kecil.

Berhubung dengan tarif elektrik, Yang Berhormat bertanyakan adakah mampu Tenaga menjalankan operasinya sekiranya semua hutang tertunggak ini dapat dibayarkan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, hutang ataupun jumlah hutang Tenaga pada hari ini bukanlah RM2.9 bilion, tetapi RM29.9 bilion jumlah keseluruhan hutang ini.... [Disorak] Dalam masa yang sama, sekiranya semua hutang tertunggak ini dikumpulkan, maknanya tidak ada satu sen yang gagal dikutip oleh pihak Tenaga, percayalah Tenaga masih lagi tidak mampu beroperasi kerana, kerana apa? Kerana keuntungannya walaupun satu tahun kadang-kadang berjumlah dua bilion, tetapi kos *expenditure* nya, 'capac'nya adalah berjumlah kira-kira RM66 bilion setahun. Ini kerana permintaan Tenaga itu lebih besar setiap tahun. Dua perpeuluhan lebih bilion tidak mencukupi untuk menampung 'capac'nya yang berjumlah enam lebih bilion setiap tahun. Itulah jawapannya. Terima kasih, Yang Berhormat.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, satu gejala umum iaitu kekerapan berlaku gangguan bekalan elektrik sudah semakin meningkat. Gangguan bekalan itu telah menyebabkan kerugian kepada pengusaha-pengusaha, pengilang-pengilang dan juga menyebabkan kesulitan kepada rakyat umumnya. Jadi, saya hendak tahu apakah sebab-sebabnya berlaku begitu kerap gangguan bekalan elektrik? Kononnya kalau mengikut pegawai TNB, salah satu faktor utama yang menyebabkan gangguan bekalan elektrik iaitu *vandalism*. Apakah langkah-langkah yang diambil untuk menangani masalah *vandalism*? Itu sahaja. Terima kasih.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, soalan Yang Berhormat yang pertama menanyakan masalah kekerapan berlakunya masalah terputusnya bekalan, saya minta Yang Berhormat kalau boleh bagi soalan yang spesifik di kawasan mana, supaya memudahkan saya mencari jawapan apakah sebabnya berlaku putusny....

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Di kawasan Tebrau, Tebrau.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Tebrau, hah! Ini soalan spesifik berhubung dengan Tebrau, maka saya perlu minta Tenaga Nasional mengutarakan kepada saya jawapan mengapa berlaku di Tebrau dan bila berlakunya di Tebrau ini... *[Disorak]* supaya membolehkan saya memberi jawapan yang tepat kepada Yang Berhormat.

Berhubung *vandalism* ini, sebenarnya adalah tanggungjawab bersama. Cuma saya tadi ingin menjawab lebih lanjut soalan Yang Berhormat bagi Bera yang bertanyakan mengapakah Tenaga minta penambahan dari segi tarif ini. Walaupun pihak Tenaga telah mengutarakan satu permohonan untuk mendapatkan kenaikan tarif, tetapi sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini, bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri amat peka terhadap kenaikan barang-barang pada hari ini, terutamanya kenaikan bahan mentah minyak, maka Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah meminta Tenaga Nasional mengkaji dan terus mengkaji, meneliti semula supaya sekiranya ada kenaikan tarif elektrik ianya tidak akan menjejaskan pelanggan-pelanggan kecil, terutamanya penduduk-penduduk luar bandar. Terima kasih.

7. **Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]** minta Menteri Kewangan menyatakan, sama ada penggabungan bank-bank di negara ini telah berakhir dengan jaya. Sila nyatakan juga sama ada masih terdapat keperluan untuk terus menggabungkan bank-bank yang ada sekarang, dan jika sedemikian halnya, sila berikan rasional untuk berbuat sedemikian.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua..

Seorang Ahli: Ada... *[Ketawa]*

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Usaha penggabungan institusi perbankan domestik yang didorong oleh kerajaan telah pun selesai dilaksanakan. Sebarang cadangan penggabungan bank selanjutnya adalah terserah kepada kuasa pasaran. Setakat ini tiada sebarang program khusus atau tempoh masa tertentu yang ditetapkan bagi usaha penggabungan institusi perbankan seterusnya. Walau bagaimanapun, Bank Negara Malaysia akan terus memberi sokongan bagi sebarang usaha penggabungan institusi perbankan sekiranya cadangan penggabungan tersebut boleh meningkatkan *synergy* dan kapasiti institusi yang bergabung. Terima kasih.

Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya. Selepas *round* pertama penggabungan bank-bank di negara kita, adakah bank-bank ini sekarang lebih kompetitif dan dapat memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada pelanggan, *service* caj pun sudah naik. Soalan kedua, apakah kelemahan-kelemahan yang mungkin masih menghantui sistem perbankan di negara kita pada masa ini, dan yang ketiga, apakah impak yang terkena kepada bank tempatan akibat daripada kebenaran yang telah diberi kepada bank asing untuk membuka cawangan-cawangan di Malaysia. Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Banyak sangat soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Satu matlamat besar dalam dasar penggabungan ini ialah mewujudkan institusi perbankan tempatan yang kukuh yang dapat bersaing terutamanya di peringkat serantau walaupun tidak di peringkat global. Dalam hubungan itu, kita lihat bahawa sudah terdapat kesan-kesan yang positif penambahbaikan kepada matlamat tersebut, umpamanya kita lihat sekarang ini jumlah cawangan-cawangan yang diterokai dan dibuka di seluruh rantau ini sudah bertambah dengan banyaknya, umpamanya Malayan Banking sudah ada 92 cawangan dirantau ini, Public Bank ada empat; RHB Bank ada tujuh; bumiputera Commerce, –tiga; dan seterusnya.

Ini adalah satu daripada kebaikan dan sudah tentu ini menunjukkan bahawa kemampuan bank-bank tempatan kita untuk bersaing bukan sahaja di peringkat dalam negeri tetapi juga di peringkat serantau ini sudah bertambah baik. Dari segi kelemahan memanglah saya tidak dapat nafikan, tidak ada institusi mana-mana yang tidak ada kelemahannya tetapi soalnya kelemahan-kelemahan ini semakin diperbaiki, semakin diatasi sehingga matlamat kita untuk mewujudkan sistem perbankan yang berdaya saing, yang mampu untuk mempertahankan kedudukan mereka di dalam negeri kita

dan juga mampu untuk bersaing di luar negara. Soalan yang ketiga, tambahan saya pun sudah lupa, Tuan Yang di-Pertua, banyak sangat. Terima kasih.... [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apa, tidak payah.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kita berasa bangga dengan tindakan kerajaan yang cepat menggalakkan penggabungan syarikat-syarikat kecil sebelum ditelan oleh syarikat-syarikat gergasi tetapi dilaporkan semasa tamatnya penggabungan fasa ini melalui NUBE dikatakan seramai 10 hingga 15 ribu orang pekerja syarikat-syarikat bank yang digabungkan ini hilang pekerjaan ataupun terlibat dalam skim pemisahan sukarela. Soalan saya apakah status kepada pekerja-pekerja bank yang hilang pekerjaan selepas selesainya penggabungan sektor-sektor perbankan ini. Terima kasih.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Tuan Yang di-Pertua, memang terdapat kakitangan bank-bank yang telah meninggalkan industri perbankan kerana memilih untuk menerima skim VSS, dan ini dikira sebagai satu skim yang memberi keuntungan atau kebaikan kepada semua pihak. Mereka ini sudah pun memilih untuk mencebur diri dalam pelbagai bidang perniagaan. Namun begitu, yang kita boleh katakan di sini bahawa jumlah kakitangan yang terdapat dalam sektor perbankan masih ramai iaitu 91 ribu pekerja berada dalam sistem perbankan pada hari ini. Terima kasih.

8. **Tan Sri Dr. Ting Chew Peh [Gopeng]** minta Perdana Menteri menyatakan, apakah strategi jangka panjang kerajaan untuk mengawal harga petrol dan diesel.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Senator Dato' Haji Abdul Raman bin Suliman]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kenaikan harga petrol dan diesel adalah berkaitan dengan kenaikan harga minyak mentah di pasaran antarabangsa. Oleh yang demikian, kenaikan harga adalah di luar kawalan kerajaan.

Sebab utama kenaikan harga ini antara lain ialah permintaan minyak dunia yang semakin meningkat terutamanya di beberapa negara besar seperti China, Amerika Syarikat dan India serta pengeluaran yang terjejas akibat situasi geopolitik dan cuaca yang tidak menentu di beberapa negara pengeluar minyak utama dunia. Dengan kata lain adalah sukar bagi kerajaan untuk mengawal kenaikan harga bahan tersebut. Walau bagaimanapun dalam usaha mengurangkan masalah kenaikan harga petrol dan diesel ini kerajaan melaksanakan beberapa strategi, antaranya ialah dengan memberi penjelasan kepada rakyat bagi memahami isu kenaikan harga bahan tersebut seperti sebab-sebab kenaikan berlaku, kesan-kesan daripada kenaikan serta langkah-langkah yang perlu diambil oleh kerajaan dan juga rakyat dalam menangani masalah-masalah akibat kenaikan harga bahan tersebut.

Langkah-langkah lain adalah dengan:

- (i) mempertingkatkan pemantauan kenaikan harga barangan dan perkhidmatan;
- (ii) menggalakkan penggunaan tenaga alternatif bagi kenderaan seperti Natural Gas Vehicles (NGV) oleh pengangkutan awam;
- (iii) menggalakkan penggunaan tenaga boleh diperbaharui, *renewal energy* seperti tenaga suria dan biomas;
- (iv) melaksanakan penggunaan minyak kelapa sawit sebagai bio fuel; dan
- (v) menggunakan konsep *low energy office* bagi bangunan pejabat.

Kerajaan juga turut menggalakkan rakyat agar mengubah sikap berbelanja iaitu dengan mengamalkan sikap berjimat cermat dan perbelanjaan berhemah. Seterusnya, melaporkan sebarang kenaikan harga yang tidak berpatutan kepada pihak berkuasa serta mengamalkan penggunaan bahan tenaga secara cekap dan jimat.

Di samping itu sebagai langkah segera kerajaan memperkenalkan sistem pemberian diesel bersubsidi kepada kenderaan yang menggunakan diesel dalam sektor pengangkutan darat yang terdiri daripada pengusaha pengangkutan awam dan

perkhidmatan barangan pengguna melalui penggunaan *fleet card*. Ini membolehkan mereka membeli diesel bersubsidi dengan hanya 15 sen lebih rendah daripada harga yang ditetapkan. Ini sebagai tambahan kepada subsidi yang telah diberikan kepada nelayan-nelayan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya faham penjelasan yang diberi dan kita harus menerima kenaikan harga minyak disebabkan oleh dunia. Cuma tadi Yang Berhormat telah menerangkan bahawa *fleet card* ini diberikan kepada pengangkutan di atas darat. Pengangkutan dalam laut macam mana? Feri-feri yang juga memuatkan, saya ambil contoh daripada Kuala Kedah ke Langkawi, di Sabah, di Sarawak yang menggunakan feri, Kuala Perlis dan sebagainya. Adakah ini juga termasuk?

Dan, kita juga telah memberi subsidi kepada nelayan untuk membeli minyak diesel. Adakah kerajaan dan jawatankuasa yang ditubuhkan ini memikirkan tentang pak tani-pak tani yang memerlukan subsidi ke atas *harvester*, mesin potong padi dan juga *tractor*, hak putar tanah. Jadi, apakah ini termasuk di dalam senarai subsidi ataupun *fleet card*...

Tuan Yang di-Pertua: Ini kawalan, ya, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Ini kawalan, bagaimana mengawal harga petrol dan diesel.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya, itu kawalan, Tuan Yang di-Pertua.... [Ketawa]

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya pihak kerajaan seperti mana yang kita semua maklum telah pun menubuhkan jawatankuasa khas yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Perkara-perkara ataupun butiran yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat sebentar tadi setakat ini belum lagi ada di dalam pelaksanaan pihak kerajaan.

Namun jawatankuasa ini telah pun dimaklumkan bahawa perkara-perkara ini akan dibincangkan di dalam jawatankuasa yang telah ditubuhkan oleh kerajaan itu, insya-Allah dari masa ke semasa kerajaan akan mempertimbangkan perkara yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat tadi.

9. Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai] minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan, langkah yang diambil oleh kementerian untuk memperbaiki kelemahan pentadbiran dan kelengkapan di pejabat tanah di seluruh negara yang menyebabkan kekurangan kelengkapan dari segi penyimpanan rekod dan kelewatan dari segi kelulusan hak milik dan pengeluaran geran tanah.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar [Tuan Sazmi bin Miah]: Tuan Yang di-Pertua, kementerian sentiasa memandang serius ke atas isu keberkesanan dan kecekapan jabatan tanah seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Pulau.

Justeru, pelbagai usaha telah diambil oleh pihak kerajaan sama ada oleh Kerajaan Pusat ataupun kerajaan-kerajaan negeri, walaupun urusan pentadbiran tanah adalah terletak di bawah bidang kuasa kerajaan-kerajaan negeri. Kerajaan telah memperkenalkan strategi baru urusan pentadbiran tanah atau ringkasnya SBUPT, yang telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 2 Mac 2004, dan strategi ini telah menggariskan 43 perakuan yang perlu dilaksanakan oleh semua agensi kerajaan yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung di dalam urusan pentadbiran tanah.

Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia juga terlibat di dalam kerja-kerja berkaitan dengan pemberian hak milik tanah iaitu di dalam urusan pengukuran hak milik bagi maksud pengeluaran hak milik kekal. JUPEM juga telah mengambil langkah yang aktif bagi mempercepatkan ukuran dan penyelidikan hak milik kekal dengan langkah-langkah pelaksanaan proses ukuran dengan teknologi terkini memproses penyediaan hak milik secara digital sepenuhnya dan juga penyediaan hak milik kekal secara digital. Sekian, terima kasih.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Setiausaha Parlimen. Sebab utama pertanyaan saya ini adalah berikutan keluhan daripada pelabur asing yang tidak berpuas hati dengan proses pengeluaran hak milik yang lambat, yang menyulitkan urusan mereka mendapatkan pinjaman bank.

Soalan tambahan saya, adakah kerajaan bercadang memberikan layanan istimewa seperti *fast track processing* ataupun *one-stop-center* kepada pelabur asing untuk melicinkan proses pengeluaran hak milik untuk golongan ini. Terima kasih.

Tuan Sazmi bin Miah: Terima kasih Yang Berhormat bagi Pulau. Sebenarnya pihak kerajaan sedar dan maklum berkenaan dengan rungutan yang diberikan oleh setengah-setengah pihak terutama daripada pelabur luar yang menyatakan sistem perolehan penyediaan hak milik dan sebagainya di Malaysia agak lembap. Walau bagaimanapun, buat masa ini kerajaan tidak berminat untuk mengadakan - tujuan istimewa kepada mereka yang akan memohon seperti kita hendak menganaktirikan anak sendiri.

Akan tetapi walau bagaimanapun, dalam Rancangan Malaysia Kesembilan nanti kita akan menerokai pengukuran dengan menggunakan satelit dan keseluruhan sistem akan dijalankan secara *on-line* dan *real time* di mana kita akan dapat menjalankan ukuran dan penyediaan hak milik dalam masa dua bulan, insya-Allah. Dan, dengan adanya penggunaan satelit ini, kita harap dapat meningkatkan lagi proses pemberian hak milik kepada semua termasuk pelabur asing. Terima kasih.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Soalan tambahan.

Beberapa Ahli: [Bangun] [Ketawa]

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita menjawab jawatan sebagai Perdana Menteri telah menubuhkan *flying squad*, kononnya untuk mempercepatkan dan untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh pejabat tanah berkenaan kelewatan memproses semua permohonan dan memberi kelulusan berkenaan geran tanah.

Masalah sekarang ialah sebelum pilihan raya kerajaan negeri menyeru kampung-kampung baru agar cepat-cepat pergi melanjutkan pajakan tanah mereka, dengan memberi insentif, diskaun yang banyak kepada orang-orang kampung minta mereka untuk memperakui pajakan mereka tetapi sehingga hari ini masih tertanggung di pejabat-pejabat tanah. Apa masalah? Apakah pihak kementerian menyedari masalah ini? Walaupun ada *flying squad*. Wah! Namanya begitu glamor sekali... [Disampuk] tetapi masalah diskaun ini semua orang kampung menyambut, sebab itu taktik pilihan raya, sekarang tertunggak. Mereka datang ke pejabat saya. Terima kasih, pohon penjelasan.

Tuan Sazmi bin Miah: Terima kasih, Yang Berhormat. Dia sentiasa emosional apabila bertanya soalan, jadi saya tidak hendak jawab secara emosional. Penubuhan *flying squad* telah pun ditubuhkan pada penghujung tahun 2003, iaitu pada bulan Disember dan sebenarnya penubuhan ini telah dapat menyelesaikan amat banyak kes yang telah berlaku terutamanya dalam empat bidang, iaitu:

- (i) pendaftaran urus niaga dan bukan urus niaga, di mana 325,744 kes yang tertunggak telah dapat diselesaikan dalam jangka masa setahun;
- (ii) pembermilikan tanah. Daripada 254,200 kes tertunggak pada penghujung tahun, Disember 2003, sekarang ini hanya tinggal 93,282. Ini adalah hasil daripada *flying squad*;
- (iii) pendaftaran dan pengeluaran hak milik strata. Daripada 4,251 tunggakan skim, sekarang ini kita telah menyelesaikan 77.86%, dan pendaftaran hak milik dan penukaran hak milik sementara, QT kepada FT daripada '2.705074' juta kes yang tertunggak pada 2003 dengan tertubuhnya *flying squad* ini, sekarang hanya tinggal kurang daripada 800 ribu kes suruhanjaya... [Tepuk]

Saya berterima kasihlah kerana Yang Berhormat dapat memberi masalah rakyat kepada kita. Kita lagi prihatin terhadap rakyat, Yang Berhormat, bukan sahaja di Batu Gajah dan di seluruh Malaysia. Dan, insya-Allah kerajaan akan menyelesaikan masalah-masalah tersebut dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekian sahajalah urusan pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan pada pagi ini.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

USUL

USUL MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Ketiga Parlimen yang Kesebelas.” *[14 Mac 2006]*

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta Yang Berhormat bagi Kelana Jaya untuk menyambung.

11.10 pagi.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya menyambung ucapan saya yang berkaitan dengan kegunaan penjimatan subsidi.

Tuan Yang di-pertua, rakyat mengalu-alukan kenyataan dan tindakan yang sewajarnya yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa kerajaan memberi jaminan penjimatan kira-kira RM4.4 bilion, daripada pengurangan subsidi minyak akan dipulangkan semula secara tidak langsung kepada rakyat. Saya percaya kerajaan telah pun bersedia melabur penjimatan tersebut seberapa segera yang boleh bagi menambah baik perkhidmatan pengangkutan awam Malaysia. Sememangnya, keadaan perhubungan pengangkutan yang ada pada hari ini, masih tidak memuaskan sehingga menyusahkan rakyat membeli kereta walaupun ada pengangkutan LRT. Masih kena beli kereta.... *[Tepuk]* Bukan begitu sahaja... *[Tepuk]*

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: *[Bangun]*

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Okey, Tanah Merah.

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: Terima kasih sahabat saya dari Kelana Jaya. Saya tertarik apabila penjimatan yang disebutkan sebanyak RM4.4 bilion, yang dapat dijamin oleh kerajaan. Hari ini kita tahu Perdana Menteri sudah menyatakan bahawa pengumuman kenaikan harga minyak ini tidak popular kepada kerajaan dan ini merupakan isu negatif bagi sesetengah pihak. Isu ini sudah tentu akan digembarkan atau diperbesarkan oleh pihak-pihak tertentu. Saya ingin mencadangkan supaya Perdana Menteri membuat satu pengumuman yang positif untuk memberi keyakinan kepada rakyat, untuk memberi bantuan kepada rakyat dan juga sekali gus mengimbangi isu negatif yang telah timbul ini.

Pertama saya hendak cadangkan supaya kerajaan menggunakan sebahagian daripada RM4.4 bilion ini untuk mengagihkan kepada seluruh rakyat khususnya memberi subsidi kepada makanan, contohnya beras. Kerajaan boleh menggunakan sebahagian daripada penjimatan untuk memberi subsidi kepada beras...

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Boleh beri penjelasan kah?

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: ...lalu makanan yang digunakan oleh seluruh rakyat, tidak kira miskin ataupun kaya. Jadi saya nak cadangkan supaya isu ini dapat diimbangi dengan memberi subsidi kepada makanan.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tanah Merah. Cadangan Yang Berhormat memang bernas tetapi kerana penjimatan RM4.4 bilion itu telah pun dinyatakan bahawa kita akan fokuskan untuk menambah baik sistem pengangkutan awam. Dan kalau ada lebihnya, untuk seluruh negara dan kalau ada lebihnya, saya rasa rakyat tidak ada bantahan supaya penjimatan tersebut dapat juga digunakan untuk sektor-sektor yang lain. Ya, Yang Berhormat.

Tuan Eric Enchin Majimbin [Sepanggar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kelana Jaya. Tentu sekali saya rasa fokus bagi Perdana Menteri untuk menjimatkan RM4.4 bilion ini, ialah fokus bagi mempertingkatkan pengangkutan khususnya di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur. Yang sedih sekali ialah bagi pengangkutan di luar bandar khususnya di Sabah dan Sarawak. Kita tahu bahawa pengangkutan di Sabah dan Sarawak begitu teruk sekali, bukan sahaja dapat kita jalan dengan adanya kereta-kereta ataupun kenderaan, tetapi jalan raya pun begitu teruk sekali. Jadi apakah cadangan Yang Berhormat kepada mempertingkatkan pengangkutan dan juga jalan-jalan raya bagi Sabah dan Sarawak ini? Sekian.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sepanggar. Saya rasa apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Sepanggar memang betul bahawa penjimatan itu bukan sahaja digunakan untuk penyusunan semula pengangkutan awam di kawasan bandar.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] **mempengerusikan Mesyuarat**]

Di kawasan luar bandar juga perlu diambil perhatian. Kerana inilah matlamat kerajaan untuk jangka masa panjang supaya segala penjimatan itu dapat memanfaatkan semua lapisan masyarakat bukan hanya kawasan bandar, luar bandar, termasuk juga kawasan pedalaman. Macam kawasan Bario, di mana berasalnya Encik Idris Jala, Pengarah Urusan MAS. Kampungnya di Bario tapi jalannya tidak ada. Itulah salah satu contoh, yang saya rasa kerajaan juga memberi prihatin terhadap keadaan-keadaan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja dari segi pengangkutan awam, kerana kalau pengangkutan awam kita terpaksa selesaikan, banyak masalah akan timbul. Seperti apabila ada kelemahan dalam sistem perhubungan pengangkutan, ia juga mengakibatkan kos ekonomi dan kos sosial rakyat. Misalnya, akibat kesesakan jalan, terpaksa mengguna dan membakar lebih banyak bahan api. Ini adalah satu pembaziran.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Mambong.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Sekejap. Timbul pula soal alam sekitar, pencemaran udara, pencemaran bunyi, membazir masa pengguna jalan dan operator pengangkutan yang mengakibatkan produktiviti menurun. Di samping itu, memberi tekanan kepada semua, *it is stressful* dengan izin, *it is stressful and tiring to be on a congested road*, Tuan Yang di-Pertua...

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: [Bangun]

Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: [Bangun]

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: [Bangun]

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, tiga, empat.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Pontian dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Pontian, sila.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang terhormat RM4.4 bilion ini, kita cadang untuk, bilion, bilion, minta maaf saya... Jauh lebih besar daripada jumlah yang kita biasa dengar peruntukan di kementerian-kementerian. Subsidi sahaja kita dapat selamatkan RM4.4 bilion. Kalau ini ditumpukan

kepada hendak meningkatkan sistem pengangkutan awam, pada tanggapan umum kemungkinan besar ianya melibatkan pengangkutan di Lembah Klang, di kawasan-kawasan yang membangun. Saya di Pontian Yang Berhormat, banyak juga memerlukan sistem pengangkutan awam ini.

Jadi, sediakah Yang Berhormat untuk menyeru supaya kerajaan, apabila menggunakan subsidi RM4.4 bilion ini untuk meningkatkan sistem pengangkutan ini, ianya perlulah dibuat secara menyeluruh, ke seluruh negara. Tidak hanya tertumpu kepada Lembah Klang ataupun lebih-lebih lagi wajarkah kita mengelak daripada menggunakan kewangan ini untuk tujuan menampung kelemahan kewangan konsesi-konsesi sistem pengangkutan yang kita sudah berikan kepada syarikat-syarikat berkenaan. Wajarkah, ataupun bersediakah Yang Berhormat memastikan bahawa kerajaan akan mengelak daripada mengguna subsidi ini untuk memberi kepada syarikat-syarikat konsesi.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Pontian. Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat dan sama-samalah kita pantau supaya memastikan kerajaan akan mengagihkan penjimatan itu untuk kegunaan semua dan bukannya untuk memanfaatkan syarikat-syarikat besar. Yang itu saya setuju...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: [Bangun]

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tangga Batu bangun.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Projek kemudahan pengangkutan awam..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Sebelum itu, saya nak jelaskan satu perkara, apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat berkaitan ada yang menganggap bahawa kos penjimatan itu digunakan hanya untuk Lembah Klang. Saya rasa tidak begitu betul kerana saya rasa, apa yang saya dapati bahawa, peruntukan untuk pelaksanaan penyusunan semula pengangkutan awam di Lembah Kelang bagi tahun 2005 ialah RM252 juta dan tahun 2006 adalah RM750 juta. Maka ada lagi kelebihan penjimatan tersebut dan saya rasa lebih penjimatan itu haruslah digunakan untuk kawasan-kawasan yang lain, termasuklah Pontian termasuklah Bario, termasuklah Ayer Hitam dan sebagainya. Ya, Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tangga Batu, sila.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kelana Jaya. Saya setuju dengan Pontian 4.4. bilion terlalu besar dan tidak pernah kita dengar jumlah sebesar ini digunakan untuk pembangunan infrastruktur yang melibatkan pengangkutan awam. Kerajaan telah menyatakan bahawa langkah dan strategi pertama kerajaan menangani impak kenaikan harga minyak ini ialah dengan pertama sekali pengawalan harga-harga barangan sama ada barangan tersebut langsung kesannya dengan kenaikan harga petrol atau yang tidak berkaitan langsung.

Yang Berhormat bagi Kelana Jaya, apakah Yang Berhormat bagi Kelana Jaya boleh bersetuju dengan saya, jika saya katakan untuk menenangkan keadaan ini di samping kerajaan menumpukan kepada penambahbaikan sistem pengangkutan awam kerajaan juga perlu meletakkan satu agenda yang serius dalam usaha untuk menguatkuasakan peraturan di mana sudah terdapat kesan-kesan langsung daripada kenaikan harga petrol ini. Contohnya ambillah RM4.4 bilion tadi untuk memperkukuhkan mekanisme penguatkuasaan terhadap kenaikan harga barang.

Tuan Yang di-Pertua, semalam di *SevenEleven*, *perishable items*, semuanya telah naik harga. Susu *Dutch Lady* satu liter dah naik daripada RM3.90 dah naik ke RM4.20. Jadi setujukah Yang Berhormat bagi Kelana Jaya supaya sedikit daripada RM4.4 bilion tadi itu digunakan untuk satu mekanisme ataupun satu sistem bagi memerhatikan kesan-kesan kenaikan harga petrol tadi yang juga boleh menenangkan situasi yang berlaku sekarang ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Saya memang setuju cadangan Yang Berhormat sekiranya penjimatan tersebut cukup untuk dibahagikan untuk adakan penguatkuasaan. Sebenarnya kita lihat kerajaan memang prihatin. Bukan hanya subsidi minyak diberi, banyak subsidi yang telah diberi kepada rakyat, subsidi baja, subsidi padi, subsidi untuk pertanian, ternakan dan sebagainya. Memang banyak. Walau bagaimanapun, untuk penguatkuasaan kalau kita belanja terlalu banyak untuk menggaji pegawai-pegawai maka kita sukar juga untuk pemantauan dari segi adanya penyelewengan kuasa bagi peringkat pegawai. Kalau boleh....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Ayer Hitam.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: ...Kita dapatkan kerjasama siapa yang daniaya, pengguna-pengguna juga harus melaporkan terus kepada pihak penguat kuasa sekiranya adanya kenaikan harga yang tidak berpatutan. Orang yang *culprit*, yang *profiteering*, inilah kuasa pengguna, kuasa pengguna adalah kuasa mutlak untuk menjaga dan memantau ketidakseimbangan ekonomi negara kita ini khususnya dalam pasaran harga. Sila, Yang Berhormat bagi Ayer Hitam.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kelana Jaya. Saya meneliti ucapan Yang Berhormat sebentar tadi yang mengatakan duit itu perlulah dibelanjakan dengan baik dalam sektor pengangkutan awam, tetapi kebetulan ini bidang saya yang pernah saya belajarlal. Dalam teknik pengurusan trafik ini, ada empat perkara yang kita kena ambil iktibar.

Yang pertama dari segi *trip generation*. Berapakah *trip* yang dijanakan sama ada luar bandar dan bandar; kedua, peringkat kedua adalah *trip distribution*. Bagaimana kita mengagihkan *trip* tersebut; ketiga, *trip assignment*, kita hendak *assign* ke jalan mana dan keempat adalah *modus spilt*, pilihan pengangkutan awam ataupun kereta biasa.

Jadi empat teknik ini, saya berasa sedihlah sebab di negara kita, kita tidak ada satu database untuk kawasan-kawasan seluruh Malaysia, malahan di kawasan-kawasan bandar besar pun kita tidak ada satu kajian yang jelas yang menunjukkan bahawa bahagian mana yang perlu kita mempertingkatkan *connectivity* dari segi *practicality* dan saya hendak minta pandangan dan penjelasan Yang Berhormat, bagaimana kita mengatasi kekusutan ini. Kalau tidak ada database yang jelas, kita buat benda itu kata orang membuta tuli, tidak ada satu cara yang lebih saintifik.

Jadi saya rasa mungkin kesan yang akan dinikmati oleh rakyat itu bukan dalam tempoh terdekat. Mungkin ia mengambil masa yang agak lama dan ini mungkin akan menimbulkan kesangsian di kalangan rakyat. Jadi apa pandangan dan penjelasan Yang Berhormat tentang perkara ini.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Ayer Hitam. Memang betul bahawa kita mesti ada dapatkan..., mengkaji keseluruhannya masalah pengangkutan awam dan ini adalah satu keperluan untuk memenuhi kehendak dan keperluan rakyat keseluruhannya, bukan hanya dipandang *connectivity* nya dan sebagainya. Maka masih perlu untuk meningkatkan keberkesanan dan efisiensi sistem pengangkutan awam yang sedia ada kerana kita harus meneliti dan mengkaji segala kelemahan dan kekurangan dalam sistem pengangkutan awam dan untuk mencadangkan cara-cara untuk mengatasinya...

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kubang Kerian, Parit, Jasin bangun.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Kerana saya rasa kita perlu mengoptimumkan penjimatan bagi tujuan menambah baik sistem pengangkutan di seluruh negara. Yang Berhormat bagi Kubang Kerian.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan sahabat saya daripada Kelana Jaya. Saya bersetuju dengan pandangan daripada sahabat-sahabat sebentar tadi terutama daripada Ayer Hitam tentang janji kerajaan untuk mengagihkan ataupun memperuntukkan RM4.4 bilion ini kepada sektor pengangkutan awam. Masalahnya di sini yang saya ingin bertanya kepada Kelana Jaya adalah sebagai contoh, saya ambil satu statistik yang mudah di mana tambang bas

ekspres. Saya rasa bas ekspres ini adalah merupakan di antara pengangkutan yang paling popular yang digunakan oleh rakyat yang berpendapatan rendah dan sederhana.

Sebelum tahun 2004, kenaikan harga minyak ini, tambang bas ekspres daripada Johor Bahru ke Kuala Lumpur sebagai contoh adalah RM16.35, naik 10 sen harga minyak dia menjadi RM20.50. Selepas kenaikan harga minyak bulan Mei tahun 2004 ia telah menjadi RM25.30. Daripada Kuala Lumpur ke Kota Bharu, tambang bas ekspres adalah RM26.00, tahun 2004 RM26.50 dan sekarang harganya RM30.50. Ini antara contoh bahawa kenaikan 10 sen petrol itu telah menyebabkan kenaikan harga tambang. Kalau inilah janji kerajaan untuk memperuntukkan RM4.4 bilion ini untuk memperbaiki sektor pengangkutan awam, apakah jaminan bahawa selepas kenaikan 30 sen ini pada bulan hadapan, semua tambang bas ekspres, semua tambang pengangkutan awam teksi tidak akan dinaikkan.

Saya tidak nampak, dan saya bersetuju juga dengan kawan-kawan lain bahawa Tangga Batu tadi menyatakan, bahawa semalam bila suri rumah kita semua membeli sayur dan ikan di pasar, harga telah naik walaupun janji Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna bahawa peniaga tidak akan menaikkan harga tetapi barangan di pasaran telah naik, susu anak telah naik. Jadi saya cukup ragu tentang bagaimana RM4.4 bilion ini akan diagihkan dan saya bimbang ini adalah satu janji yang berbentuk *flip flop* ataupun *touch and go*, *hit and run* dan kemudian harga barang di pasaran, harga tambang bas, harga tambang pengangkutan awam akan terus naik akibat daripada kenaikan diesel khususnya 30 sen ini apa pandangan daripada Kelana Jaya.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kubang Kerian. Isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, berkaitan dengan kenaikan tambang bas khususnya bas ekspres, kita dapat lihat bahawa Lembaga Pelesenan Kementerian Perdagangan telah pun mengambil tindakan apabila pengumuman dibuat, di mana sekiranya ada syarikat-syarikat bas ekspres yang menaikkan tambang tanpa persetujuan, tanpa kelulusan maka tindakan akan diambil dan semalam pun kita lihat dan baca dalam surat khabar bahawa tindakan telah pun diambil kepada sebuah syarikat bas ekspres, bas yang telah menaikkan harga tanpa diberitahu.

Maka ini adalah salah satu langkah yang diambil. Walau bagaimanapun sekiranya kenaikan harga tambang dan sebagainya tidak dilaporkan sukar juga bagi pihak penguat kuasa mengambil tindakan. Yang Berhormat bagi Jasin.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Mohon Penjelasan.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih sahabat saya Kelana Jaya yang bijaksana. Dari pada semalam termasuk hari ini kita jadi pening kepala fasal subsidi. Naik 30 sen harga minyak, orang semua ambil kesempatan.

Saya tengok sampai apabila kita akan menghadapi masalah ini Tuan Yang di-Pertua, sampai bila? Saya kira sudah sampai masa dan ketikanya kerajaan hapuskan semua subsidi, bagaimana hari ini dilaksanakan di Singapura, bagaimana dilaksanakan di Thailand? Kalau masih ada cara macam ini, orang akan ambil kesempatan. Di Thailand tidak ada apa, harga diesel satu ringgit, dua ringgit lebih, kenderaannya sama sahaja. Orang tidak bising pun, mengapa harus yang kita di Malaysia ini sentiasa mengharapkan subsidi kerajaan. Sekarang ini kerajaan baru ambil 30 sen, naikkan harga 30 sen daripada RM16 bilion subsidi, hanya kita ambil RM4 bilion itu untuk membangunkan yang lain. Saya kira Dewan yang mulia ini kita bincang, adakah Malaysia ini, bangsa Malaysia ini kita hendak jadikan bangsa subsidi sampai bila?...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya, tongkat, tongkat...

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Kan lebih baik RM16 bilion ini kita naikkan gaji kakitangan kerajaan...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Hah, tongkat, tongkat!

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: [Menyampuk]

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Kita bantu-bantu kepada kuasa luar bandar yang masih lagi belum membangun, kan lebih baik. Daripada kita pening kepala daripada semalam sehingga hari ini subsidi-subsidi, apa pendapat Kelana Jaya?

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin, memang itu cadangan yang amat bernas sekali bahawa kita tidak boleh bergantung pada subsidi sepanjang masa kerana negara kita perlu menjadi *competitive* di peringkat global dan di pasaran global, kalau kita hanya berkehendak kepada subsidi bila manakah kita akan mencapai status yang berdikari, yang berdaya saing di pasaran antarabangsa....

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Mohon penjelasan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: [Bangun]

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: [Bangun]

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: [Bangun]

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kelana Jaya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya nampak ini Kelana Jaya tangan dia tunjuk kepada Kinabatangan.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Kinabatangan, minta maaf Kinabatangan.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Ya, tidak apa, Kinabatangan... [Dewan riuh]

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, memang cepat dia punya pandangan. Memang layak, Yang Berhormat bagi Kelana Jaya, isu kenaikan harga minyak ini sebetulnya tidak ada isu, cuma ada pihak-pihak yang cuba mengempar-gemparkan isu ini. Apakah Yang Berhormat bersetuju, pembangkang juga memainkan peranan ke arah memporak-perandakan isu ini kalau kita masyarakat Malaysia sama-sama menyumbang ke arah pembangunan negara 30 sen, 15 sen disubsidi oleh kerajaan apa juga diambil kira? Masalah yang kita hadapi apabila ada tukang gempar maka ada mengambil kesempatan. Teh tarik naik, gula naik, sayur naik, ikan naik, tambang pun naik, semua naik, pokoknya tidak naik. Bola sepak itu tidak naik, memang... [Dewan riuh]

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tidak boleh naik punya itu apa macam cara pun tidak naik punya tetapi lain perkara, masyarakat kita ambil kesempatan untuk dipernaikkan. Jadi apakah Yang Berhormat setuju bahawa sudah tiba masanya kerajaan harus memberi motivasi kepada seluruh masyarakat negara kita dan penguatkuasaan harus dilaksanakan secara berkesan, iaitu memastikan siapa yang menaikkan harga didakwa ataupun disaman, itu sahaja. Kalau ini dapat dilaksanakan akan tidak berlaku lagi kenaikan harga di luar jangkaan, sebab kalau dibiarkan berlarutan akhirnya negara kita akan mengalami krisis ekonomi implikasi yang tidak dapat dikawal, minta pandangan Yang Berhormat.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kinabatangan, memang saya bersetuju segala pandangan itu dan memang juga semua pihak, bukan hanya pihak menyokong kerajaan pihak pembangkang dan kalau mencintai tanah air ini untuk melihat negara kita berkembang maju, berdaya saing haruslah kita menyokong segala....

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Pohon penjelasan.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Segala usaha yang telah dilakukan oleh kerajaan supaya kita mengeneipikan budaya subsidi ini.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: [Bangun]

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Ya, Yang Berhormat bagi Parit.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kelana Jaya dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di samping kita mengalu-alukan hasrat kerajaan untuk membelanjakan penjimatan subsidi RM4 bilion ini untuk pengangkutan awam. Saya juga hendak menarik perhatian oleh Yang Berhormat bahawa di luar bandar termasuk di kawasan saya di kawasan Parit, sebelum daripada kenaikan diesel ini pun, syarikat bas ini sudah menghentikan perkhidmatan mereka tiga, empat tahun yang lalu.

Jadi, Yang Berhormat boleh atau tidak kita, memberi dan meminta jaminan daripada pihak kerajaan supaya selepas ini, setelah mendapat penjaminan 4 bilion ringgit ini kerajaan memberi jaminan bahawa kawasan luar bandar terutamanya yang tidak mempunyai perkhidmatan bas awam dapat disediakan sama ada oleh pihak Mara atau pihak-pihak lain bagi membolehkan nikmat ini dapat dinikmati oleh mereka yang berpendapatan rendah, macam mana Yang Berhormat?

Tuan Teng Boon Soon [Tebräu]: [Bangun]

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: [Bangun]

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: [Bangun]

Tuan Teng Boon Soon [Tebräu]: [Membuat isyarat tangan]

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Sabar, okey, okey. Ya, Tebräu.

Tuan Teng Boon Soon [Tebräu]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kelana Jaya, saya bersetuju dengan Yang Berhormat yang mengatakan tadi bahawa perkhidmatan bas juga perlu dibekalkan kepada kawasan-kawasan yang biasanya dari kaca mata pengurus bas awam itu, bahawa kawasan itu tidak menguntungkan. Syarikat bas biasanya enggan meliputi kawasan ini dengan perkhidmatan bas, jadi saya hendak sentuh tentang perancangan pengangkutan awam itu yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, iaitu dalam perancangan pengangkutan awam bukan sahaja kita perlukan khidmat nasihat dari pakar-pakar seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Ayer Hitam tadi.

Saya beri satu contoh, di kawasan Johor Bahru biasanya perkhidmatan bas iaitu perancangan liputan pengangkutan awam itu diuruskan oleh Majlis Bandar Raya Johor Bahru. Pegawai-pegawai yang menentukan kawasan mana, syarikat bas mana boleh beroperasi di kawasan tertentu tetapi biasanya rakyat akan mengadu bahawa mereka tidak mendapat manfaat daripada perkhidmatan bas awam itu.

Oleh sebab itu, dalam perancangan pengangkutan awam, selain daripada kita dengar kepada pakar-pakar *transportation* seperti Yang Berhormat bagi Ayer Hitam itu, kita juga perlu mendengar kepada wakil rakyat kawasan itu. Kita perlu mendengar kepada wakil-wakil jawatankuasa penduduk atau NGO supaya mereka juga memberi pandangan. Wakil rakyat lebih tahu di sesuatu kawasan itu mana terdapat rakyat yang tidak mempunyai kenderaan, mana terdapat rumah-rumah pangsa, kos rendah. Jadi apakah pandangan Yang Berhormat bagi Kelana Jaya, adakah perlu juga orang-orang biasa, wakil-wakil NGO, wakil-wakil rakyat diberi peluang untuk memberi nasihat dalam pembentukan dasar-dasar pengangkutan awam, minta penjelasan.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tebräu dan terima kasih Yang Berhormat bagi Parit.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Sekejap dahulu. Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Tebräu, wakil rakyat juga memainkan peranan kerana wakil rakyat yang sentiasa *on the ground*, yang sentiasa berjumpa dengan penduduk akar umbi, maka pandangan-pandangan itulah yang disalurkan melalui wakil rakyat kepada pihak-pihak kerajaan. Oleh itu kerajaan tempatan di mana-mana pihak pun harus menerima pandangan-pandangan tersebut dengan hati yang terbuka.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: [Bangun]

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Ya, Yang Berhormat bagi Batu Gajah.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kelana Jaya. Ini kita boleh tengok dalam Dewan hari ini, suara-suara nyanyian lagu oleh ahli-ahli Barisan Nasional sudah beza. Sebelum dan selepas taklimat dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Seorang Ahli: Dia jawab, dia jawab.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Jadi, jangan lupa Yang Berhormat adalah wakil rakyat. Bukan wakil UMNO!

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Bukan wakil UMNO!

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Batu Gajah. Sabarlah. Tadi saya dengar Yang Berhormat bagi Batu Gajah pun menyokong tidak mahu ada subsidi supaya kita....

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Hei, jangan! Jangan!

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Ada. Jangan putar belitkan perkara ini. Apa yang penting ialah kita mesti merangka satu rancangan jangka panjang untuk menyelesaikan masalah secara keseluruhannya dan bukan hanya masalah di kawasan sini sahaja. Di Batu Gajah pun saya rasa sama juga penjimatan itu akan dapat digunakan dan untuk maklumat penjimatan bukan hanya RM4 bilion. Rancangan Malaysia Kesembilan - lima tahun. Jumlah penjimatannya adalah lebih kurang RM20 bilion.

Oleh itu kita boleh gunakan penjimatan itu untuk menyelesaikan banyak masalah dan untuk menyelesaikan masalah itu adalah jangka panjang dan kita tidak boleh menyelesaikan masalah ini dalam satu hari sahaja.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: [Bangun]

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Malah kita tidak boleh bergantung kepada budaya subsidi dan hendak hapuskan budaya subsidi....

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: [Menyampuk]

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]:Satu hari sahaja. Sabarlah. Bila saya cakap saya beri peluang kepada Yang Berhormat, dengarlah jawapan saya. Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Sepanggar... [Dewan gamat]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, habis?

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Belum. Saya beri laluan kepada Sepanggar.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Putatan.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Sorry, Putatan.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih sahabat saya bagi Kelana Jaya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan kenyataan Yang Berhormat bagi Kelana Jaya tentang peranan wakil rakyat ini. Sebagai wakil rakyat kita sedih kerana keadaan pada *interest national* ini termasuklah di Sabah dan Sarawak. Harga-harga barang di Sabah dan Sarawak ini agak berbeza sekali dengan harga barangan di Semenanjung. Ini satu kenyataan yang benar.

Walaupun kementerian atau kerajaan ada akta-akta kawalan bekalan iaitu Akta Bekalan 1961 dan Akta Kawalan Harga 1946, tapi ini tidak boleh menyekat kenaikan harga seperti gula, tepung, susu pekat, ayam, roti dan sebagainya di kedua-dua negeri Sabah dan Sarawak. Sayur-sayuran pun Tuan Yang di-Pertua sudah pun naik disebabkan tambang daripada kebun sayuran ke tempat penjualan seperti pasar dan sebagainya telah naik.

Jadi harga sayur yang dijual daripada petani itu masih kekal. Itu benar tapi yang pembeli iaitu orang-orang miskin di bandar ini terpaksa menanggung kos kenaikan harga-harga barang ini. Di Sabah kita ada telaga minyak agak besar. Kelapa sawit kita tanam dan mengeluarkan produk kelapa sawit yang terbesar di negara ini. Maka bersetujukah Yang Berhormat agar kenaikan harga-harga barang ini dibendung dan kalau boleh mencadang kepada kerajaan supaya harga-harga barang di Sabah dan Sarawak disamakan dengan harga di Semenanjung supaya adil sebagai satu *nation*, satu negara yang tercinta ini. Minta penjelasan.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Putatan. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Putatan. Jadi seperti mana yang saya cadangkan semalam di mana kerajaan juga wajar mengkaji semula pengurusan keseluruhan mekanisme harga ataupun *pricing mechanism* seperti jangan biarkan jurang perbezaan dalam *disposal income* di antara rakyat yang mengakibatkan mereka mengalami kerugian...

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: [Bangun]

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Maka kerajaan perlu mengkaji semula keseluruhannya *the pricing mechanism* dalam negara kita. Okey, Yang Berhormat bagi Sri Aman.

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sepanjang pagi ini mendengar wang RM4 bilion lebih ini yang akan digunakan untuk memperbaiki sistem pengangkutan dan saya bayangkan sistem pengangkutan ini adalah akan melibatkan orang di bandar tetapi di luar bandar seperti di Sabah dan Sarawak tidak ada pengangkutan, tidak ada jalan raya yang mencukupi. Ada yang masih menggunakan bot, ada yang membawa diesel dengan tangan, petrol dengan tangan untuk kegunaan mereka untuk generator di rumah panjang.

Macam mana kalau kita mencadangkan sebahagian daripada wang ini diberi kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, beri kepada Ahli Parlimen sekurang-kurangnya RM1 juta untuk satu kawasan Parlimen tambahan... [*Tepuk*] Supaya kita dapat membuat lebih banyak lagi jalan kampung, supaya kita tidak perlu menggunakan bot lagi dan rakyat juga dapat menikmati *saving* dari subsidi ini tadi. Oleh kerana sekarang keadaan di bandar makin sehari makin baik makin sehari makin pulih. Orang di bandar pun ada pilihan boleh pakai bas, kereta, basikal, kereta api. Orang di luar bandar masih pakai tangan, pakai kaki sahaja berjalan. Macam mana kalau sekurang-kurangnya satu kawasan Parlimen RM1 juta untuk membuat jalan kampung dan jalan luar bandar...

Beberapa Ahli: Sokong, sokong!

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: Untuk tambahan.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Yang Berhormat bagi Sri Aman, perkara ini boleh dipertimbangkan kerana untuk memperbaiki, membina jalan, menambah keselesaan jalan dan sebagainya adalah salah satu cara untuk menambahbaikan sistem perhubungan pengangkutan.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: [*Bangun*]

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: [*Bangun*]

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Tuan Yang di-Pertua, di dalam penyusunan semula.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada dua Ahli Yang Berhormat bangun. Sebelum itu Yang Berhormat panjang lagi?

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Panjang lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya fikir ada banyak cadangan, soalan sepatutnya kalau boleh lebih elok tuju kepada menteri semasa menteri jawab. Saya fikir Yang Berhormat tidak mempunyai satu keadaan yang boleh menjawab soalan.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Mungkin masa depanlah. Saya sokong cadangan-cadangan Yang Berhormat. Berkaitan dengan sistem pengangkutan sama ada di kawasan bandar dan luar bandar masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Parit dan sebagainya, saya rasa kita boleh melihat satu aspek macam di dalam sektor sistem transit aliran ringan di mana dari sektor ini kita lihat di bawah STAR atau PUTRA adalah antara langkah atau perkara yang boleh diberi perhatian oleh kerajaan dalam memperbaiki sistem pengangkutan awam ini. Sekiranya boleh sistem transit aliran ringan ini juga dikembangkan ke bandar-bandar lain bukan hanya di kawasan Lembah Klang sahaja.

Walau bagaimanapun, saya hendak memfokuskan bagaimanakah kita memperbaiki sistem transit aliran ringan ini. Kita akui bahawa.....

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Puchong.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: ...Akui bahawa sistem transit aliran ringan ini masih belum dapat mengatasi masalah pengangkutan awam disebabkan oleh kegagalan, penguatkuasaan sistem berintegrasi dan kebaikan sistem transit aliran ringan hanya dikecapi oleh segelintir rakyat di beberapa destinasi di Lembah Klang sahaja seperti mana yang telah diutarakan oleh beberapa Yang Berhormat. Oleh itu,

kita hendak minta pihak kerajaan supaya mengkaji bagaimanakah pula untuk melanjutkan perkhidmatan sistem transit aliran ringan ini ke kawasan-kawasan di mana memberi kepadatan penduduk yang tinggi seperti kawasan Yang Berhormat bagi Puchong, Cheras, Kepong, Selayang, Subang dan sebagainya.

Di samping itu, bagaimanakah kita boleh melanjutkan perkhidmatan sistem transit aliran ringan ini untuk menghubungi Putrajaya dan bandar-bandar yang lain. Kalau boleh terus dari Johor Bahru ataupun dari Seremban, Kajang dan sebagainya supaya rakyat yang ingin berurusan dengan Kerajaan Pusat dapat menggunakan sistem transit aliran ringan ini tanpa menghadapi masalah untuk membayar tambang bas ekspres yang tinggi. Itulah salah satu alternatif yang boleh kita fikirkan.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: [*Bangun*]

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Sekejap sahaja. Tuan Yang di-Pertua, sistem transit aliran ringan ini masih tidak berkesan sekiranya tidak ada sokongan daripada satu sistem berintegrasi seperti bas, *feeder*, tempat letak kereta, *connect* TV dan sebagainya. Maka saya hendak kemukakan kepada Dewan ini supaya kita melihat secara keseluruhannya sistem transit aliran ringan ini bagaimana ia dapat dilanjutkan ke bandar-bandar yang lain. Yang Berhormat bagi Puchong.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan juga Yang Berhormat bagi Kelana Jaya. Memang apa yang telah dicadangkan ataupun yang dikemukakan tadi oleh Yang Berhormat bagi Kelana Jaya memang satu masalah yang serius khususnya di kawasan-kawasan bandar tetapi saya difahamkan, masalah LRT ini yang dihadapi sekarang ialah ada dua masalah iaitu perancangan dan juga pelaksanaan. Saya difahamkan bahawa sistem pengangkutan sekarang ini khususnya LRT di kawasan bandar seperti Kuala Lumpur dan Petaling Jaya dan laluan mereka ini adalah tidak *comfortable*, dengan izin, kerana perancangan dia rapi dijalankan tetapi, pada masa yang sama, kita juga menghadapi satu delima.

Seperti contoh Yang Berhormat bagi Kelana Jaya jiran saya, kita telah diliputi oleh beberapa *highway* yang baru, yang mereka ini memerlukan *volume* untuk *sustained* di masa depan dan adakah ini kalau daripada penjaminan yang berjumlah RM4.4 bilion, kalau dalam lima tahun ini lebih daripada RM20 bilion, adakah ini Kerajaan Pusat khususnya, ingin untuk memberi wang ini untuk membina lebih banyak lagi laluan LRT ini kepada kawasan-kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk yang ramai seperti Kelana Jaya, Puchong ataupun Subang dan juga Petaling Jaya Utara ataupun Selatan. Ini adalah masalah yang kita hadapi kerana kalau kita membuat LRT di tempat itu, maka *highways* itu telah kekurangan *volume*, apakah pandangan Yang Berhormat?

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Puchong. Seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Puchong, masalah pelaksanaan dan perancangan itu adalah perkara pokok yang akan saya berikan penjelasan di sini.

Tuan Yang di-Pertua, sama ada masalah pengangkutan awam di bandar, di luar bandar, di pedalaman Kerajaan Pusat mempunyai tanggungjawab untuk menyelesaikan masalah ini secara keseluruhannya. Bukannya hanya tertumpu kepada kawasan bandar sahaja. Saya ambil contoh, pelaksanaan satu sistem pengangkutan awam yang berkesan haruslah bergantung kepada koordinasi yang baik di antara agensi-agensi kerajaan. Di kawasan Kuala Lumpur, terdapat beberapa agensi kerajaan yang terlibat dalam pengurusan sistem pengangkutan awam seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Kementerian Pengangkutan, Railway Asset Co-operation (RAC), EPU, *Highway Planning Unit*, Lembaga Lebuh Raya Malaysia, Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan, LPKP dan sebagainya.

Maka mungkin terdapat pertindihan dan justifikasi tugas serta fungsi di antara agensi-agensi kerajaan berkenaan dengan sistem pengangkutan awam di sesuatu kawasan. Hal ini mungkin akan menimbulkan masalah koordinasi dan perancangan seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Puchong, di mana sistem pengangkutan awam harusnya konsisten di seluruh negara. Maka adalah dicadangkan bahawa struktur organisasi agensi-agensi kerajaan ini dikemaskinikan supaya dasar dan polisi pengangkutan awam yang berkenaan dapat dirancang dengan teliti dan lancar.

Tuan Yang di-Pertua, mengemaskinikan struktur organisasi, agensi-agensi kerajaan adalah perlu dijalankan dengan mewujudkan satu pengawalseliaan berpusat untuk memberi perhatian khusus kepada usaha...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: ...Untuk memberi perhatian khusus kepada usaha mengintegrasikan dan memajukan sistem pengangkutan awam bandar yang dalam kes ini Lembah Klang adalah secara menyeluruh.

Pengawalseliaan berpusat ini adalah penting kerana rangka kawal selia masa kini adalah masih tidak bersepadu, dengan lebih daripada 10 agensi kerajaan yang terlibat dalam penggubalan dasar, perancangan, pelesenan dan penguatkuasaan.

Ya, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kelana Jaya. Saya ada dua soalan. Yang pertama ialah perniagaan *free market*. Bolehkah kerajaan betul-betul mengawal harga barangan yang bukan dikawal. Kalau kos perniagaan telah naik, telah meningkat dan kerajaan beberapa kali sudah menaikkan harga minyak, kerajaan boleh menaikkan harga minyak, tetapi tidak mengenakan peniaga-peniaga kecil, penjaja-penjaja kecil, tidak menaikkan harga barangan yang mereka jual itu. Bukankah ini 'buli' kecil yang hanya 'buli' mereka yang kecil-kecil yang jual ikan, jual sayur, jual teh tarik, jual bahun. Mengapa mereka yang kena sekali, kesannya kepada mereka tetapi nampaknya kerajaan hendak tujukan kepada golongan yang ini, peniaga-peniaga yang kecil. Bukankah ini 'buli' kecil, adakah ini munasabah?

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam. Sebagai wakil rakyat, kita juga perlu memberi persepsi yang betul. Kalau setiap kali kita sebut, kerajaan menaikkan harga minyak tidak betul. Kerajaan hanya mengurangkan subsidi bukan menaikkan harga minyak. Maka sekurangnya *message* ini dapat disampaikan dengan jelas, maka semua lapisan masyarakat memahami usaha yang dilakukan oleh kerajaan dan sebagai wakil rakyat juga kita harus menyemaikan satu pemahaman yang betul, bahawa kita tidak boleh bergantung kepada subsidi sepanjang masa. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua....

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Bangun]*

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Cukuplah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Gunakan konsep Yang Berhormat, okey kita bersetuju ia mengurangkan subsidi. Kerajaan memberi subsidi yang sangat banyak yang ada subsidi pelbagai. Soalnya, mengapa kurangkan subsidi petrol sahaja? Mengapa tidak kurangkan subsidi yang lain? Seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Jasin, mengapa tidak *take away all subsidies* seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Jasin, mengapa petrol, mengapa tidak subsidi yang lain. Bolehkah memberi penjelasan mengapa petrol?

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam. Kalau ada peluang, pihak pembangkang boleh cadangkan juga supaya hapuskan semua subsidi. Sekarang kerajaan cuma mengurangkan subsidi petrol sahaja, kalau nak hapuskan atau mengurangkan subsidi semua ini akan berlakunya kejutan dalam sistem ekonomi negara kita. Kejutan ini akan memberi implikasi yang negatif dan akan mengakibatkan *ripple effect* kepada keseluruhan sistem ekonomi. Kalau ini berlaku maka pihak pembangkang akan lebih bising lagi dengan hal ini... *[Disampuk]* Tidak adil bagi kerajaan. Yang Berhormat bagi Beluran.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Kelana Jaya. Saya setuju Tuan Yang di-Pertua dengan cadangan Kelana Jaya agar pembangkang daripada DAP sendiri mengusul agar semua subsidi dikurangkan. Dan kita tengok siapa yang memberi reaksi yang lebih tidak baik sedangkan sekarang RM0.30 sudah bising, buat demonstrasi.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tapi tidak apa Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyokong cadangan Kelana Jaya untuk mewujudkan satu badan agensi berpusat untuk memperhalusi semua aspek berhubung dengan sistem pengangkutan yang ada di negara kita. Ini kerana kalau kita lihat sekarang, kita naik LRT, kemudian kita berpindah kepada STAR, tidak ada *connectivity* yang sesuai malah menyulitkan bagi mereka untuk menyambung perjalanan kerana tidak ada tempat yang berpusat, di mana stesen di *centralized* kan untuk mengikuti sistem ini kepada sistem yang lain untuk berhubung menjadi satu perkara yang baik, yang tidak menyulitkan. Aspek itulah yang harus dilihat dalam memperbaiki sistem pengangkutan yang ada di negara kita.

Saya melihat itu sebagai perkara yang penting yang harus dilihat oleh satu agensi berpusat untuk menggabungkan semua agensi yang ada di negara kita tetapi Tuan Yang di-Pertua, masyarakat umum bertanya mengapa setelah 30 sen dikutip daripada masyarakat umum dan subsidi dikurangkan dan menjimatkan RM4.4 bilion, maka sistem ini dikatakan, wang ini dikatakan untuk memperbaiki sistem pengangkutan. Mengapa tidak agensi dan pihak yang berkenaan lebih proaktif melihat isu ini daripada awal dan tidak setelah RM0.30 dipungut dan RM4.4 bilion dijamin. Saya ingin minta pendapat daripada Kelana Jaya tentang isu ini. Terima kasih.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Beluran. Saya anggap apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Beluran itu sebagai sebahagian ucapan saya. Ini kerana saya memang bersetuju supaya segala sistem pengangkutan itu dapat diintegrasikan secara bersepadu, bukan hanya memanfaatkan segolongan rakyat sahaja tetapi seluruh negara, kalau boleh Sabah, Sarawak pun ada sistem transit aliran ringan.

Walau bagaimanapun, dalam hal ini untuk menyelesaikan masalah tersebut, saya rasa kita juga perlu melihat dari segi sumber tenaga alternatif. Seperti mana yang telah pun dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Bajet 2006 menyatakan hasrat kerajaan mempelbagaikan sumber tenaga. Kerajaan merancang untuk memulakan rancangan adunan *biofuel* pada tahap 5% minyak sawit diproses dan 95% minyak diesel untuk digunakan dalam usaha meringankan pergantungan kepada petroleum. Piawaian diesel baru ini akan dibangunkan oleh SIRIM, maka hari ini saya rasa kita perlu tanya apakah status rancangan kerajaan dalam perkara ini untuk memulakan program adunan *biofuel*. Apakah rancangan, apakah R&D telah pun dijalankan supaya dapat dimulakan dengan secepat mungkin....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Mambong, hendak bagi jalan?

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Yang Berhormat bagi Mambong.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih Yang Berhormat bagi Kelana Jaya. Soalan yang saya selalu ingin bertanya daripada pihak kerajaan dan juga daripada Yang Berhormat bagi Kelana Jaya ialah mengapa adunan 5% minyak sawit dan masih 95% diesel? Mengapa? Itu satu.

Yang kedua, mengapa kerajaan hanya membenarkan dua ataupun tiga buah syarikat untuk mengambil bahagian di dalam perusahaan ini sedangkan peralatan untuk membuat bio-diesel ini senang diperolehi. Jika kita ingin mengeluarkan 1000 liter untuk satu *cycle* bio-diesel ini, harga peralatan hanya USD10 ribu ataupun dolar Amerika Syarikat, ini tidak mahal. Mengapa tidak menggalakkan ramai lagi rakyat yang ingin mengusahakan bio-diesel ini, lebih-lebih lagi kontraktor Kelas 'F' yang sekarang sudah tidak ada kerja, sudah tidak ada projek. Mengapa tidak menggalakkan mereka untuk berusaha mengilangkan bio-diesel ini? Mohon jawapan daripada Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: [Bangun]

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Sekali? Ya Yang Berhormat bagi Jasin.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Jasin. Tumpang, tumpang sahaja, ya Jasin.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini berasaskan percakapan sahabat saya pakar dari Mambong ini. Memang kita tahu kerajaan berkata, dunia pun hari ini berkata kalau kita ada satu bahan tenaga alternatif, bermakna makmurlah negara kita. Saya bukan kata bio-diesel, saya sudah puas bercakap bio-diesel dua tahun dulu. Di Eropah sudah berjalan dua, tiga tahun dan

mereka sudah untung. Yang kita sumber ada, dan saya sudah cakap lagi dua tahun sudah berkenaan dengan satu *plant* ataupun tanaman yang nama *jatropha*, yang pada hari ini *British Oil One Company*, menanam di Madagascar, menanam di Afrika. Rupanya saya tengok Tuan Yang di-Pertua, yang *jatropha* ini rupanya sama dengan kita punya buah jarak, merata di kampung kita.

Di Kelantan dulu, orang Kelantan beritahu saya, orang Kelantan dulu kalau berjalan dalam semak tengah malam, ambil buah jarak ini ketuk-ketuk pasang pelita, jalan.

Seorang Ahli: Minyak?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Minyak! Mengapa yang kita lewat sangat? Kementerian Komuniti ini, kita banyak pada hari ini kita sentiasa sebut tanah terbiar, tanah terbiar, tanah terbiar. Yang mana tanah yang molek-molek, yang cantik-cantik ini tanamlah kelapa sawit. Yang tanah yang kurang molek ini, kita tanam... [Disampuk] *Jatropha* ataupun pokok jarak ini supaya kita dapat sumber satu lagi yang boleh dibuat bio-diesel.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dah, jangan jadi padang jarak sudahlah, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Tak akan jadi, itu padang jarak lain, Tuan Yang di-Pertua, ini bukan, 'padang jarak, padang tekukur', ini tanaman baru. Tanaman baru yang harus kita komersialkan kerana kita masih lagi banyak tanah, banyak tanah terbiar, tanah-tanah yang kurang sesuai untuk tanam kelapa sawit... [Disampuk] Ipoh Timur dia tidak tahu benda ini, Tuan Yang di-Pertua, dia buka cerita lama, dengarlah, dia tidak tahu benda ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Mungkin dia cadang juga, kita tidak tahu.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Jadi, kita berharaplah, *please, please, please*, kita minta supaya proaktiflah, kementerian-kementerian kita ini. Saya selalu sebut ini, Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang kita ini macam hero kampung sajalah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Bukan hero jalanan?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: [Ketawa] Bukan hero di luar ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Jadi, belum soalan lagi, Tuan Yang di-Pertua... [Ketawa]

Bersetuju atau tidak dengan saya Kelana Jaya, kita kena pergi lihat benda-benda macam ini, *biofuel*, tanaman-tanaman baru supaya negara kita akan lebih makmur pada masa akan datang. Silakan.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Jasin dan Yang Berhormat bagi Mambong. Memang persoalan-persoalan yang ditimbulkan itu juga persoalan saya. Apa yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Mambong berkaitan dengan mengapa hanya dua, tiga buah perusahaan diberi, mengapa hanya dua, tiga buah sahaja yang diberi untuk merancang *biofuel* ini.

Sebenarnya apa yang saya hendak tanya lagi kepada pihak kerajaan ialah dalam pembentangan Bajet 2006, kerajaan juga telah mengatakan bahawa merancang tiga loji *biofuel* untuk pasaran eksport. Bagaimana pula dengan pasaran domestik? Mengapa hanya eksport sahaja? Apakah rancangan kerajaan untuk menjual produk *biofuel* ini dalam pasaran tempatan untuk memanfaatkan rakyat tempatan? Mengapa hanya eksport sahaja?

Itulah persoalan yang kita timbulkan supaya kementerian dapat prihatinlah bagaimana kerajaan hendak berusaha untuk menyelesaikan masalah rakyat daripada penjimatan minyak tersebut dan bagaimana kita dapat mengoptimumkan kegunaan *biofuel* di pasaran tempatan.

Sehubungan dengan itu di dalam *Small Renewable Energy Power Program* atau SREP, yang diumumkan dalam tahun 2001, kerajaan juga bercadang melanjutkan

taraf perintis daripada 70% kepada 100% dalam masa 10 tahun dan kadar elaun cukai pelaburan daripada 60% kepada 100% selama 5 tahun. Di samping itu pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas peralatan yang digunakan dalam aktiviti berkenaan dilanjutkan sehingga 31 Disember 2010.

Persoalannya ialah sudahkan cadangan kerajaan tersebut dilaksanakan? Apakah tahap sambutan industri terhadap cadangan tersebut dan apakah tahap sumbangan sektor SREP tersebut kepada industri jana kuasa sekarang? Selain daripada itu, apakah usaha lain oleh kerajaan untuk menggalakkan pembangunan sektor SREP?

Tuan Yang di-Pertua, program...

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: [Bangun]

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Cameron Highlands, okey.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Semalam keluar TV *show* untuk benda lain, hari ini kita cerita *bio-diesel*. Terima kasih. Saya hendak tanya Yang Berhormat. Yang diuar-uarkan sekarang ialah teknologi *bio-diesel*, bagaimana kita hendak proses *bio-diesel* ini. Teknologi itu kononnya datang dari negara-negara Barat tetapi saya dimaklumkan bahawa teknologi dari India kosnya 30% sahaja. 30% kos dari Barat tetapi saya dengar banyak syarikat gergasi yang terlibat dalam *bio-diesel* ini mahu mengambil teknologi-teknologi yang kosnya begitu tinggi sekali. Oleh kerana seluruh dunia sekarang banyak berbincang ini, dari Eropah, dari US dan sebagainya.

Kenapa tidak kerajaan memantau ataupun mengambil satu usaha untuk memastikan bahawa kita mem *produce* atau mengeluarkan *bio-diesel* dengan kos yang begitu rendah daripada gergasi-gergasi *bio-diesel* Asia. Teknologinya sudah ada, so sekarang kita tukar Dasar Pandang Ke Timur, ke Dasar Pandang Ke Barat balik. Kita balik kepada Dasar Pandang Ke Timur dalam konteks pemindahan teknologi *bio-diesel* ini. Minta pandangan dan beri cadangan kepada kementerian.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Ya, bagus sekali, Yang Berhormat bagi Cameron Highlands, saya setuju sebab seperti di dalam program SREP, program SREP adalah untuk sektor jana kuasa sehingga 10 megawatt. Sehubungan itu saya ingin tahu apakah galakan kerajaan kepada pembangunan sektor loji jana kuasa lebih daripada 10 megawatt. Bagaimana pula polisi kerajaan dalam pemilikan ekuiti oleh pelabur asing di dalam syarikat SREP dan juga di dalam loji jana kuasa lebih daripada 10 megawatt yang menggunakan bahan kuasa yang boleh diperbaharui, *renewable resources* seperti *biofuel* yang dicakapkan oleh Yang Berhormat bagi Cameron Highlands, *biomass*, solar dan hidro.

Adakah bahagian pegangan pelaburan asing terhad kepada 30% sahaja? Apakah pegangan ekuiti ini dapat menggalakkan pelaburan asing untuk membawa teknologi ke Malaysia, adakan *transfer of technology*. Memandangkan sektor ini melibatkan teknologi canggih seperti yang telah dibangkitkan yang mungkin tidak dipunyai oleh Malaysia. Adalah wajar saya cadangkan kalau kerajaan membenarkan pelabur asing mengambil bahagian ekuiti lebih daripada 30% sebagai galakan pindah milik teknologi *renewable energy* kepada Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Panjang lagi, Yang Berhormat?

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Panjang lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, kalau boleh ringkaskan.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Saya hendak beralih kepada...

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Pasir Puteh bangun, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: *[Bangun]*

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Saya tertarik, sedikit sahaja mencelah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Pasir Puteh sila, Yang Berhormat bagi Jasin duduk dahulu.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kelana Jaya dan Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik tadi kerana hendak bawa pakar-pakar luar untuk *bio-diesel* ini. Kalau boleh kita beli teknologi dia, secara beli. Kita sendiri usaha. Jangan kita dok harap 100% tenaga daripada dia. Kita ada kepakaran, kita mesti yakin kepada rakyat kita. Kita boleh buat *Twin Tower*, kita boleh buat *KL Tower*, kita boleh buat KLIA, tetapi kenapa kita tidak boleh beli atau import sahaja teknologi, beri kepada orang kita, syarikat-syarikat gergasi dalam Malaysia. Setuju tidak? Semangat itu tetapi tidak marah.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Yang Berhormat bagi Pasir Puteh, kalau kerajaan mampu saya tidak ada halangan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kalau kita sudah pandai buat, Yang Berhormat, buat apa hendak beli lagi orang lain punya, kita buat sendirilah.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Betullah, buat sendiri.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: *[Bangun]*

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Ya.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat bagi Kelana Jaya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Jasin, sila.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Sebelum dia beralih, Tuan Yang di-Pertua. Saya kira sudah sampai masanya kerana kita menghadapi banyak subsidi yang kita keluarkan kerana orang kita banyak menggunakan minyak, kenderaan banyak. Kenapa tidak kita ubah cara kita kerana pada hari ini kebanyakan kereta yang ada di dalam negara kita adalah yang menggunakan minyak petrol, diesel kurang. Mengapa tidak kita tukar *mindset* kita, kita lebih galakkan rakyat menggunakan minyak diesel.

Kerana kalau kita lihat di antara kereta petrol dengan diesel, menggunakan minyak diesel boleh menjimatkan 30% daripada jumlah minyak yang digunakan dan saya kira kerajaan..., bagaimana di Eropah sekarang, Tuan Yang di-Pertua? Di Eropah, Tuan Yang di-Pertua, hari ini banyak kenderaan diesel lebih banyak daripada kenderaan petrol sehinggakan BMW yang terkenal dengan kereta lajunya pada hari ini sudah mengeluarkan kereta-kereta menggunakan diesel.

Baru-baru ini kita ucap terima kasih kepada kerajaan yang mengurangkan cukai diesel hampir 50%, tetapi saya rasa tidak cukup untuk menggalakkan rakyat kita pakai minyak diesel, kita biar samakan harga petrol dengan diesel. Justeru itu kalau ini kita dapat galakan rakyat gunakan kereta diesel, kita dapat mengurangkan penggunaan minyak dalam negara, dengan sendirinya *bio-diesel* yang kita akan buat melalui minyak kelapa sawit dan kalau kementerian ambil cadangan saya mengenai minyak jarak ini ataupun *jatropha* ini.

Jatropha ini, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak terangkan sedikit kepada Yang Berhormat bagi Kelana Jaya. Yang tadi Yang Berhormat bagi Cameron Highlands kata tentang teknologi *bio-diesel* dari India. *Jatropha* yang kita lihat di Afrika ini lagi murah. Cara dia memerahkan minyaknya itu, Tuan Yang di-Pertua, serupa macam peniaga-peniaga yang jual air limau, *lime juice* itu, mesin macam itu. Taruk sahaja *jatropha* itu, tekan macam itu, keluar dia punya minyak. Minyak terus...

Seorang Ahli: Tidak payah proses?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Tidak, kena diproses juga. Kena diproses salah satu bahan untuk membuat *bio-diesel* dan ini lagi murah, lebih murah. Apa pendapat Yang Berhormat bagi Kelana Jaya?

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: [Bangun]

Seorang Ahli: Biar dia jawab sekali.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Okeylah, Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya, terima kasih. Yang Berhormat, saya rasa kepakaran ini sudah ada dan Speaker kita sebelum dia jadi Timbalan Speaker, dia ada kepakaran ini bersama dengan syarikat dari Jerman untuk membuat *biomass* dijadikan diesel tetapi tidak menjadi juga. Persoalan yang kita hadapi iaitu untuk mengeluarkan *bio-diesel* ini kosnya terlalu tinggi dan pihak bank cuma membenarkan beberapa peratus pinjaman dan memerlukan wang yang banyak.

Jadi persoalan yang kita hadapi, bagaimana cara kerajaan untuk menggalakkan pengusaha-pengusaha mengeluarkan *bio-diesel* ini daripada bahan kelapa sawit dan sebagainya? Apa cara dia? Jangan kita menggalakkan tetapi tidak ada intensif. Kalau ada, kita punya Timbalan Speaker sudah kaya, dia sudah tidak jadi Timbalan Speaker... [Disampuk] Tetapi tidak menjadi.

Jadi apakah Yang Berhormat mempunyai sesuatu dalam fikiran Yang Berhormat untuk dicadangkan kepada kerajaan, bukan hanya menggalakkan, bukan hanya memantau tetapi serius ke arah menggalakkan penggunaan *bio-diesel* ini di masa akan datang...

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Boleh jawab sekali?

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Okey, Yang Berhormat bagi Mambong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Mambong.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kelana Jaya pengeluaran *bio-diesel* ini bukan susah sangat. Kita di negara ini, saya yakin kalau para *technologist* kita boleh membuat peralatan untuk pengeluaran *bio-diesel*. Kita sudah tahu proses, proses yang pertama kita memanaskan minyak. Selepas itu kita tambah katalis dan *methanol*, dan selepas itu proses *esterification*. Jadi melalui proses ini sudah tentu para *technologist* kita boleh membuat peralatan. Cuma sekarang persoalannya adakah kerajaan memang komited ataupun serius untuk mengeluarkan *bio-diesel* ini?

Yang kedua, adakah kerajaan komited dan serius untuk menukarkan enjin kenderaan daripada petrol ke diesel? Mengapa harga minyak naik? Satu daripadanya ialah penggunaan minyak petroleum ini adalah yang terbesar sekarang ialah negara China. Sudah tentu harga minyak naik, tetapi negara China juga sekarang sudah menukar dasar untuk menggunakan *bio-diesel*. Saya dijemput untuk mesyuarat penggubalan dasar di negara China. E-mel masih ada dalam komputer saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Mambong, yang *bio-diesel* tadi itu campur dengan metanol keluar *bio-diesel* dengan ester. Betul kah?

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Betul... [Dewan gamat]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Harga ester pun bagus, Yang Berhormat?

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Akan tetapi ada lagi deposit dia, *glycerine*...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: *Glycerine* yang harga dia mahal itu ya?

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: *Glycerine* ini adalah amat baik untuk digunakan adunan *make up* wanita-wanita... [Dewan gamat]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Mambong, pakar juga Tuan Yang di-Pertua... [Ketawa] Ada peluang lagi, Tuan Yang di-Pertua. Selain daripada *bio-diesel* saya rasa kita boleh mempelbagaikan sumber tenaga seperti negara kita kaya dengan natural gas. Apa salahnya kita menggunakan LPG. Saya rasa Yang Berhormat bagi Ketereh ada pengalaman tentang LPG ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat hendak bagi jalan, Ketereh dipersilakan.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Ya, bagi jalan.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Kelana Jaya. Bila sebut fasal gas ini, saya terpanggil untuk bangun sebab saya antara pengguna, orang panggil NGV, *Natural Gas Vehicle*. Saya baru tukar kereta isteri saya kepada natural gas. Bukan kereta saya, kereta isteri saya... [Dewan gamat]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Isteri yang mana satu itu?

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Itulah satu-satunya yang ada... [Dewan gamat] Yang lain masih dalam perancangan. [Dewan gamat dengan ketawa] Keinginannya ada, keberaniannya tiada... [Dewan gamat]

Natural gas ini ialah benda serius. Sebenarnya kita sudah lama dengar Tuan Yang di-Pertua, fasal gas. Dan semua orang memberikan gambaran kepada kita bahawa Malaysia ini ada banyak gas. Natural gas terlalu banyak trilion. Kemudian kita diberi gambaran bahawasanya murah dan memang betul murah. Petronas pada suatu ketika membuat sebuah kenderaan teksi yang menggunakan gas. Yang hijau, yang putih itu dia pakai gas, dia *promote*. Maka ramailah teksi pakai gas. Sekarang ini di Kuala Lumpur ada 15000 buah teksi yang pakai gas.

Saya hendak beritahu Dewan yang mulia ini, beza antara gas dengan petrol. Pertama gas boleh pakai, petrol pun boleh pakai. *You can just switch anytime* dengan izin. Saya pakai gas ini berjalan daripada Kuala Lumpur pergi KLIA, pergi Seremban balik ke Kuala Lumpur. Harganya hanya RM4.13 sen, harga tol lebih mahal iaitu RM14 pergi balik. Maknanya perbezaan ini jauh-jauh ketara tetapi menjadi masalah kepada kita semua orang sudah tukar semua ini. Banyak orang sudah tukar.

Saya pergi ke satu syarikat, nama syarikat itu Mahyudin NGVD. Dia seorang budak bumiputera dan dia bagi tau saya gas ini bukannya boleh masuk sebarang silinder. *It has to be in seamless cylinder*. Silinder yang tidak boleh dibuat, dipotong-potong. Mesti datang dalam bentuk silinder sebab *pressure* yang ada dalam silinder ini adalah 3800 psi. Sangat tinggi *pressure* nya. Kemudian kena import, negara yang eksport ini hanyalah Itali, Argentina, dan India. Yang termurah dari India tetapi India tidak jual kepada Malaysia sebab Malaysia hanya beli 100 biji, 200 biji. Di Pakistan dia beli sampai berpuluh ribu biji. *So no point* untuk dia jual kepada Malaysia dan harga yang termurah untuk *seamless cylinder* ini ialah sebanyak RM1400, silinder itu sahaja. Jadi kos memasang itu, kalau kereta yang ada karburetor Proton Saga ke bawah nilainya RM2,900. Kalau kereta yang pakai *fuel injection* RM4,900 tetapi penjimatannya amat-amat tinggi.

Persoalan yang saya hendak sebut di sini ialah saya sudah sebut dalam majlis tertutup tapi biar saya sebut dalam dewan yang terbuka ini. Rakyat marah kepada minyak naik ini, kerana rakyat sebenarnya tiada pilihan. Di Malaysia ini semalam hujan, air turun dari langit. Air kalau malam kita duduk tidak ada meneduh ada air embun. Kita gali perigi, gali tanah 3 kaki, 4 kaki ada air. Maknanya air adalah ada di mana-mana. Di mana-mana ada air, tetapi air di Malaysia ini harganya RM2.10 sen...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ini berucap kah? Minta penjelasan daripada anda berdua.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Hendak penjelasan ini sebab hendak jelaskan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, teruskan Yang Berhormat.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Boleh saya teruskan. Boleh Kelana Jaya saya teruskan.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Kalau tidak puas hati boleh saya sambung balik... [Dewan gamat] RM 2.10 sen satu liter harganya, harga petrol RM1.92 sen satu liter. Lebih jauh mahal air daripada minyak petrol sedangkan petrol kena bayar premium, petrol kena ada *oil read*, petrol kena buat *exploration*, petrol ada kos yang tinggi, air tidak ada gali dapat. RM2.10 sen yang peliknya rakyat tidak marah. Walaupun RM2.10 sen, PAS tidak buat demonstrasi untuk air naik RM2.10 sen, PA, Aveo tidak ada, DAP pun sama tidak ada. Tidak marah air mahal, padahal air *readily available*, kenapa? Sebab rakyat boleh ambil air perigi, boleh minum air paip, ada pilihan kepada rakyat. Rakyat boleh ambil air yang murah tidak perlu beli PA, tidak payah minum Aveo sebab ada air yang murah.

Begitulah juga dengan penggunaan tenaga, ini yang hendak pergi ke situ sebenarnya. Kalau tenaga ini kita bagi pilihan yang murah tentu rakyat tidak marah. Pilihan murah ada atau tidak di Malaysia. Ada iaitu natural gas. Gas yang diambil daripada Kuala Terengganu dimasukkan ke dalam paip hantar ke Pahang, hantar ke Negeri Sembilan, di hantar ke Kapar bawak ke Segari terus ke Butterworth. Sekarang ini ada *loop* baru, daripada Songkhla terus pergi Butterworth. Maknanya gas kita sudah ada *loop* tetapi yang peliknya kenapa stesen gas kita tidak banyak?. Kita *promote* gas tetapi kita tidak buat stesen gas. Stesen gas yang ada di Semenanjung hari ini hanya hampir 50 buah, 38 di sekitar Klang, kalau tidak silap saya, empat di Johor, dua di Melaka, satu di Butterworth.

Jadi kalau kita bagi pilihan ini, *one announcement* daripada kerajaan, mulai tahun ini kita akan pasang 100 buah stesen gas baru untuk rakyat, berebut rakyat akan bertukar kepada gas sebabnya ianya adalah menjimatkan. Rakyat tidak akan marah lagi, rakyat akan rasa bahawa engkau hendak naik minyak RM100 ke, RM50 ke tidak menjadi masalah sebab saya mahu pakai gas. Gas hanya RM4 untuk berulang-alik daripada Kuala Lumpur ke Seremban. Terima kasih dan bolehkah Yang Berhormat bersetuju?

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Ketereh. Apa yang di cakap oleh Yang Berhormat bagi Ketereh jadilah sebahagian daripada ucapan saya... [Dewan ketawa]

Saya bersetuju, saya memang bersetuju bahawa rakyat perlu diberi pilihan sumber tenaga.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Sahabat saya Kelana Jaya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kelana Jaya hendak bagi banyak sangat jalan, saya hendak bagi Yang Berhormat

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Jawab sekali ini, yang saya hairan di cakap oleh...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak bagi jalan yang mana Yang Berhormat?

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Parit dahulu...

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Parit dahulu atau, ya, Parit...

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kelana Jaya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma tertarik dengan apa yang sahabat saya dari Ketereh sebut tadi. Sekarang ini kita dapati gas sebagai alternatif tapi yang menjadi masalahnya saya difahamkan daripada sahabat saya dari Kelana Jaya boleh sahkan. Petronas tidak berminat untuk membesarkan urusan gas ini. Apa kata misalnya kita cadangkan supaya pihak kerajaan menimbangkan supaya urusan *business* gas ini diberi kepada syarikat lain, tidak kiralah apa namanya yang berminat bagi membantu kita rakyat ini untuk mendapatkan alternatif *fuel* yang selain daripada petrol dan diesel, Petrol gas. Macam mana Yang Berhormat?

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Yang Berhormat bagi Jasin.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Yang Berhormat bagi Jasin, silakan....

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Tuan Yang di-Pertua, saya pun hendak campur juga soalan kepada Yang Berhormat bagi Kelana Jaya. Dengar cakap tadi daripada sahabat saya daripada Yang Berhormat bagi Ketereh, memang kita yakin katanya kerana kita banyak *gas*, begitu yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Parit. Kalau kita banyak *gas*, mengapa pula LPG tiba-tiba naik 30 sen?

Seorang Ahli: Betul.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Kenaikan yang baru ini...

Seorang Ahli: Masak.

Seorang Ahli: Naik juga.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Naik juga. Habis kata kita banyak. Habis kata kita boleh membakar di Kemaman.

Beberapa Ahli: Whoaa!

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Membakar, cakap memang sedap.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Tetapi mengapa LPG naik?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Naik juga.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Naik juga.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Berapa naik?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Sila, Kelana Jaya.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin. LPG setahu saya kerajaan memberi subsidi yang lebih berbanding dengan petroleum dengan diesel, masih subsidi lagi Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Walau bagaimanapun...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ketereh bangun lagi Yang Berhormat.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Ada lagi Yang Berhormat?

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Saya hendak minta pembetulan. Sebenarnya kena faham. Antara LPG dan NGV, dia lain. Gas yang banyak ini ialah natural gas. Gas yang dinaikkan itu adalah LPG, itu untuk masak. Untuk pakai kereta, bukan untuk masak. Tidak boleh, masak kereta itu... *[Dewan gamat]*

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Ya, terima kasih Yang Berhormat bagi Ketereh.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Seorang Ahli: Betul, betul.

Seorang Ahli: Masak gas sudahlah.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Okey. Sama ada diesel subsidi, sama ada adanya pilihan tenaga yang lain, semuanya di bawah tanggungjawab kerajaan supaya membuat penyelidikan, membuat penggubalan dasar, memberi perkhidmatan kepada rakyat. Oleh itu, untuk memastikan kesemua rancangan kerajaan berjaya, maka saya rasa pihak perkhidmatan awam bertanggungjawab. Maka topik yang akan saya cakap sekarang ini adalah pada pandangan *Key Performance Index* atau KPI, untuk sektor perkhidmatan awam.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan di sini untuk menyeru Dewan ini mengalu-alukan serta memuji Ketua Polis Negara Tan Sri Mohd. Farid Omar

berkaitan ucapan beliau pada majlis perasmian Seminar Ketua Polis Daerah. Menurut beliau, PDRM tidak memerlukan pegawai dan anggota yang tidak berpengetahuan dalam melaksana dan menguatkuasakan undang-undang. Beliau juga kata bahawa jika seseorang pegawai dan anggota gagal berubah untuk memenuhi kriteria tersebut, adalah wajar mereka berhenti dan mencari kerja lain.

Seorang Ahli: Betul, betul.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong juga menyatakan usaha-usaha PDRM. Ini dapat meningkatkan tahap kecekapan, integriti dan profesionalisme mereka dan natijahnya membolehkan rakyat menikmati keamanan dan kedamaian. Namun Yang di-Pertuan Agong juga berasa bimbang kerana terdapat laporan antarabangsa yang menonjolkan kelemahan dan kekurangan sistem penyampaian kerajaan yang ada berkaitan dengan sektor perkhidmatan awam, dalam konteks mengukuhkan kedudukan dan daya saing negara.

Sesungguhnya kerajaan ingin mewujudkan satu perkhidmatan awam yang cemerlang dan bertaraf dunia yang memenuhi kehendak dan cita rasa pelanggan baik dalam kalangan rakyat mahupun dari luar negara. Sikap terbuka Ketua Polis Negara untuk diteladani oleh semua ahli perkhidmatan awam di negara kita termasuklah Ketua-ketua Setiausaha, Timbalan-timbalan Ketua Setiausaha, Ketua-ketua Pengarah dan anggota-anggota pentadbiran.

Dengan itu, selain daripada pelaksanaan sistem *Key Performance Index* atau KPI, dalam agensi-agensi awam dan syarikat-syarikat berkaitan dengan kerajaan GLC, saya mencadangkan agar sistem KPI tersebut juga dilaksanakan ke atas pegawai-pegawai tinggi perkhidmatan awam dan anggota-anggota pentadbiran. Ini disebabkan *accountability* ataupun tanggungjawab itu adalah ciri yang mustahak dalam perkhidmatan awam. Pengharapan rakyat ialah pegawai dan anggota berkenaan berkhidmat secara profesional dengan penuh komitmen bagi memastikan penyampaian perkhidmatan yang cekap, adil dan berkualiti. Seterusnya...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Kinabatangan.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Ya, Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sistem penyampaian ini telah diminta oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya dapat dilaksanakan dan di situ juga dia sentuh termasuk *delegate power* iaitu pengagihan kuasa, penurunan kepada *proxy* di bawah ataupun perwakilan-perwakilan di pejabat dia... [Ketawa] Yang aneh dan pelik, sudahlah Perdana Menteri meminta *delegate power*, tetapi pegawai-pegawai ini, ketua-ketua ini daripada dia satu pengerusi mesyuarat, dia jadi semua pengerusi.

Pokoknya kalau dia jumpa, dia mesyuarat. Dia mesyuarat sana, mesyuarat sini. Berapa kali hendak mesyuarat? Jadi urusan dia tidak dapat dilaksanakan sebab dia asyik bermesyuarat. Jadi bermakna, ucapan Yang Amat Berhormat dan saranan Perdana Menteri itu tidak diendah dan dinafikan oleh pihak-pihak yang tertentu ini. Jadi apakah Yang Berhormat berpuas hati dengan proses yang berlaku sekarang ataupun masih banyak yang perlu dilakukan?

Dalam ucapan saya insya-Allah, saya akan memfokuskan kepada ucapan saya dalam menjurus ke arah *delivery system* kita sebab ini saya tengok tidak berkesan dan tidak diamalkan oleh pihak-pihak yang seharusnya, perkara yang selesai satu jam boleh berlaku satu tahun. Jadi ini tidak memuaskan hati rakyat kita. Kerajaan ini kerajaan kita. Kita harus melindungi masyarakat kita. Mereka keutamaan kita. Justeru itu, saya minta pandangan Yang Berhormat, apakah Yang Berhormat ingin mencadangkan supaya Perdana Menteri lebih tegas menangani isu ini sebab masih banyak yang ingkar dan tidak patuh dengan arahan-arahan. Minta penjelasan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, sekali jawapan. Yang Berhormat Kelana Jaya, ya.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Beluran, ya.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kelana Jaya. Salah satu elemen pengukuran KPI dalam menilai keberkesanan pentadbiran

kerajaan adalah melihat saranan kerajaan untuk mewujudkan *e-government*. Kalau kita lihat *rating* daripada *Brown University USA* ini, yang dikeluarkan pada September 2005 menunjukkan bahawa *e-government* Malaysia, *annexnya* telah jatuh daripada 26.2 *rating* 2004, *ranking* 83 kepada 20.8 pada 2005 dan jatuh *ranking* kepada 157, di antara 198 negara-negara yang *disurvey*, diselidik oleh *Brown University* ini.

Ini menunjukkan bahawa kita tidak ada peningkatan dalam usaha kita untuk me *e-government* kan sistem pentadbiran yang ada. Yang Berhormat bagi Kelana Jaya, adakah ini salah satu aspek Yang Berhormat ingin mengemukakan kepada kerajaan untuk melihat elemen pentadbiran yang baik dalam pengurusan, melihat dari segi KPInya tentang kebolehan kita untuk menguasai *e-government* ini. Melihat kepada *ranking* yang jatuh di kalangan 158 negara yang telah di *survey* oleh penyelidik-penyelidik luar ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kelana Jaya, saya hendak memberitahu Yang Berhormat. Yang Berhormat boleh habiskan sebelum jam 1, jangan bagi laluan kalau banyak lagi yang hendak dicakapkanlah.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Okey. Saya ada beberapa isu lagi hendak dibangkitkan. Biar saya habiskan dahulu isu ini, iaitu apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Beluran saya bersetuju supaya pihak kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi yang menekankan integriti perkhidmatan awam, sistem penyampaian. Maka, apa yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Kinabatangan juga perlu diambil perhatian. Jangan menghadiri mesyuarat sahaja.

Kita tahu banyak kali Ahli-ahli Dewan Rakyat ini telah membangkitkan isu. Pegawai-pegawai tinggi hadir mesyuarat, tetapi berapa kalikah mereka menghadiri Persidangan Dewan Rakyat, mendengar saranan-saranan wakil rakyat, kerana *direct* daripada *House of Lord* lebih baik daripada melalui pegawai-pegawai pemerintahnya. Saya rasa kehadiran pegawai-pegawai tinggi untuk menerima maklumat ini, saranan ini daripada Dewan Rakyat adalah lebih baik...

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Maka, kehadiran mestilah...

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Satu, satu.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: ...Dipantau juga.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: *Last one, last one.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Last.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: *Last.*

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Okey, *lastlah.*

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Terima kasih. Sistem penyampaian banyak diceritakan, tak payah banyak. Mengikut Pekeliling Kemajuan Perkhidmatan Awam (PKPA) Bil. 4/92 semuanya sudah diberi iaitu dari segi Piagam Pelanggan dari segi tatacara tindakan, masa diambil tindakan susulan, penyelesaian semuanya ada. Masalahnya masih *persistent*, dengan izin. Saya rasa mungkin ada masalah antara penggubal dasar dan orang yang melaksanakan dasar yang tidak memahami. Saya petik satu, saya minta komen ini. Ucapan Speaker Tan Sri Ramli bin Ngah Talib dalam upacara pembukaan bengkel WTO, World Bank and CPA.

Saya ingat cukup tertarik dan saya minta komen daripada Yang Berhormat bagi Kelana Jaya. Dengan izin,

"In the past when one talks about national security, we are sure that we are talking about protecting the state, its boundaries, people, institutions and values from external attacks. But today national security...."

Saya ulangi ya, *".....national security is not only about defending your borders, but also acknowledging the legitimate*

concerns of ordinary people who seek security in their daily life against the stress of disease, hunger, joblessness, crimes, social conflicts, political repression and environmental degradation towards human security. Let me retaliate here that we should place the welfare of our people at the centre of our policies in socioeconomic development. That is national security”.

Dan saya rasa mungkin rakyat ataupun pelaksana dasar ini tidak memahami ini. *Ordinary man* di peringkat daerah, peringkat negeri dan peringkat JKK tidak memahami ini, *national security* maka mereka berkonflik dengan *national security*. Minta komen.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Terima kasih Yang Berhormat Cameron Highlands. Saya bersetuju

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: [Bangun]

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Lipis.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya rasa menyentuh tentang perkhidmatan awam, KPI dan sebagainya rasanya elemen yang paling penting yang perlu kita fikirkan bersama yang perlu difikirkan oleh kerajaan ialah kecukupan pegawai, itu yang penting. Kita bercakap tentang *downsizing*, dengan izin tetapi kita tidak pernah memikirkan tentang *rightsizing*. Jadi kadang-kadang sebagai contohnya kalau kita tengok di pejabat daerah di mana seorang pegawai daerah terpaksa mepengerusikan berpuluh-puluh jawatankuasa. Kemudian kalau ada perkara-perkara yang hendak diwakilkan pula ketua penolong pegawai daerahnya tidak ada, penolong pegawai daerah tidak cukup dan berbagai-bagai lagi.

Begitu juga saya rasa dengan perkhidmatan polis. Kalau kita lihat banyak jawatan pegawainya tidak diisi. Jadi bagaimana seseorang dapat berfungsi secara berkesan kalau terlalu banyak melebihi keupayaannya untuk bertugas. Minta penjelasan.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Tuan Yang di-Pertua, apa yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat bagi Cameron Highlands dan Yang Berhormat bagi Lipis amat kena pada tempatnya. Perkhidmatan awam tugasnya, fungsinya ialah mementingkan kepentingan rakyat sebagai mana yang telah ditekankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa pilihan raya di mana telah mengatakan mengutamakan kepentingan rakyat. Kalau rakyat selesai tidak ada masalah dengan keselamatan. *There is no problem with the national security* kalau rakyat dapat dijaga, dipelihara dan dibela oleh kerajaan.

Dan berkaitan dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Lipis berkenaan dengan kecukupan pegawai. Saya rasa kerajaan kita mempunyai satu *pool of civil servants* yang cukup. Cuma soalnya adalah *right man for the right job*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Bagaimanakah seseorang pegawai itu dapat ditempatkan di sesuatu kementerian, di jabatan diberi tugas yang bersesuaian dengan kepakarannya dan oleh itu sama ada saiz perkhidmatan awam sekarang ini cukup atau tidak dan apakah kesusahan pegawai itu. Saya rasa pihak Jabatan Perkhidmatan Awam ataupun Suruhanjaya Perkhidmatan Awam perlulah membuat satu kajian yang menyeluruh, keseluruhan sistem perkhidmatan awam ini. Untuk memastikan agar adanya integriti, ada keberkesanan dalam sistem penyampaian di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya teruskan untuk ke perkara lain. Isu perkhidmatan air. Air adalah sumber semula jadi yang perlu dinikmati oleh semua hidupan. Air merupakan keperluan asas bagi semua hidupan di muka bumi ini. Lebih kurang 72% keluasan bumi dikelilingi oleh lautan iaitu air. 28% daripada bumi adalah daratan dan 10% daripada jumlah keluasan daratan diliputi dengan air yang menjadi beku iaitu ais seperti di Kutub Utara dan Kutub Selatan tetapi daripada jumlah air di bumi ini pakar sains mengatakan, bahawa hanya kurang daripada 3% sahaja yang boleh digunakan oleh tumbuh-tumbuhan, haiwan dan manusia. Maka air memainkan peranan yang sangat penting di dalam kehidupan. Penduduk dunia dianggarkan lebih kurang 6 bilion orang dan kajian menunjukkan bahawa 1.1 bilion orang daripada jumlah penduduk dunia ini tidak mendapat bekalan air bersih, manakala 2.4 bilion pula tidak dapat menggunakan sistem sanitasi yang sempurna.

Menjelang tahun 2025 dianggarkan bahawa dua orang dari setiap tiga orang penduduk dunia akan menghadapi masalah bekalan air bersih. Dan sejak akhir-akhir ini isu kekurangan air bersih yang berkualiti telah menjadi masalah di beberapa negara termasuklah negara kita. Contohnya di negara kita masalah kekurangan air juga semakin ketara. Misalnya di negeri Selangor dijangka akan mula mengalami kekurangan air pada tahun 2008, ini kelonggaran kerana ada orang mengatakan masalah kekurangan air di Selangor akan bermula pada tahun 2007 tetapi kita bagi kelonggaran sedikit.

Oleh itu projek pemindahan air mentah di antara negeri Pahang dan Selangor difikirkan perlu dilaksanakan dan dijangka siap pada tahun 2011. Projek yang dianggarkan menelan perbelanjaan sebanyak RM3.8 bilion ini melibatkan pembinaan terowong sejauh 45 kilometer merentasi Banjaran Titiwangsa. Dijangka selepas penyempurnaan projek itu maka kawasan Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya akan mendapat bekalan air yang berterusan. Akan tetapi dengan terbinanya terowong itu adakah masalah perkhidmatan air akan diselesaikan secara menyeluruh? Belum pasti lagi. Memang tidak dapat dinafikan bahawa pembangunan tidak mapan *not sustainable*.

Pemusnahan alam sekitar dan kekurangan penguatkuasaan undang-undang serta ketidakpatuhan perundangan perancangan telah menyebabkan kualiti air dan keupayaan untuk pembekalan air terjejas dan seterusnya mengakibatkan satu ancaman serius terhadap ekonomi, kestabilan, kesihatan, keselamatan populasi dan kemasyhuran Malaysia.

Mengikut laporan dari *National Water Resources Study* tahun 2000 hingga 2050 dengan izin saya petik, "*Most of our rivers are polluted. There are 76 rivers in Peninsular Malaysia, 22 of which are classified as polluted. Another 44 are described as slightly polluted and the remaining 10 rivers are said to be clean*". Sungai adalah salah satu sumber air untuk kegunaan kehidupan.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini satu krisis ancaman kesihatan telah berlaku apabila tahap amonia di Sungai Selangor telah mencapai satu peringkat berbahaya pada kadar 9.2 miligram seliter dan piawaian oleh Kementerian Kesihatan adalah pada kadar 1.5 miligram seliter. Ini bermakna standard iaitu 9.2 miligram seliter itu tidak sesuai sama sekali untuk diminum oleh manusia mahupun binatang.

Di Selangor laporan selanjutnya mengikut laporan pemeriksaan Rancangan Struktur Negeri Selangor untuk tahun 2002 hingga 2020 yang telah membuat analisis terhadap kualiti air sungai di negeri Selangor sebagai contoh di mana dikategorikan sebagai sederhana tercemar, kecuali Sungai Selangor sampailah ke akhir-akhir ini.

Di sini dinyatakan bahawa majoriti sungai di Selangor ini berada di bawah kelas tiga penggunaan air. Bagi kelas tiga untuk bekalan air mentah memerlukan rawatan yang ekstensif dan keadaan ini melibatkan kos penyelenggaraan yang tinggi. Di antara sungai-sungai di negeri Selangor kualiti air sungai ditunjukkan bahawa:

Sungai Klang	Tercemar
Sungai Buloh	Tercemar
Sungai Sepang	Sederhana tercemar
Sungai Langat	Sederhana tercemar
Sungai Selangor	Bersih (sampailah berlakunya krisis itu)
Sungai Linggi	Sederhana tercemar
Sungai Bernam	Sederhana tercemar

Inilah keadaan air sungai di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, melainkan satu tindakan drastik diambil tanpa waswas dan tanpa pilih kasih untuk memperbetulkan keadaan demi kepentingan rakyat, jika tidak lambat laun kita akan mengalami satu krisis yang akan menggugat kestabilan negara.

Oleh kerana pelbagai permasalahan yang timbul berkaitan dengan sumber dan bekalan air, maka Jadual Kesembilan dan Kesepuluh kepada Perlembagaan telah dipinda pada tahun lepas. Selain daripada menjadikan bekalan air dan memelihara

warisan perkara bersama Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri, pindaan telah dibuat dengan harapan agar Kerajaan Persekutuan perlu mengurus, mengawal selia industri air dan melesenkan pengendali air dengan pendekatan yang fokus dan seragam. Bagi maksud ini satu badan pusat bertaraf suruhanjaya akan kemudiannya ditubuhkan dan suatu undang-undang persekutuan tentang industri perkhidmatan air akan diperbuat dalam Dewan yang mulia ini.

Saya hendak memuji Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi yang telah mengambil inisiatif untuk mengadakan dialog awam bagi mendapatkan maklum balas. Walau bagaimanapun, sebelum rang undang-undang berkaitan dengan Industri Perkhidmatan Air atau IPA, dan Rang Undang-Undang Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dibentangkan dalam Dewan ini, sukalah saya menyampaikan beberapa pandangan yang merupakan suara rakyat untuk perhatian Dewan yang mulia ini dan menggesa kementerian berkaitan dan Jabatan Peguam Negara semasa mengemas kini kedua-dua rang undang-undang itu hendaklah mengambil kira rintihan rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Pasir Puteh bangun, Yang Berhormat.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Ada sedikit tambahan.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Silakan Yang Berhormat.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Kelana Jaya, Tuan Yang di-Pertua. Undang-undang satu aspek, yang aspek dok berjalan sekarang ini ialah arahan pentadbiran. Kita hendak supaya penyeliaan, pengawalan, *monitoring* dengan izin, diambil melalui pentadbiran. Kita tidak mahu biarkan. *Legaly right, morally right*, kita hendak begitu, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Pasir Puteh. Saya bersetuju bahawa di dalam soal bekalan air itu memang banyak aspek yang perlu dipertikaikan, diperbincangkan ataupun diperbahaskan seperti aspek sumber air, rawatan air, kuasa menteri, kuasa kerajaan negeri, keberkesanan SPAN dan sebagainya. Walaupun banyak aspek dalam rang undang-undang berkaitan dengan perkhidmatan air boleh dibicarakan saya hanya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini memberi fokus kepada satu aspek sahaja iaitu kepentingan rakyat dan perlindungan pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, berlainan dengan hidupan tumbuhan dan haiwan, sumber air yang digunakan oleh manusia hendaklah terlebih dahulu dipastikan kebersihan dan keselamatannya. Dengan izin, *there can be no live without water but more importantly there can be no human life without drinkable water*. Maka hendaklah ditetapkan sekiranya ada operator yang mengendalikan bekalan air, operator hanya boleh membekalkan air secara berterusan yang memenuhi piawaian atau standard kualiti air yang ditetapkan.

Memandangkan pihak operator akan diberi hak untuk membuat kutipan, memotong bekalan air dalam keadaan tertentu, TNB boleh memotong bekalan elektrik, mengambil tindakan sivil atau undang-undang terhadap pengguna di mahkamah, maka hak yang sedemikian rupa perlu diberi kepada pengguna juga. Orang awam perlu mempunyai hak untuk mendapatkan pampasan sekiranya pemegang lesen air gagal untuk mematuhi undang-undang yang mewajibkan mereka ikuti sepanjang masa. Hanya melalui hak dan tindakan pengguna sahaja yang membolehkan kerajaan dan rakyat bekerjasama secara efektif untuk meneliti dan memastikan kesempurnaan pembekalan air memberi manfaat kepada seluruh negara.

Dengan itu, sekiranya pihak operator gagal membekalkan air bersih yang memenuhi piawaian kualiti air secara berterusan, maka pengguna boleh menuntut ganti rugi daripada pihak operator dan ganti rugi yang dituntut bolehlah ditentukan oleh mahkamah atau tribunal tuntutan pengguna.

Di samping itu, standard kualiti air minuman yang minimum hendaklah tersurat di dalam undang-undang dengan jelasnya. Walau bagaimanapun standard kualiti air boleh diperincikan di dalam peraturan yang akan ditetapkan oleh SPAN, dengan syarat perincian dibuat hanya untuk mempertingkatkan standard kualiti air.

Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, boleh Yang Berhormat rumuskan semua ucapan?

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Panjang lagi, Tuan Yang di-Pertua...
[Meneliti nota di atas meja mesyuarat]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kalau hendak bagi panjang lagi, memang panjanglah...

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Ya, saya akan cuba. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Perkara mengenai caj atau bayaran perkhidmatan pembekalan air yang akan dikenakan kepada pengguna merupakan perkara yang dikhuatiri oleh semua lapisan masyarakat. Kebiasaannya apabila sebuah syarikat swasta mendapat konsesi perkhidmatan seperti yang berlaku dalam bidang lebuhraya bertol, sudah ditentukan dalam tempoh tertentu boleh membuat semakan tarif oleh pihak konsesi, pengendali dan bayaran akan dinaikkan. Kalau tidak dibenarkan kenaikan, kerajaan kena membayar pampasan kepada syarikat berkenaan. Walau bagaimanapun akhirnya rakyat juga yang kena tanggung kerana hasil pendapatan kerajaan datang daripada pengguna yang menjadi pembayar cukai.

Untuk memastikan pihak operator sentiasa memastikan bekalan air yang tersedia ada, *availability* dan berkekalan, *sustainability* untuk jangka masa panjang dan operator dikehendaki mengemukakan rancangan perniagaan boleh pinda, *rolling plan* bagi tempoh setiap tiga atau lima tahun dan terbuka untuk tatapan rakyat. Selepas pelaksanaan rancangan perniagaan boleh pinda itu terbukti berhasil dan efektif barulah cadangan tarif disemak dibenarkan dan bukannya minta semakan tarif semasa mengemukakan *rolling plan*.

Oleh itu, sungguhpun ada ura-ura mencadangkan supaya kadar tarif air antara negeri diseragamkan, memandangkan struktur kos pembangunan bekalan air adalah berbeza mengikut negeri, maka penyeragaman kadar tarif mungkin tidak dapat dilakukan. Pada hemat saya, sama ada kadar tarif diseragamkan atau tidak hal ini tidak begitu mustahak, yang mustahak ialah kadar maksimum yang boleh dikenakan oleh pihak pengendali. *There must be a price ceiling for the water service provided* yang tersurat dalam undang-undang.

Ini dikatakan ketelusan untuk mendapatkan keyakinan rakyat terhadap penggubalan rang undang-undang berkenaan dan bukannya sekadar tersirat di dalam perjanjian konsesi yang mana semakan boleh dibuat dan operator boleh menuntut kenaikan kadar tarif sewenang-wenangnya.

Kita dimaklumkan bahawa selepas perwujudan SPAN sebagai badan industri yang bernama Forum Air akan ditubuhkan. Saya syorkan keanggotaan Forum Air mestilah benar-benar mewakili kepentingan pengguna dan bukannya pengendali industri. Saya telah difahamkan dalam dialog awam yang telah diadakan oleh Kementerian bahawa apabila Forum Air ini ditubuhkan terdapat enam tujuan dan di antara enam tujuan itu lima tujuan adalah menyentuh tentang kepentingan pengguna:

- (i) memberi maklum balas dan membuat syor kepada SPAN mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan kepentingan pengguna;
- (ii) mewakili kepentingan pengguna;
- (iii) memajukan kepentingan pengguna berhubung dengan tarif dan standard perkhidmatan;
- (iv) mengenal pasti dan mengkaji semula perkara-perkara yang menyentuh kepentingan pengguna dan memastikan pihak operator menyedari dan responsif terhadap kepentingan perkhidmatan mereka;
- (v) membuat publisiti tentang kewujudan fungsi dan kerja Forum Air dalam melindungi kepentingan pengguna; dan
- (vi) apa-apa sahaja yang ditentukan oleh suruhanjaya.

Dengan penekanan Kementerian bahawa Forum Air adalah untuk kepentingan pengguna, maka saya rasa keanggotaan Forum Air yang bakal ditubuhkan hendaklah mempunyai perwakilan kepentingan pengguna dalam erti kata yang sebenarnya. Oleh

itu, perlulah jelas dalam rang undang-undang bahawa Forum Air merupakan suatu badan pengguna bukan badan industri seperti yang dicadangkan.

Kita juga mengalu-alukan cadangan penubuhan satu *sinking fund*, kumpulan wang industri air bagi maksud perbelanjaan yang berkaitan dengan perlindungan dan pemuliharaan alur air dan kawasan tadah air dan juga untuk memastikan kekekalan bekalan air daripada alur air, peningkatan kualiti di alur air dan penyediaan perkhidmatan air dan pembetulan di kawasan pembangunan luar bandar dan lain-lain lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan agar dimasukkan satu lagi maksud perbelanjaan *sinking fund* yang akan ditubuhkan itu demi kepentingan pengguna iaitu kumpulan wang itu boleh digunakan sebagai perbelanjaan kapital yang diperlukan untuk menggantikan paip air. Ini boleh mengelakkan operator dari menuntut kenaikan tarif dengan alasan pengguna perlu bayar lagi untuk penggantian paip air yang sudah tentu menelan kos yang tinggi.

Saya ambil contoh di negeri Selangor. Di negeri Selangor sehingga April 2005, jumlah saluran paip air adalah 15,400 kilometer dan dikatakan paip air yang berumur melebihi tujuh tahun perlu ditukar ataupun diganti. Program penggantian paip Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd. (SYABAS) pada tahun 2005 sahaja di sepuluh daerah ialah 835 kilometer dengan anggaran kos RM272 juta. Manakala dikenal pasti sehingga setakat ini, jumlah paip yang perlu diganti sepanjang tempoh konsesi ialah 6,000 kilometer. Anggaran *general cost* keseluruhannya adalah RM1.95 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, dengan fakta kos penggantian paip di atas bagi mengelak operator memindahkan kos itu daripada menjadi beban rakyat dan pengguna, maka adalah wajar kumpulan wang industri air digunakan untuk maksud membiayai projek penggantian paip.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, sila habiskan ucapan Yang Berhormat.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Saya ada lagi beberapa isu yang ingin dibangkitkan, maka saya minta kalau boleh disambung di sebelah petang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya sudah beritahu Yang Berhormat tadi supaya habiskan

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Saya tidak boleh habis, Tuan Yang di-Pertua. Saya minta maaf kerana tidak dapat menghabiskannya sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, baiklah. Yang Berhormat sambung di sebelah petang. Saya minta Yang Berhormat habiskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.04 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kelana Jaya sila sambung.

2.32 ptg.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sebentar tadi saya dengan panjang lebar telah bahaskan isu berkaitan dengan air dan sebagai rumusan dalam soal air, perkhidmatan bekalan air bersih berkualiti hendaklah dikendalikan sebagai satu projek pembangunan masyarakat yang boleh dinikmati oleh semua rakyat. Termasuklah masyarakat bandar, luar bandar dan pedalaman, golongan yang kurang upaya dan berpendapatan rendah. Adalah diharap semua perkara yang dibincangkan di atas, dapat diambil kira dan dimasukkan rang undang-undang IPA dan SPAN sebelum rang undang-undang berkenaan dibawa ke dalam Dewan yang mulia ini untuk pertimbangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih ke tajuk yang berlainan iaitu berkenaan dengan warisan kita, buku teks sejarah. Tuan Yang di-Pertua, matlamat pengajaran sejarah di sekolah bukan semata-mata untuk mengetahui kisah silam, asal usul kita tetapi lebih pentingnya, untuk mengetahui bagaimana zaman sekarang

diwujudkan. Keutamaan mata pelajaran sejarah. Seharusnya tertumpu kepada masa sezaman, isu-isu sejarah dan teladan yang boleh dipelajari daripadanya. Oleh itu pembelajaran sejarah, mesti membina pemikiran yang kritis dan memupuk prinsip dasar-dasar, tentang masyarakat dan negara kita.

Dalam konteks Malaysia ajaran sejarah adalah bertujuan untuk memastikan perpaduan nasional dan kemakmuran masyarakat berterusan. Malaysia merupakan satu masyarakat pelbagai bangsa, kaum dan agama. Oleh itu buku teks sejarah memainkan peranan yang penting untuk memelihara keseimbangan dalam usaha pembangunan negara. Walau bagaimanapun, mata pelajaran sejarah masa kini nampaknya ada sedikit kekurangan iaitu tidak memadai untuk mewujudkan pemikiran yang kreatif tidak mengandungi pemahaman yang seimbang, yang luas tentang sumbangan bangsa-bangsa lain dalam perkembangan negara. Misalnya gerakan melawan penaklukan Jepun semasa Perang Dunia Kedua digambarkan sebagai satu usaha orang Melayu sahaja.

Manakala peranan orang Cina dan India telah diabaikan, tidak memberi pemahaman yang mendalam tentang pembentukan tamadun-tamadun yang lain untuk mewujudkan semangat bersaing di samping keharmonian masyarakat. Misalnya kurikulum sejarah tingkatan satu hingga lima, tamadun Cina atau India hanya disentuh sepintas lalu.

Tuan Yang di-Pertua, buku teks sejarah yang sedia ada ini, bukan kurang tepat tetapi adalah kurang lengkap atau menyeluruh. Malaysia majoriti penduduk adalah beragama Islam dapat hidup dengan aman damai bersama-sama dengan bilangan penduduk pelbagai agama yang amat ketara. Malaysia sering dipandang sebagai sebuah negara yang sederhana dan progresif. Pemahaman tentang budaya dan agama lain serta amalan-amalannya adalah penting agar generasi muda kita menghargai kekayaan pelbagai budaya dan agama di masyarakat kita. Ini penting untuk melahirkan dan membina guna tenaga manusia yang mampu menahuti cabaran berdaya saing secara global.

Tuan Yang di-Pertua, lima daripada sepuluh bab dalam buku teks mata pelajaran sejarah tingkatan empat contohnya sekarang tertumpu kepada tamadun Islam. Ketidakseimbangan dalam penyampaian maklumat ini harus diseimbangkan supaya tidak terjejas peluang bagi generasi muda untuk memahami dan menghargai tamadun-tamadun agama dan budaya lain, di samping membuka minda untuk menerima idea-idea baru. Daripada peristiwa pentadbiran Malayan Union yang telah mendorong gerakan nasionalisme Melayu, kita mengakui usaha kongres Melayu pada tahun 1946 dan penubuhan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu untuk menyatukan kaum Melayu demi mempertahankan maruah dan kedaulatan negara.

Sesungguhnya tidak dapat dinafikan juga usaha sama kaum Melayu, Cina dan India serta Perikatan UMNO, MCA dan MIC, yang telah memaparkan kekentalan semangat juang untuk mencapai kemerdekaan negara kita. Selepas 48 tahun mencapai kemerdekaan, kita dibelenggui sekali lagi dengan cabaran luar yang dipanggil globalisasi. Satu percubaan sekali lagi yang menguji keutuhan perpaduan negara kita. Murid-murid dan generasi muda, hendaklah dilengkap dan disediakan untuk menghadapi cabaran baru ini. Buku-buku teks sejarah kita, mesti mengiktiraf dan memaparkan kebenaran warisan daripada perjuangan nenek moyang kita. Sejarah mestilah mendedahkan perihal galakan sokongan dan hormat-menghormati sesama kita tanpa mengetepikan jasa bakti semua kaum dan masyarakat. Agar ianya menjadi pengajaran untuk merangsang kita terus bersatu padu menentang cabaran yang baru ini, iaitu globalisasi. Dalam konteks itu, penekanan yang seimbang harus diberi demi memperihalkan sumbangan yang telah diberikan oleh semua yang terlibat.

Kesimpulannya, kita harus mengkaji semula kurikulum mata pelajaran sejarah, di peringkat sekolah menengah, peringkat pendidikan tinggi misalnya di kolej-kolej swasta, dalam kursus *Malaysian Studies* mengkaji kurikulum buku-buku teks yang digunakan untuk penilaian dan ujian kakitangan perkhidmatan awam. Untuk memastikan ketepatan penterjemahan penghuraian yang lengkap tentang peristiwa-peristiwa dan fakta-fakta sejarah.

Pemilihan isi kandungan mata pelajaran sejarah oleh Pusat Perkembangan Kurikulum Kementerian Pelajaran, mestilah lebih seimbang dan menggambarkan masyarakat majmuk yang sebenarnya. Begitu juga kualiti dan mutu buku teks yang dicetak mesti dinaikkan taraf. Misalnya dari segi taraf kandungannya, teks-teks rujukan akademik yang digunakan, kualiti cetakan dan gambar rajah yang terkandung dalam

buku-buku teks sejarah. Dengan izin, *examiner*, penguji di lembaga *examiner*, di Lembaga Peperiksaan Malaysia juga mesti terdiri daripada pelbagai bangsa dan seimbang untuk memastikan bahawa kandungan dalam soalan dan jawapan untuk kertas-kertas peperiksaan mencerminkan objektif dan hasrat pengajaran sejarah dalam pembentukan negara *the nations building*. Dalam erti kata lain isi kandungan mata pelajaran sejarah mestilah mempunyai kepelbagaian untuk membekalkan minda anak-anak kita dengan pengetahuan, dengan ilmu, dengan fakta, yang boleh memahami sejarah dengan menyeluruh, secara rasional, radikal dalam era globalisasi yang begitu kompetitif dan dalam masa yang sama dapat menghayati semangat rakyat Malaysia yang jati.

Isu yang seterusnya, adalah berkaitan dengan agama. Perkara mengenai butiran agama dalam *MyKad* dan Jabatan Pendaftaran Negara. Mengenai isu kesilapan butiran agama dalam *MyKad*, prosedur semasa yang digunakan oleh Jabatan Pendaftaran Negara atau JPN, iaitu tidak perlu mengemukakan dokumentasi untuk membuktikan agama seseorang. Cuma mengisi borang A dan membuat pindaan atau pembetulan butiran agama dalam *MyKad*. Bayaran penalti, RM20 untuk pembetulan tersebut, jika ianya adalah kesilapan pemohon. Seperti contoh tidak memberi maklumat terkini semasa permohonan.

Manakala tiada caj dikenakan jika kesilapan dilakukan oleh pegawai JPN. Walau bagaimanapun, masalah yang kini dihadapi oleh para pemohon ialah ramai pegawai tidak peduli keputusan tersebut dan melengahkan tugas pengurusan mereka. Keengganan pegawai untuk memberi salinan catatan data peribadi. Ada juga secara teknikal, terdapat pegawai JPN tempatan yang sepatutnya tiada kuasa untuk mengubah maklumat peribadi dalam sistem, tetapi sesetengah pegawai menunjukkan bahawa mereka boleh berbuat demikian.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi bukti kesilapan, rakyat menghargai keputusan JPN kerana tidak mengenakan bayaran penalti terhadap pemohon bagi kesilapan yang disebabkan oleh pegawai JPN. Namun demikian, ia adalah sukar untuk mengemukakan bukti sebegini. Satu-satunya bukti adalah borang permohonan. Soalnya, bolehkah ataupun sudikah pegawai-pegawai yang berkenaan mencari dan mengeluarkan permohonan asal untuk pengesahan.

Begitu juga, seseorang rakyat akan memohon *MyKad* pada umur 12 atau 18 tahun atau atas sebab program baru kerajaan tertentu seperti *new exercise*. Maka JPN, harus menyedari bahawa mengemas kini maklumat adalah penting kerana maklumat peribadi seperti alamat, agama dan sebagainya mungkin berubah selepas satu tempoh masa. Sering kali JPN silap mengandaikan bahawa seseorang Cina itu beragama Buddha, seorang India beragama Hindu dan sebagainya.

Maka cadangan penambahbaikan ialah rakyat diberi tempoh ataupun *grace period* tanpa bayaran penalti untuk membetulkan kesilapan butiran agama. Dan, pihak JPN juga hendaklah menyediakan borang yang sesuai untuk mengemas kini data peribadi. Perkara mengenai peruntukan dan penyediaan tempat ibadat sejajar dengan pembangunan sejagat.

Tuan Yang di-Pertua, setiap pembangunan yang dirancang dan dilaksanakan di negara ini sewajarnya dipastikan selari dengan usaha penerapan nilai-nilai murni yang menuju ke arah pembentukan masyarakat madani dan pembangunan mapan. Justeru itu, usaha dan inisiatif untuk membentuk satu perancangan dan pembangunan yang berteraskan nilai-nilai murni ini seharusnya diberi keutamaan dan disambut baik bagi pengujudan penempatan-penempatan manusia.

Garis panduan perancangan dan pembangunan sejagat yang bermatlamatkan ke arah mewujudkan keseimbangan antara pembangunan fizikal, pembangunan alam sekeliling dengan pembangunan insan dan sahsiah itu haruslah diikuti dan dilaksanakan. Sehubungan ini, sebagai sebuah negara yang mempunyai masyarakat majmuk, peruntukan dan penyediaan tempat ibadat bukan Islam, hendaklah tidak diabaikan dan kemudahan tertentu dibolehkan seperti kuil, gereja dan tokong berfungsi sebagai tempat melaksanakan penyembahannya.

Sememangnya tempat beribadat bukan Islam juga boleh berfungsi sebagai pusat sivik, tempat perjumpaan, pertemuan dan perbincangan serta sebagai salah satu institusi pembangunan masyarakat dan negara. Kita mengalu-alukan projek mendirikan sebuah gereja di Putrajaya, yang mana satu pertandingan sedang diadakan menjemput orang ramai untuk mengetengahkan cadangan reka bentuk. Kini kita menunggu

keputusan pertandingan ini serta pembinaan bangunan ini yang kelak pasti akan menyerikan lagi keindahan Putrajaya.

Tuan Yang di-Pertua, penyediaan ruang sebagai tempat beribadat sebenarnya adalah selaras dengan usaha-usaha kerajaan untuk mencapai Wawasan 2020. Dalam membentuk masyarakat yang bertamadun tanpa mengabaikan nilai akhlak dan moral yang tinggi. Pada tahun 2000, Majlis Negara bagi kerajaan tempatan telah meluluskan garis panduan, bantuan perancangan dan pembangunan sejagat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Panduan ke bantuan?

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Panduan. Dengan peruntukan tempat dan penyediaan ruang ibadat bukan Islam hendaklah ditepati dan dipenuhi berdasarkan kepada prinsip perancangan tempat ibadat bukan Islam, dan lokasi perletakan nisbah kepadatan dan sebagainya seperti yang telah dipersetujui. Akan tetapi, sehingga sekarang pihak perancang bandar dan para pemaju telah mengabaikan peruntukan garis panduan tersebut. Banyak golongan agama tidak diberi penempatan yang sesuai untuk sembahyang. Oleh itu, penguatkuasaan yang tegas perlu dijalankan agar pemaju perumahan dan agensi yang berkaitan membuat perancangan dan pemajuan hendaklah mengikut ketetapan dan merizabkan tapak ibadat bukan Islam di kawasan pemajuan baru.

Pada masa yang sama, memandangkan juga segala hasil pendapatan negara adalah usaha sama dan sumbangan cukai rakyat Malaysia yang berbilang budaya dan agama, maka peruntukan kewangan daripada kerajaan hendaklah diberi secara adil dan saksama untuk pembinaan dan penyelenggaraan tempat-tempat ibadat semua agama utama di negara kita. Pengagihan peruntukan sekurang-kurangnya hendaklah selaras dengan nisbah kaum dan agamanya. Semasa pengisytiharan Rukun Negara pada tahun 1970 oleh Yang di-Pertuan Agong, salah satu prinsip yang ditegaskan ialah, dengan izin, *"Islam is the official religion of the Federation. Other religions and beliefs may be practiced in peace and harmony and there shall be no discrimination against any citizen on the ground of religion"*.

Dengan itu, penyediaan ruang dan tempat beribadat serta pemberian peruntukan kepada semua golongan agama hendaklah dilaksanakan oleh kerajaan tanah air ini. Perkara mengenai pembatalan daftar pertubuhan agama oleh Pendaftar Pertubuhan (ROS), *Registrar of Societies*.

Tuan Yang di-Pertua, satu pertubuhan yang mendaftar dengan ROS adalah tertakluk kepada Akta Pertubuhan 1966. Namun, kita mesti sedar bahawa pertubuhan dibolehkan tidak perlu menggunakan undang-undang atau peraturan tertentu yang tidak sesuai. Masalah yang dihadapi oleh para gereja dan pertubuhan agama hari ini ialah terdapat aduan bahawa ROS boleh membatalkan pendaftaran sesebuah gereja atau pertubuhan agama tanpa memberi peluang kepada kononnya yang bersalah untuk penjelasan atau mengesahkan permasalahannya. Sebuah gereja, contohnya yang bermaksud menjaga kesejahteraan manusia telah dibatalkan pendaftaran baru-baru ini atas sebab-sebab seperti berikut:-

- (i) kekeliruan dalam keahliannya;
- (ii) telah tidak mempamerkan notis mesyuarat-mesyuarat umumnya; dan
- (iii) menerima keahlian pelajar-pelajar kolej tanpa kebenaran naib canselornya.

Sebenarnya, tempat-tempat beribadat kita galakan semua lapisan masyarakat mempraktikkan sembahyang. Sembahyang dan berdoa dan sebagainya, supaya ini mengukuhkan kerohaniannya.

Oleh itu, cadangan saya ialah pegawai ROS harus meneliti dan berhati-hati *discreetly* apabila ingin membatalkan pendaftaran sesebuah pertubuhan terutamanya organisasi agama. Pertubuhan berkenaan sepatutnya diberi peluang untuk mengenali masalah dan memperbaikinya kerana tiada sesiapa yang sempurna dalam kes yang melibatkan organisasi agama, ROS sepatutnya membuat rundingan yang sesuai bersama dengan ketua agama berkenaan sebelum mengambil sebarang tindakan dalam kes gereja yang dibatalkan pendaftarannya oleh sebab aduan daripada orang bukan ahli gereja sepatutnya tidak ada tindakan harus diambil terhadap pertubuhan itu kecuali aduan yang dibuat oleh ahli-ahli pertubuhan itu.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang terakhir yang ingin saya bangkitkan di sini ialah mengenai garis panduan tatacara membaca doa dan Jabatan Kemajuan Agama. Kemerdekaan negara kita adalah hasil perjuangan bersama semua kaum yang berpegang kepada prinsip perpaduan, permuafakatan dan persefahaman. Segala usaha kerajaan untuk memperkenalkan peraturan atau dasar baru dalam aspek pembangunan masyarakat serta pembinaan insan yang bermoral dan berakhlak mulia perlulah mematuhi peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan agar menghormati kebebasan hak beragama kaum masing-masing.

Kerajaan perlu mendorong dialog yang sihat antara penganut agama serta prihatin tentang sensitiviti agama khususnya dalam kalangan para pegawai pelaksana. Isu agama boleh menjadi positif dan juga negatif. Justeru perlu menonjolkan persamaan nilai yang universal antara agama. Baru-baru ini, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, JAKIM sedang menyediakan garis panduan tatacara membaca doa untuk seluruh negara. Saya difahamkan bahawa garis panduan tersebut agar dijadikan panduan dan diguna pakai oleh semua orang agensi kerajaan dan swasta di majlis-majlis rasmi dan separuh rasmi.

Kerja-kerja penyediaan garis panduan itu dilakukan tanpa konsultasi, rujukan atau rundingan dengan wakil-wakil agama lain termasuklah *Malaysian Consultative Council for Buddhism, Christianity, Hinduism and Sikhism*. Cara ini bercanggah dengan prinsip-prinsip penghormatan, persefahaman, permuafakatan, ketelusan yang digalakkan oleh kerajaan dan pemimpin negara kita untuk dipraktikkan khususnya oleh pegawai-pegawai sektor awam. Tuan Yang di-Pertua, perkara ini hendaklah berlandaskan persefahaman antara agama dan dihalusi segera oleh kerajaan demi mempertahankan status negara kita yang kaya dengan kepelbagaian bangsa, agama dan budaya hidup yang dihormati oleh dunia sejagat.

Lanjutan daripada itu sebagai langkah pengiktirafan kepada agama-agama lain mematuhi prinsip kebebasan hak beragama mengikut Perlembagaan Persekutuan, maka Pelan Tindakan Pragmatik menggalak dan memupuk persefahaman serta hubungan harmoni rakyat berbilang agama perlu bermula dari sektor awam. Dengan itu mungkin sudah tiba masanya untuk saya mencadangkan kepada kerajaan agar ditubuhkan Jabatan Kemajuan Agama-agama di Malaysia ataupun JAKAM. JAKIM selama ini telah berjaya mengurus dan mengendalikan hal ehwal Islam dengan baik lebih kurang 60% daripada jumlah penduduk yang beragama Islam.

Hal ehwal kerohanian bagi lebih kurang 40% negara ini yang bukan beragama Islam perlu juga dititikberatkan dan dipelihara. Mereka merupakan sumber manusia yang amat signifikan dan tidak ternilai untuk pembangunan negara juga di samping mereka juga merupakan penyumbang utama kepada pembangunan ekonomi seperti dalam cukai pendapatan dan sebagainya dan juga kemajuan sosial negara ini. Maka Jabatan Kemajuan Agama-agama Malaysia JAKAM hendaklah ditubuhkan juga dan bertanggungjawab serta berfungsi mengikut rujukan bidang kuasa dengan izin, *terms of reference* seperti JAKIM untuk agama-agama bukan Islam.

Bagi mengurus hal ehwal yang ada hubung kait antara agama, JAKAM dan JAKIM boleh sentiasa duduk semeja di bawah satu bumbung berganding bahu untuk menyelia dan mengendali perkara-perkara yang perlu. Kesimpulannya Tuan Yang di-Pertua, biarpun apa jua usaha dan dasar kerajaan, pihak-pihak yang terlibat dalam sistem pelaksanaan terutamanya kakitangan kerajaan mestilah penuh yakin dengan kerajaan dan perlembagaan serta melaksanakan tugas mereka dengan gigih, cekap, beramanah tanpa berdiskriminasi.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]:Supaya matlamat pembangunan dapat terlaksana.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, okey.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Sedikit sahaja.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya mengikuti ucapan Kelana Jaya ini, dan ucapan ini boleh ditafsirkan dengan tafsiran yang berbagai-bagai dan kalau saya hendak tafsirkan secara tafsiran buruk, Kelana Jaya ini membuat

prasangka sebenarnya, dan Kelana Jaya harus berhati-hati kerana persepsi yang ditafsirkan oleh sesetengah pihak nanti akan menimbulkan keadaan yang boleh mencetuskan suasana yang boleh menimbulkan ketegangan. Dalam sejarah negara ini kerana kita harmoni Tuan Yang di-Pertua selama ini, kerana kita banyak berpegang kepada sejarah negara. Kita banyak berpegang kepada perjanjian-perjanjian yang telah diterima dan dihormati secara bersama.

Ada perkara-perkara yang tidak boleh dilihat di permukaan semata-mata tetapi dia juga harus dilihat secara yang tersirat dan oleh itu sebagai sejarah negara yang telah diterima pakai dan dihormati secara bersama, Islam sebagai agama rasmi negara ini yang tidak pula menafikan dan menolak kebebasan beragama kepada agama-agama yang lain, jadi rasa toleransi, tolak ansur ini harus kita pegang terus menerus. Jangan cuba kita timbulkan seolah-olah ada rasa tidak senang. Pihak penganut-penganut agama lain kepada penerimaan yang telah kita terima secara total, yang telah berpuluh-puluh tahun kita hormati.

Kalau kita bangkitkan perkara-perkara yang ada kaitan dengan perasaan perkauman, keagamaan dan sebagainya, dia tidak akan selesai di meja perundingan sahaja kerana dia akan menyentuh emosi, perasaan dan berbagai-bagai yang saya takuti, akan mencetuskan suatu keadaan yang tidak dapat menjamin keharmonian bagi penduduk berbilang bangsa, berbilang kaum dan agama. Saya minta Kelana Jaya harus berhati-hati kerana seluruh rakyat dalam negara ini boleh mentafsirkan berbagai-bagai.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading. Semasa pendengaran awam yang dilakukan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Khidmat Negara dan Perpaduan, ada saksi yang datang mengatakan bahawa kita kekurangan pemahaman *two ways understanding*. Satu pihak memahami satu pihak lain, tetapi yang pihak lain tidak memahami satu pihak yang lain. Maka saya bersetuju dengan pandangan tersebut dan apa yang telah diberikan dalam jawapan, saya meneliti jawapan yang diberikan oleh Perdana Menteri dalam jawapan bertulis kepada Yang Berhormat bagi Cameron Highlands di mana mengatakan bahawa isu-isu sensitif dari segi agama dan keturunan yang sering berbangkit disebabkan latar belakang penduduk Malaysia yang berbeza dari segi kaum, agama, budaya, lokasi, wilayah dan sosioekonomi dan sebagainya adalah tanggungjawab semua pihak untuk menangani secara berterusan dan pihak JPIN, Jabatan Perpaduan Integrasi Nasional, harus juga menangani masalah ini di bawah Jabatan Perdana Menteri di mana harus memberi kefahaman dan menguatkuasakan prinsip kebebasan beragama sebagai satu dasar negara tanpa mencabar agama Islam sebagai agama rasmi.

Di samping itu harus juga meningkatkan tahap kefahaman mengenai agama dan kepercayaan sikap toleransi, hormat-menghormati dan kepekaan terhadap adat dan pantang-larang kaum-kaum yang lain, maka apa yang saya bangkitkan hari ini tidak bercanggah langsung dan dengan itu...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Sila.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Bolehkah?...
[Berucap dalam bahasa Mandarin]

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Sedikit sahaja, saya sudah hendak habis ini.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Sedikit sahaja ini.

Tuan Yang di-Pertua: Beliau sudah hendak habis.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Sila..

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Kelana Jaya. Tuan Yang di-Pertua, untuk menyelesaikan masalah kadang-kadang timbulnya tidak sefahaman rakyat yang berbilang kaum dan agama di dalam negara kita ini, yang pentingnya Tuan Yang di-Pertua ialah setiap individu, setiap rakyat mesti memahami Perlembagaan

Negara kita. Bukan menghafal Perlembagaan Negara, ini saya *pick-up* daripada Profesor Khoo, seorang pakar sejarah yang menyatakan generasi muda menghafal Rukun Negara, menghafal Perlembagaan Negara tetapi tidak memahami dan menghayati Perlembagaan Negara.

Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya, supaya daripada peringkat tadika lagi, kita harus menyuntikkan fahaman Rukun Negara dan juga fahaman Perlembagaan Negara supaya generasi ini faham supaya kita boleh bersama dan bermuafakat dalam negara yang majmuk ini saling hormat-menghormati di antara satu sama lain, ini penting. Apabila generasi ini memahami maka ia tidak akan timbul setengah-setengah pihak yang cuba mengaitkan isu-isu yang boleh melukai perasaan sekumpulan ataupun kaum-kaum yang ada di dalam negara kita ini. Ini penting Tuan Yang di-Pertua, kerana generasi muda ini Tuan Yang di-Pertua dia *happy*, hendak seronok sahaja.

Bukan hendak kira pasal negara, kalau negara berperang mereka lari. Generasi muda ini, yang hendak keluar ini lebih kita, kita yang hendak buat setingan kah, perenggankah, meriamkah atau tidakkah adalah kita, kerana generasi muda hidup mereka dengan seronok kerana mereka tidak memahami susah payah perjuangan kemerdekaan, berkorbannya perwira di tanah air kita kerana mempertahankan kemerdekaan.

Oleh itu, kalau kita semua memahami bermaknanya kita akan menghormati dari segi agama seperti yang kita katakan tadi kerana kita faham agama Islam adalah agama rasmi. Agama lain boleh mengamalkan walaupun demikian Tuan Yang di-Pertua, kalau kita kupas mengamalkan bermaknanya dengan pengamalan itu, menyentuh perasaan umat Islam yang ada dalam negara kita, ini ada dalam perlembagaan.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, baik.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Dan saya mengharapkan benda-benda macam ini Tuan Yang di-Pertua, demi persahabatan kita, demi satu bangsa Malaysia kita, insya-Allah kalau dengan kita memperkuat kepercayaan kepada perlembagaan, kepercayaan kepada Rukun Negara insya-Allah negara kita ini akan aman. Macam mana Kelana Jaya, hendak masuk atau tidak masuk dalam ucapan Yang Berhormat itu?

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Boleh dimasukkan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Masukkan ya?

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Masuk.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, masuk Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai, apa yang telah diungkapkan oleh Yang Berhormat bgi Jerai tidak ada percanggahan dengan apa yang saya bahaskan itu. Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, semoga dengan usaha, ikhlas dan jujur serta kerjasama daripada semua lapisan masyarakat dapatlah melahirkan masyarakat majmuk Malaysia yang bersatu di samping berkeyakinan, bermoral, beretika tinggi secara tunasnya diharapkan rakyat Malaysia dapat hidup dalam suasana liberal, demokratik, penyayang dan harmoni. Matlamat ini hanya dapat direalisasikan melalui pengukuhan dan penghayatan terhadap identiti kebangsaan, perwujudan integrasi nasional, pembangunan sumber manusia dan masyarakat yang berbudaya tinggi dan berakhlak. Saya percaya kerajaan yang jujur, prihatin dan mengutamakan kepentingan rakyat semua kaum di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi akan terus berusaha untuk mewujudkan persekitaran yang kondusif yang membolehkan rakyat....

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh beri laluan?

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Sudah habis sudah.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Seorang Ahli: Bagilah lalu, bagilah.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Okey.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Tuan Yang di-Pertua, menteri-menteri, pegawai tinggi kerajaan, kita semua Ahli Parlimen, rakyat Malaysia semua percaya bahawa berdasarkan pada sejarah negara kita, peristiwa 13 Mei berlaku kerana berlakunya jurang ekonomi. Ini bukan suatu ucapan yang tidak berasas tetapi kajian-kajian yang dibuat, *academician* yang menulis, sejarawan yang menulis.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, kalau manusia ini boleh bertikai sampai tahap berlakunya rusuhan kerana jurang ekonomi, saya cukup takut sebenarnya dan bimbang, jurang perbezaan yang semakin jauh terutama dalam memahami agama ini akan terjadi satu perkara yang tidak baik kepada negara kita pada masa yang akan datang dan kita berharap ini tidak akan berlaku sekali lagi di dalam negara kita. Ekonomi dan kekayaan negara ini akan punah sekiranya ini berlaku sekali lagi dalam negara kita.

Saya hendak komen sedikit ucapan Kelana Jaya tentang masalah doa, sebagai contoh kenapa setelah 40 tahun hampir setengah abad kita merdeka, kita hendak bercakap lagi pasal doa, setiap pagi kita di Parlimen. Islam sebagai agama rasmi Persekutuan, saya minta pegawai-pegawai kerajaan membuat peraturan yang baru tentang doa, doa yang macam mana lagi yang hendak kita baca. Ini satu amalan yang telah diterima pakai, sudah hampir 50 tahun kita merdeka.

Jadi saya bimbang perkara-perkara yang seperti ini akan bangkit dan menajamkan lagi semangat perbezaan di kalangan kita. Kalau Kelana Jaya menyatakan dia sebagai anggota jawatankuasa pilihan Parlimen, saya juga ada di dalam jawatankuasa itu. Kita sama-sama mendengar dalam *public hearing* dan kalau itu perkataan yang terkeluar daripada mulut mereka macam mana kita sebagai pemimpin negara pada hari ini ingin menjawab persoalan yang seperti itu. Ada di kalangan mereka yang datang dalam *public hearing* mengatakan bahawa saya risau apabila azan berkumandang di masjid, kereta parking pada hari Jumaat, saya risau duduk dalam negara yang seperti ini.

Kalau anak saya, kalau adik saya hari ini kita bawa berjalan di tengah bandar, kita bertemu dengan perarakan mengiringi jenazah bangsa yang lain ke tanah perkuburan apa yang mesti kita cakap pada anak kita kalau dia komen perkara yang seperti ini, tidak akan kita hendak ajar anak kita inilah agama orang yang tidak betul. Ini satu amalan yang tidak sihat sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, jadi saya harap maknanya kalau kita terima dan berdasarkan kepada banyak tulisan-tulisan. Khoo Kay Kim sendiri yang saya bangga, dia seorang yang bukan Islam, dia profesor. Saya juga *respect* kepada Ketua Pemuda MCA yang baru dalam *interview* dia ingat balik kontrak sosial, saya *respect*, kita ingat balik bagaimana negara ini ditubuhkan, bagaimana Parlimen ini berdiri. Ia berdiri di atas satu persetujuan yang umum, yang menerima pakai Islam adalah agama Persekutuan...

Tuan Yang di-Pertua: Ya, baik.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Jadi jangan ada saya rasa, pihak-pihak yang cuba mempertajamkan perkara ini, jadi saya mengharapkan kita mahu Parlimen ini terus terbina di atas satu dasar di mana kita adalah negara yang *multiracial*, yang kita hormat pada agama dan amalan agama yang lain. Jadi saya harap perkara ini dapat diperbetulkan dan konsep ini mesti kita fahamkan kepada generasi pada hari ini, insya-Allah Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Ya, terima kasih Yang Berhormat Kubang Kerian, saya memang setuju dengan pandangan Yang Berhormat kerana kita sama-sama mengeluarkan soalan kepada pegawai Jabatan Kemajuan Islam Malaysia semasa perkara ini dibangkitkan. Yang pentingnya saya berpegang kepada apa yang telah dikatakan dan yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Perdana Menteri bahawa untuk membina satu bangsa dan rakyat Malaysia yang jitu dan jati kita harus menanam dan memupuk persefahaman antara kaum dan sebagainya supaya mengukuhkan perpaduan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya kita berharap kerajaan jujur, prihatin dan mengutamakan kepentingan rakyat di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan terus berusaha....

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: ...Mewujudkan persekitaran yang kondusif, membolehkan rakyat menjadi warganegara yang berpengetahuan, beretika, bertanggungjawab dan berkebolehan bagi mencapai taraf hidup yang terbaik ...

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Sudah hendak akhir saya ingat tidak payah biarlah.

Tuan Loh Seng Kok: ...Serta memenuhi kehendak-kehendak dan inspirasi negara selaras dengan prinsip-prinsip Rukun Negara. Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Dewan yang mulia ini dan sekali lagi ucapan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana diberi peluang untuk menyokong Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

*Perigi jarang mencari timba;
Pijat bersarang merata tempat;
Rakyat jelata kebanggaan negara;
Kegemilangan harapan seluruh rakyat.*

Tuan Yang di-Pertua,

*Hajat sudah saya sampaikan;
Harapan kini menumpahi kerajaan;
Sama-sama kita usahakan;
Hajat tertunai menuju kegemilangan.*

Dengan pantun ini saya mohon menyokong usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Pilah. Sekian terima kasih... *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat masalahnya ialah bahawa usul Yang Berhormat bagi Kuala Pilah sekarang ini terbuka untuk dibahas.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Bangun]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Ipoh Timur.

3.12 ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua saya berdiri untuk menyokong Usul Menjunjung Kasih Titah Diraja Yang di-Pertuan Agong yang juga merupakan Titah Diraja Baginda yang terakhir di Parlimen memandangkan penggal lima tahun Baginda akan berakhir penghujung tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang pertamanya saya mahu mencatat perasaan terkejut dan marah dengan ucapan-ucapan pencadang dan penyokong terhadap Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Diraja Yang di-Pertuan Agong iaitu ucapan Ahli Parlimen bagi Kuala Pilah dan Yang Berhormat bagi Kelana Jaya dan Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional yang telah mencelah dalam subjek kenaikan harga 30 sen...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua..

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: ...Untuk petrol, diesel dan LPG.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Pertanyaan sedikit Tuan Yang di-Pertua boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ini Ketua Pembangkang berapa lama dia bercakap Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Belum...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Dia ada masa dua jam sahaja ke macam mana Tuan Yang di-Pertua? Jadi kita dapat...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Biarlah saya menjelaskan saya pun belum mula.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tidak, ini cuma bertanya takkan lah Ipoh Timor hendak marah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya saya akan mula saya akan terang.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya tanya sama Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Sabar saya akan menjelaskan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kalau berapa, lima jam kah tiga jam kah, dua jam kah? Kita hendak tahu jadi boleh kita berehat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Saya akan menjelaskan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Dua hari kah?...

Tuan Lim Kit Siang [Sri Gading]: Kenapa tidak tanya pencadang dan penyokong? Sabarlah sabar, sabar, sabar.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang lain itu saya tahu dia orang paling kuat dua jam sini saya tanya Tuan Yang di-Pertua, Ipoh Timor jangan marahlah kita sama-sama.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya, ya tunggulah sabar, sabar.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Memang kita boleh tunggu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat beri peluang.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Beri peluang pada beliau untuk berucap.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Yang di-Pertua, kenaikan harga minyak yang terbaru ini telah ditinggalkan sepenuhnya dalam Titah Ucapan Diraja pada hari Isnin dan *permission* ini sangat *glaring* sekali yang menunjukkan kerajaan menjadi sebuah kerajaan yang semakin hari semakin hilang sentuhan atau *loose touch* dengan perasaan dan isu-isu yang menjadi keprihatinan utama rakyat.

Biar pun begitu, jaminan pada hari Isnin oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional bebas untuk membahaskan keputusan kontroversi kerajaan untuk meningkatkan harga-harga minyak dan menyatakan apa-apa sahaja yang mereka inginkan. Memberi sedikit *consolation* bahawa Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional tidak dilarang daripada membangkitkan bantahan dan protes daripada rakyat terhadap peningkatan harga petrol ini, walaupun kerajaan telah mengenakan satu *claim down* terhadap media aliran utama dalam isu ini iaitu satu *censorship* yang pertama, yang paling *homeless* dalam pentadbiran baru ini.

Akan tetapi daripada sidang Parlimen semalam, adalah nyata bahawa kebebasan Ahli-ahli Barisan Nasional untuk berucap di Parlimen berkenaan dengan kenaikan harga minyak adalah bukan untuk membangkitkan bantahan dan protes rakyat, tetapi hanya dihadkan untuk menyokong dan memuji kerajaan terhadap kenaikan harga minyak ini tanpa mempertimbangkan kesusahan yang dialami...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *Point of order.*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *Point of order? Apa point of order?*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Duduk dahulu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ha?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Duduk dahulu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat duduk Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: 36(6) Tuan Yang di-Pertua ini sangkaan jahat. Kita tidak pernah dilarang untuk menghujah soal-soal kenaikan harga minyak. Kita diminta bercakap untuk memaklumkan rakyat dan masyarakat bahawa kenaikan minyak...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Itu bukan *point of order*lah ini ucapanlah hujah, hujah.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: ...Ya tetapi ucaplah janganlah tuduh kita.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Dia boleh ucap dalam ucapan beliau.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Jangan tuduh kita wakil rakyat Barisan Nasional tidak boleh bercakap, itu sangkaan jahat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Dia bagi ucapan.

Tuan Yang di-Pertua: Baik Yang Berhormat sila.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya, awak boleh ucaplah nanti jangan salah guna Peraturan Mesyuarat. Tuan Yang di-Pertua pada hari kelmarin Yang Berhormat bagi Kuala Pilah ada mengakhiri ucapan maraton beliau yang melebihi empat jam berkenaan dengan kenaikan harga minyak sementara Yang Berhormat bagi Kelana Jaya memulakan subjek ini semalam.

Dan seperti yang mana-mana Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional yang mencelah dalam subjek ini, mereka ini memang bersatu padu dengan satu tema iaitu untuk menyokong dan untuk memuji kerajaan, kerana kerajaan begitu bertimbang rasa dan begitu bersifat penyayang terhadap kebajikan rakyat dalam membuat keputusan menaikkan harga petrol, diesel dan LPG sebanyak 30 sen malahan Yang Berhormat daripada Pasir Puteh mencadangkan supaya harga minyak seharusnya dinaikkan sebanyak 40 sen seliter. Tidak cukup, 30 sen tidak cukup naik patut naik lagi.

Mereka ini menumpukan api serangan mereka terhadap rakyat Malaysia yang disifatkan sebagai tidak menghargai dan tidak berterima kasih kepada kerajaan terhadap apa yang telah dilakukan oleh kerajaan dengan menggunakan istilah-istilah seperti antinasional, *profiteering* malah ada perkataan "syaitan" dan juga digunakan tuduhan-tuduhan tidak cinta negara. Tanpa memahami mengapa majoriti daripada rakyat Malaysia, tanpa mengira kaum, agama, tempat tinggal, jantina atau umur begitu marah dengan kenaikan harga minyak yang paling banyak pada 28 Februari iaitu kenaikan harga minyak yang ke enam dalam masa dua tahun yang lepas. Kenaikan-kenaikan yang lepas adalah pada Mei dan Oktober 2004, Mac, Mei dan Julai 2005 yang mana ini menyebabkan peningkatan sebanyak 40% untuk petrol dan 2% untuk diesel untuk 21 bulan yang lepas...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat minta penjelasan sedikit boleh, Yang Berhormat? Boleh.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Okey.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Yang Berhormat. *You today very calm*. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, kita sedia maklum okey semua dunia sudah tahu bahawa harga...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Itu minta penjelasan bukan ucapan. Apa minta penjelasan. Ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tidak, tidak, tidak saya minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Kena ada mukadimah Yang Berhormat macam Yang Berhormat jugalah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Bukan ucapan?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jadi harga minyak naik ini di peringkat dunia pasaran dunia naik. Okey, negara-negara jiran kita telah naik dengan harga minyak yang begitu tinggi. Kita naik boleh dikatakan hanya berapa peratus sahaja. Kalau dibandingkan Indonesia sampai 80 lebih peratus, di Thailand dan sebagainya termasuklah di Singapura yang diperintah oleh PAP.

Jadi, apakah cadangan Yang Berhormat ini selain daripada komen yang saya nampak tidak begitu baik, apakah cadangan Yang Berhormat supaya tidak dinaikkan

harga minyak dan rakyat mendapat subsidi dan sebagainya sedangkan kita juga memerlukan kewangan untuk membangunkan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya, ya. Mungkin Yang Berhormat bagi Jerai bersetuju dengan Pasir Puteh bahawa patutlah naik lagilah 40 sen, 50 sen, satu ringgit. Dan mengenai pendirian, tunggulah sabar tetapi nampaknya Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional yang ada ucap atau ada mencelah dengan izin, begitu *smug*, *conceited* dan *came across as hypocritical humbug*. Oleh kerana mereka hanya tahu bagaimana untuk memberi syarahan kepada rakyat terhadap keperluan untuk menolak mentaliti subsidi ini sedangkan mereka sendiri pula tidak bersedia untuk menunjukkan satu teladan mengikis *mindset* subsidi terlebih dahulu.

Ini adalah kerana Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional ini merupakan Ahli-ahli Parlimen subsidi daripada satu generasi subsidi.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat .

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Satu generasi subsidi.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Mereka mendapat jumlah RM500,000 setiap tahun sebagai peruntukan pembangunan kawasan bagi mensubsidkan kedudukan mereka dalam Parlimen, satu. Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional subsidi daripada satu generasi subsidi.....

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: [Bangun]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: [Bangun]

Cik Tan Lian Hoe [Bukit Gantang]: [Bangun]

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: [Bangun]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:Dan di mana mengorbankan kepentingan rakyat....

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:....Yang mana peruntukan ini tidak diperuntukkan.....

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:Minta penjelasan?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:Kepada mana-mana Ahli Parlimen pembangkang.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Penjelasan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Penjelasan.

Cik Tan Lian Hoe [Bukit Gantang]: Penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Cheras, Cheras.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Oh, bagi kawan ya?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Hormatilah wanita. *Ladies first*lah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *Ladies* akan datang.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat, bagi *ladies first*lah.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Adakah Yang Berhormat bagi Ipoh Timor sedar, sungguhpun diberikan peruntukan pembangunan projek-projek kecil di kawasan mereka masing-masing, tetapi kebanyakan tabung rakyat itu disalahgunakan untuk berbagai-bagai kegiatan yang bukan-bukan seperti *open house* pun dimasukkan akaun peruntukan khas ini. Pembelian alat-alat telekomunikasi *handphone* bagi pembantu

mereka ataupun kerja-kerja ubahsuai untuk pusat perkhidmatan mereka dan sebagainya.....

Tuan Yang di-Pertua: Ya, jadi apa penjelasannya?

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:Untuk kegunaan diri sendiri bukan kegunaan rakyat kawasan mereka.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ini akibat daripada satu *mindset*, satu budaya subsidi. Bahawa mereka boleh menyalahgunakan segala peruntukan yang diberikan kepada mereka oleh kerana mereka Ahli-ahli Parlimen bersubsidi dan tuduhan-tuduhan....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:Dibuat oleh Yang Berhormat bagi Cheras.....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ini.....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:Adakah Ahli-ahli Parlimen red....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Inilah kelebihan parti pemerintah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ha, itulah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jadi kalau Yang Berhormat mahu, menang pilihan raya.

Cik Tan Lian Hoe [Bukit Gantang]: [Bangun]

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: [Bangun]

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: [Bangun]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kalau ada *mindset* subsidi apa hak untuk *lecture* kepada rakyat bahawa mereka patutlah mengurangkan subsidi malahan mahu tambah lagi kenaikan. Sendiri subsidi!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Okay, Yang Berhormat ambil...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Bukit Gantang.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat ambil duit Ketua Pembangkang macam mana? Yang Berhormat bukan Ketua Pembangkang tetapi ambil elaun Ketua Pembangkang.

Cik Tan Lian Hoe [Bukit Gantang]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Ipoh Timor.

Tuan Yang di-Pertua: Diam, diam.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Itu pun subsidi juga.

Cik Tan Lian Hoe [Bukit Gantang]: Saya kurang setuju dengan Yang Berhormat bagi Ipoh Timor yang mengatakan bahawa kita Ahli Parlimen ini adalah mentaliti subsidi sedangkan Yang Berhormat lupa bahawa Yang Berhormat juga mendapat subsidi daripada kerajaan, yang mana saya ingat subsidi daripada penggunaan minyak petrol juga adalah subsidi daripada kerajaan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Awak dapat tidak?

Cik Tan Lian Hoe [Bukit Gantang]: Tentunya saya dapat peruntukan RM500,000 itu sebenarnya kita gunakan untuk faedah kepada rakyat balik. So, ini adalah anggapan yang tidak baik, yang telah dilontarkan kepada Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional... [Tepuk] So, saya haraplah bahawa sebenarnya rakyat telah pun memahami mengapa kerajaan terpaksa meningkatkan iaitu 30 sen dan saya ingat rakyat dapat menerima hakikat ini.

[Dewan gamat]

Akan tetapi sebenarnya mereka yang telah pun dihasut oleh parti-parti pembangkang sebenarnya yang telah menyebabkan rakyat dikelirukan. So, saya harap pihak pembangkang terutamanya Yang Berhormat bagi Ipoh Timor haruslah sebagai Ketua Pembangkang perlulah memberi nasihat kepada ahli-ahli pembangkang supaya menerangkan kepada rakyat mengapa kerajaan terpaksa menaikkan harga minyak ini. Sekian terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Terima kasih. Soalan pokok ialah mengenai sikap dan budaya subsidi. Peruntukan untuk Ahli-ahli Parlimen pelbagai jenis elaun itu bukan subsidi. Ini ialah peruntukan elaun mengikut undang-undang tetapi peruntukan RM500,000 untuk kawasan Parlimen ini bukan mengikut apa-apa undang-undang tetapi sukarela sahaja. *Arbitrary* salah guna wang rakyat inilah satu bentuk subsidi...

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: [Bangun]

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: [Bangun]

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: [Bangun]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Dan sebab itu apabila ada fikiran dan *mindset* subsidi bagaimana Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional ada hak *legitimacy* dan moral *right* untuk cakap mengenai subsidi....

Tuan Yang di-Pertua: Ya, boleh?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Dan ini bukan satu contoh sahaja, saya boleh bagi satu lagi contoh dan mereka ini dipilih melalui subsidi besar politik wang yang melibatkan ratusan juta ringgit dan kadangkala berbilion-bilion ringgit yang mana ini langsung bertentangan dengan prinsip pilihan raya yang bebas, adil dan bersih. Pada minggu lalu, Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya Tan Sri Rashid Abdul Rahman telah membuat kenyataan yang paling mengejutkan bahawa sebanyak....

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Minta penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:Nanti sekejap. Sebanyak RM110 juta telah dibelanjakan untuk poster pada Pilihanraya Umum 2004 dengan mana pun RM3.5 juta dibelanjakan di Pilihanraya Kecil Pengkalan Pasir, yang mana ini membelakangkan peraturan-peraturan pilihan raya yang mengehadkan perbelanjaan pilihan raya demi mengelakkan penyalahgunaan dan korupsi, yang mana ini juga melemparkan satu soalan yang paling besar mengenai *legitimacy* dan *legality* kemenangan besar-besaran....

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:Yang Amat Berhormat....

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:Minta laluan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Nanti habiskan perenggan ini. Dan menimbulkan soalan mengenai *legitimacy* dan *legality* kemenangan besar-besaran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Barisan Nasional dan Ahli-ahli Parlimen di sini dalam Pilihanraya Umum 2004....

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: ...Di mana beratus juta ringgit ada dibelanjakan untuk *mensubsidizekan* peruntukan mereka dalam Dewan ini. Itulah *trend* dan budaya *mindset* subsidi. Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, siapa?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Okay, dia dahulu. Dia berdiri dahulu. Muar, Muar.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Terima kasih Yang Berhormat Ketua Pembangkang dan Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Ketua Pembangkang. Kita kasihan kepada pembangkang ini tetapi saya lebih kasihan kepada pengundi pihak pembangkang. Duit RM500,000 bukan duit subsidi. Duit peruntukan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang diagihkan-agihkan kepada Ahli Parlimen Barisan Nasional untuk diagihkan kepada kita di bawah. Kita tidak pegang duit tunai.

Kita akan salurkan kepada saluran yang diberikan oleh kerajaan untuk mengelirukan orang ramai seolah-olah RM500,000 ini subsidi saya rasa itu satu tohmahan dan tidak betul langsung. Tidak ada subsidi dalam RM500,000 itu dan kita ada garis panduan penuh tetapi yang ingin saya nyatakan di sini kepada pengundi di kawasan-kawasan pembangkang, amatlah kasihan kerana tidak dapat menggunakan RM500,000. Walau bagaimanapun saya yakin kerajaan tetap menyalurkan peruntukan melalui saluran-saluran yang lain cuma tidak dapat digunakan oleh pembangkang. Itu sahaja.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Pengundi-pengundi di kawasan-kawasan yang rela memilih wakil-wakil rakyat daripada pembangkang mereka ada fikiran yang lebih maju, lebih ke hadapan oleh kerana tidak mahu negara menjadi satu negara bertongkat.... [*Dewan gamat*] Mahu berdikari dan tidak mahu Ahli-ahli Parlimen yang bersubsidi....

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: [*Bangun*]

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: [*Bangun*]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Dan itulah satu golongan contoh harap kawasan-kawasan yang lain boleh ikuti.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya Kinabatangan.

Tuan Yang di-Pertua: Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Ketua Pembangkang dan Tuan Yang di-Pertua. Ada tiga perkara persoalan yang ingin saya bantu Ketua Pembangkang untuk menyelesaikan. Pertama mukadimah nya dia kata *backbenchers*, Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tidak ada mukadimah. Belum tukar peraturan mesyuarat membenarkan mukadimah dalam meminta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini Ketua Pembangkang pun ada mukadimah nya. Jadi sama sahaja. Untuk penyampaian yang lebih sempurna perlu ada landasan-landasannya. Pertama menuduh kita Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional dilarang bercakap mengenai kenaikan harga minyak.

Kedua, saya tengok Ketua Pembangkang *double standard*. Dalam masa yang sama dia kata kita Ahli Parlimen subsidi, tetapi dalam masa yang sama mereka mengapi-apikan rakyat supaya memberontak marah kepada kerajaan kerana kenaikan harga minyak. Mana satu yang betul? Saya hendak tanya kepada Ketua Pembangkang rakyat mana yang marah ini? Rakyat di kawasan saya tidak ada satu orang pun marah.

Di negara ini belum ada pernah saya nampak rakyat memberontak marah, yang marah hati pembangkang, terlalu emosional, itu yang marah, dan soal peruntukan ini hak kerajaan, seperti di United Kingdom pun berlaku. Mereka menerima keraian 200 ribu paun, kita punya keraian baru RM800, 1,500. Kenapa tidak dicakap? Adakah mereka juga Ahli Parlimen subsidi di UK?

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Minta penjelasan.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Yang Berhormat kata bahawa tidak ada seorang pun dalam kawasan beliau yang marah mengenai kenaikan harga ini. Mungkin dia duduk dalam satu dunia yang bukan dunia ini. Kalau dia mahu mimpi, dia boleh terus mimpi... [*Ketawa*] dan saya mahu teruskan. Apabila memberi syarahan kepada rakyat Malaysia terhadap keperluan untuk beralih daripada mentaliti subsidi.....

Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Nanti, nanti. Adakah Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional bersedia untuk menunjukkan satu teladan bahawa mereka juga

bersedia untuk menamatkan *mindset* subsidi mereka. Pernahkah sesiapa bercakap tentang mentaliti subsidi dan paling memburukkan ini sedang melumpuhkan pembangunan ekonomi produktiviti dan daya saingan Malaysia yang merupakan mangsa kepada korupsi? Satu jenis subsidi yang terbesar.

Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, hendak bagi jalan kepada Yang Berhormat bagi Tuaran?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Nanti, nanti. Dalam beberapa...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Duduk dahulu, Yang Berhormat bagi Tuaran.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: ...Dekad saya berada di Parlimen ini, saya tidak pernah mendengar mana-mana Ahli Parlimen Barisan Nasional yang bangkit menyeru memerangi korupsi demi membentuk satu budaya politik integriti baru dengan toleransi sifar terhadap korupsi. Dasar Ekonomi Baru telah dibentuk *digenerate* kepada satu program dan dasar subsidi yang hanya menepatkan sebahagian UMNO-Putera sahaja dengan mengorbankan kepentingan kebanyakan bumiputera yang lain. Adakah Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional bersedia untuk bangkit menyeru supaya menghentikan membuang sindrom subsidi...

Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Dasar Ekonomi Baru sebegini agar mereka tidak dituduh sebagai cakap tidak serupa bikin apabila memuji kerajaan dalam mengurangkan pelbagai program subsidi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Tuaran Yang Berhormat, hendak bagi jalan?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Nanti, nanti. Habis itu satu *trend*....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tidak bagi jalan, Yang Berhormat, sila duduk.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Rakyat berasa marah dan terkejut dengan kenaikan harga minyak yang terbaru ini, bukan disebabkan harga minyak tidak perlu dinaikkan, tetapi disebabkan oleh cara, masa, bentuk dan amaun kenaikan ini, dan paling penting ialah kehilangan moral *authority* dan *legitimacy* oleh kerajaan untuk menyeru rakyat supaya bertukar cara hidup dan berkorban, khususnya kerana kegagalan untuk menunaikan satu perkhidmatan awam yang bersih tidak korup dan telus.

Dari segi pendapatan minyak yang lebih tinggi, harga minyak sedunia yang semakin melambung tinggi ini, bukan sahaja merupakan satu rahmat yang besar kepada kerajaan, tetapi juga kepada tabung Petronas. Sebagai sebuah negara pengeluar minyak, rakyat Malaysia tidak yakin mengapa mereka tidak mendapat manfaat daripada keuntungan ini dan mengapa tidak ada sikap beramanah, ketulusan dan penelitian Parlimen terhadap pengagihan wang ringgit Petronas akibat keuntungan yang besar, khususnya apabila pernah berlakunya pemborosan dan pembaziran pada masa dahulu yang tidak pernah disemak dengan teliti oleh rakyat.

Tidak ada mana-mana Ahli Parlimen Barisan Nasional yang mencelah dalam perbincangan ini memintakan akauntabiliti dan ketulusan daripada Petronas. Ya, Yang Berhormat bagi Tuaran.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Tuaran, silakan.

Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Yang Berhormat Ketua Pembangkang. Yang Berhormat Ketua Pembangkang membangkitkan, mempersoalkan soal peruntukan RM500 ribu kepada Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional. Persoalan saya senang sahaja, jika sekiranya ditakdirkan yang DAP ini akan memerintah negara ini, bolehkah Yang Berhormat menyatakan di Dewan yang mulia ini bahawa jika sekiranya DAP ini ditakdirkan memerintah DAP tidak akan memberi peruntukan RM500 ribu ini kepada Ahli-ahli Parlimen apabila dia memerintah. Bolehkah Yang Berhormat menyatakan? Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Boleh! Saya boleh kata kalau DAP memerintah negara ini, kita tidak akan memberikan peruntukan RM500 ribu setiap kawasan untuk Ahli-ahli Parlimen parti memerintah sahaja, tetapi untuk semua Ahli-ahli Parlimen, untuk kegunaan rakyat jelata... [*Disorak*] Itulah tidak ada diskriminasi, tidak ada *selectivity*, tidak ada *mindset* subsidi. Inilah satu contoh kenapa Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional, MP subsidi...

Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Okay.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya.

Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Yang Berhormat di atas reaksi itu. Kalau begitulah pandangan Yang Berhormat, dan kalau itu dasar DAP, saya boleh katakan *confirm* bahawa rakyat di luar bandar di negeri Sabah, seluruh negeri Sabah kalau dia pergi sana, *guarantee* tidak ada undi, dan tidak menyokong pendirian Yang Berhormat... [*Tepuk*]

Sebab kita, Ahli-ahli Parlimen tanpa peruntukan RM500 ribu ini yang diberi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kepada kami, diamanahkan kepada kami untuk menyenaraikan, untuk menyelesaikan masalah rakyat. *Guarantee* saya boleh jamin bahawa wakil rakyat kerajaan itu tidak akan dapat memberi perkhidmatan yang baik untuk menyelesaikan masalah rakyat. *Guarantee* punya, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Nampaknya Yang Berhormat tidak faham, saya kata ada peruntukan tetapi untuk semua Ahli Parlimen, tidak kita dari apa-apa parti oleh kerana hak rakyat jelata ialah untuk menikmati pembangunan dan bukan mengikut suka hati atau mengikut siapa undi dibuat terhadap....

Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: [*Bangun*]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jadi....

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini bukan subsidi, dia marah sebab dia tidak dapat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat kata tidak mahu tongkat...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Apabila peruntukan dibahagikan melalui asas diskriminasi, itulah bukan sahaja tidak ada tetapi menunjukkan satu sikap bersubsidi.

Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Okay.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat kata tadi tidak mahu tongkat. Kawasan pembangkang tidak mahu tongkat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Itu bukan untuk kawasan....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tongkat dengan subsidi apa bezanya?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:Untuk semua, rakyat ada hak untuk *the right to development*. Adakah Yang Berhormat faham mengenai *right to development*? *Right to development* oleh kerana mereka warganegara ini. Bukan oleh kerana mereka dalam kawasan yang diwakili oleh Barisan Nasional. *Right to develop*, kenapa Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional tidak mahu mengiktiraf dan hak *to develop* semua rakyat Malaysia. Bila Barisan Nasional akan matang sehingga boleh hormat *right to development* semua rakyat Malaysia, tidak kira apa-apa parti. Ini menunjukkan mereka mahu peruntukan wang rakyat untuk sendiri sahaja. Ini bukan sahaja bersubsidi, tetapi rasuah. Boleh cakap rasuah, salah guna wang rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, Petronas kemungkinan akan mengaut keuntungan kira-kira RM100 bilion untuk tiga tahun yang lepas, tetapi adakah ia bersedia untuk meletakkan pengurusan dan *trusteeship* petroleumnya di bawah penelitan Parlimen dan penelitan awam. Petronas mencapai keuntungan RM23.66 bilion pada tahun 2004, RM35.56 bilion untuk tahun 2005 dan dijangka akan menikmati keuntungan yang lebih tinggi untuk tahun kewangan yang berakhir pada 31 Mac 2006, disebabkan oleh harga minyak yang melambung tinggi. Untuk 30 tahun yang lepas, Petronas telah mencapai keuntungan sebanyak beratus bilion ringgit, mungkin RM500 bilion ataupun RM800 bilion. Kegagalan untuk mendapat satu angka yang tepat merupakan satu petunjuk kekurangan akauntabiliti dan ketulusan Petronas.

Baru-baru ini, Petronas berada di tempat terakhir dalam satu kaji selidik, *World's More Sustainable and Ethical Companies*, yang terbaru yang dijalankan terhadap 15 buah syarikat minyak oleh sebuah firma perkadaran etika Sepanyol. Kaji selidik tahunan ini dijalankan oleh firma Management and Excellence (M&E). Firma ini menjalankan kaji selidik berkenaan sejak tiga tahun lalu yang menilai dan mementingkan tahap pematuhan sesebuah syarikat itu terhadap 280 piawaian antarabangsa berhubung ketulusan urus tadbir korporat, tanggungjawab sosial dan etika. Senarai kedudukan terbaru ini yang dikeluarkan pada bulan lalu meletakkan syarikat minyak Shell di tangga teratas untuk tahun ketiga berturut-turut. Di tangga ke dua ialah British Petroleum dan syarikat minyak Brazil, saya Petrobras dikedudukan ketiga. Petronas yang pertama kali dimasukkan dalam senarai itu memperoleh markah 20.15% sahaja, dan M&E.....

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Pasir Puteh bangun.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Ipoh Timor. Kita hormat dia seorang peguam kanan yang terhormat. Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, saya hendak tanya dua soalan sahaja tetapi dalam satu soalan, dua dalam satu.

Kalau DAP memerintahlah, kalau-kalau memang tak boleh pun, kalau itu, dia boleh tak sampai RM100 billion Petronas mengaut keuntungan, boleh tak? Dalam tahun 2005 pun, RM30 bilion lebih, saya rasa satu kurap pun tak tahu. Yang kedua, minta maaf saudara dari Kelantan, Yang Berhormat Ustaz Ismail Noh tak ada hari ini? Ada? Ha, ada, kerajaan PAS Kelantan beri peruntukan kepada Adun-adun lebih banyak daripada Barisan Nasional, apakah dia *corrupcy*? Apakah dia subsidi? Kenapa DAP tidak tolong bantu beri banyak lagi? Tolong, apakah makna yang Ketua Pembangkang setuju bahawa PAS Kelantan beri peruntukan kepada Adun-Adun lebih banyak daripada BN untuk menolong rakyat ataupun Yang Berhormat subsidi. Tolong jelaskan kepada Ahli-ahli Parlimen kita Barisan Nasional.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Yang Pertama, soalan mengenai Petronas, itulah *resources* yang kita ada dan tidak ada sebab kenapa keuntungan yang boleh dinikmati daripada sumber semula jadi ini tidak boleh dicapai oleh apa-apa kerajaan. Rasa inilah soalan yang akan dapat jawapan sendiri. Mengenai soalan yang kedua, kalau Yang Berhormat daripada Pasir Puteh boleh bagi maklumat-maklumat, saya boleh, benar tak benar saya mana tahu tetapi kalau ada sensitiviti atau diskriminasi atau semacam apa yang berlaku dalam Barisan Nasional, kalau salah saya akan katakan salah, daripada PAS atau daripada mana-mana. Itulah satu pendirian yang konsisten.

Dan saya akan teruskan mengenai apa yang saya sebut tadi mengenai *Management* dan *Excellent Survey* (M&E) yang kata, yang saya petik, "berdasarkan kaji selidik kami, tiada syarikat minyak lain yang setulus Shell, syarikat ini telah menerbitkan 13 laporan berasingan merangkumi berbagai tajuk daripada kesan alam sekitar hingga ke uji kaji terhadap binatang. Terperangkap dalam satu skandal dua tahun yang lalu kerana kesilapan dalam pengiraan simpanan minyaknya, Shell sekarang menerbitkan satu laporan 40 muka surat untuk menunjukkan pengiraan simpanan minyaknya yang mematuhi garis panduan antarabangsa.

Adakah Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional bersedia untuk menyeru supaya diadakan *accountability*, ketulusan dan urus tadbir korporat terhadap Petronas supaya soalan penting di dalam minda Ahli-ahli Parlimen dan rakyat Malaysia iaitu di manakah keuntungan Petronas sama ada sebanyak RM500 bilion atau RM800 bilion bagi 31 tahun yang lepas. Sudah pergi mana? Bagaimana sudah dibelanjakan, dapat diberi satu jawapan yang jelas. Tanpa *accountability* dan ketulusan rekod penggunaan berbilion-bilion wang ringgit Petronas untuk *build-up* skandal mega seperti menyelamatkan Bank Bumiputera yang berulang kali berlaku, Malaysian International Shipping Corporation dan RENONG dan menabung projek-projek mega seperti Litar Lumba Kereta Formula 1, pasukan F1 Petronas Sauber, Dayabumi, Menara Berkembar, PROTON dan Proton City yang merupakan contoh-contoh budaya dan mentaliti bersubsidi yang paling baik. Sudahkah kita mengetahui mengapa rakyat tidak yakin dengan tindakan kerajaan untuk mengenakan kenaikan harga minyak.

Saya juga ingin bertanya sama ada Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional bersimpati dengan kepincangan dan kesusahan yang dialami oleh para pengguna dan pekerja akibat inflasi yang disebabkan oleh kenaikan harga minyak yang banyak dan adakah mereka menyokong cadangan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia atau MTUC supaya kolar sebanyak RM150 diberi kepada pekerja-pekerja di sektor swasta ataupun gaji minimum RM900. Daripada perbahasan ini, satu soalan yang perlu ditanya ialah sama ada Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional yang berucap dalam perbahasan ini mewakili rakyat atau mewakili kerajaan untuk menentang rakyat?

Tuan Yang di-Pertua, Titah Diraja hari Isnin merupakan pengumuman dasar tahunan kali ketiga sejak Pilihan Raya Umum Mac 2004 dari kerajaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang merupakan konvensi setiap pembukaan rasmi Parlimen tahunan. Saya mengikuti pengumuman dasar tahunan ketiga ini dengan penuh berminat dan berharap bahawa ianya akan menandakan satu titik pembaharuan baru dalam pentadbirannya seperti pengumuman rancangan-rancangan dan strategi-strategi konkrit demi menunaikan janji dan program pembaharuannya.

Untuk mewujudkan sebuah pentadbiran yang bersih, tidak *corrupt*, beramanah, dipercayai, cekap dan mesra rakyat. Malang sekali apa yang dibentangkan amatlah mengecewakan. Apabila Yang Amat Berhormat dilantik menjadi Perdana Menteri pada 31 Oktober 2003, harapan orang ramai terhadap beliau begitu tinggi sekali. Pentadbirannya dijangkakan akan membawa pembaharuan, *reform* dan perubahan. Sungguhpun pada masa itu rakyat diminta supaya bersabar dan menunggu sehingga selepas pilihan raya di mana beliau mendapat mandat dari rakyat seluruh negara. Pilihan Raya Umum Mac 2004 memperlihatkan satu kemenangan besar untuk Yang Amat Berhormat yang menguasai 92% kerusi Parlimen. Satu keputusan yang tidak pernah dicapai oleh empat orang bekas Perdana Menteri sebelum ini.

Mandat bersejarah yang diperolehi oleh Yang Amat Berhormat dalam Pilihan raya Mac 2004 bagaimanapun, tidak diikuti dengan penunaian janji dan program pembaharuannya. Apa yang sebaliknya berlaku adalah pembentukan sebuah Kabinet saiz *jumbo*, *jumbo size* Kabinet dan muka-muka lama dikekalkan. Rakyat diberitahu supaya menunggu sehingga selepas pilihan raya UMNO pada September 2004. Pilihan raya UMNO datang dan pergi tetapi janji-janji pembaharuan masih tinggal janji-janji kosong. Alasan kali ini adalah kerana Yang Amat Berhormat telah menghadapi rintangan, *set back* di dalam Pilihanraya UMNO. Rakyat menunggu sekian lama rombakan Kabinet yang sepatutnya diadakan awal-awal lagi, sebaliknya tiada apa-apa yang berlaku sehingga 17 bulan selepas pilihan raya UMNO. Dan apa yang berlaku pada bulan lepas bukanlah satu rombakan Kabinet, satu Kabinet *reshuffle* tapi satu Kabinet *recycle*, satu kitaran semula Kabinet.

Saya menaruh harapan tinggi terhadap Titah Ucapan Diraja semalam, atau hari Isnin yang merupakan pengumuman dasar tahunan Yang Amat Berhormat ketiga di Parlimen. Harap-harap akhirnya akan dimulakan proses menunaikan janji dan pelancaran program pembaharuan. Malangnya pengumuman tersebut hanya kata-kata kosong belaka. Tiada sebarang inisiatif baru dalam Ucapan Titah Diraja mewakili kerajaan, tiada sebarang inisiatif baru, tiada satu dasar baru, mahupun keputusan baru seperti pengumuman muktamad mengenai penubuhan Suruhanjaya Bebas mengenai Aduan dan Salah Laku Polis atau IPCMC, tiada. Salah satu cadangan penting yang dibuat oleh Suruhanjaya Diraja Polis yang mana Yang Amat Berhormat telah komited untuk menubuhkan tetapi menghadapi bantahan keras dan rintangan berterusan dari pihak polis dan nampaknya pun dari Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional.

Apabila kita tengok *body language* semalam, semua pun tak bersetuju, semua pun bantah. Berapa lamanya rakyat Malaysia kena tunggu lagi sebelum Yang Amat Berhormat benar-benar menunaikan janji dan program pembaharuan, yang hanya merupakan kata-kata kosong setakat ini. Sampai pembentangan Rancangan Malaysia Kesembilan oleh Yang Amat Berhormat pada 31hb Mac di Dewan yang mulia ini, adakah kita akan boleh tengok ada permulaan pembaharuan reformasi? Kita telah sampai ke peringkat pertengahan penggal pertama Yang Amat Berhormat sebagai Perdana Menteri kerana tiada siapa pun yang merasa bahawa Parlimen ini akan menyempurnakan jangka masa 5 tahunnya.

Memandangkan antara lain pada April 2004, hak sivil Datuk Seri Anwar Ibrahim akan pulih, yang bererti bahawa pada masa itu beliau akan berhak bertanding sebagai calon dalam pilihan raya. Ini merupakan masa yang sesuai untuk melakukan satu penilaian pertengahan penggal pentadbiran Yang Amat Berhormat khususnya

mengenai soal sejauh manakah janji-janji dan program-program pembaharuannya yang berjaya menghasilkan kemenangan bersejarah kepadanya dan Barisan Nasional pada pilihan raya Mac 2004 telah direalisasikan.

Saya bercadang untuk berterus-terang di sini. Dalam jamuan makan malam 1,000 orang anjuran DAP Seputeh pada hari Sabtu yang lepas, saya meminta para hadirin memberikan reaksi spontan mereka dengan cara angkat tangan dan memutuskan sama ada Yang Amat Berhormat telah lulus atau gagal, dua pilihan, dalam penilaian pertengahan penggalnya, khasnya atas soal sama ada janji dan program pembaharuan telah ditunaikan. Dengan sebulat suara dan dengan sikap yang lantang, hampir semua hadirin pada malam tersebut mengangkat tangan mereka apabila ditanya sama ada Yang Amat Berhormat telah gagal dalam penilaian pertengahan penggalnya.

Saya percaya bahawa ini mencerminkan pendapat umum rakyat Malaysia hari ini. Kebanyakannya rakyat yang tidak berniat jahat atau berdendam atau bermusuhan dengan Yang Amat Berhormat yang sebenarnya masih bersedia untuk menyokong Yang Amat Berhormat secara peribadi kerana mereka mahu beliau menunaikan janji dan program pembaharuan yang tertunggak, mereka mahu beliau berjaya dalam *delivery* janji pembaharuan. Hari Jumaat yang lepas...

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua, boleh bagi laluan, Yang Berhormat bagi Ipoh Timor?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Minta penjelasan, okey.

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Minta penjelasan. Bagaimana keadilan boleh diberi kepada Perdana Menteri kalau pertanyaan dalam majlis yang dianjurkan oleh DAP? Tentulah seluruh DAP mengikut kata telunjuk apa yang diperkatakan oleh Ketua Pembangkang atau ketua dia. Sudah barang tentu Perdana Menteri walau bagaimana baik pun akan gagal di mata DAP. Cuba Perdana Menteri agaknya panggil orang UMNO semua, dia tanya berjaya atau tidak, 100% orang UMNO kata berjaya. So bagaimana sebenarnya kayu ukur parti pembangkang ini? Satu ukuran yang tidak adil.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Saya bersetuju kalau tanya Ahli-ahli Parlimen UMNO dan Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional 100%. Kalau tidak, mereka pada masa akan datang akan digugurkan tetapi kalau tanya ahli-ahli...

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Itu bukan alasan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Nanti. Kalau tanya ahli-ahli yang biasa...

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *You* buat ukuran yang tidak adil. Bukan soal takut, kita soal kebenaran.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Apa kebenaran? Ketakutan ada. Dalam keadaan begitu, hitam pun putih, salah pun betul tetapi kalau tanya Ahli-ahli UMNO dan Barisan Nasional yang biasa, saya percaya keputusan tidak jauh berbeza daripada apa yang saya dapat dalam satu jamuan DAP betul tetapi ini bukan mengenai parti. Ini mengenai bukan mereka menentang atau tidak menyokong Yang Amat Berhormat tetapi mengenai sama ada dalam tempoh 29 bulan beliau sudah berjaya untuk melaksanakan janji-janji pembaharuan, itu hal yang lain.

Mereka masih mahu Yang Amat Berhormat berjaya melaksanakan janji beliau tetapi kalau ada satu keputusan dibuat atau satu penilaian dibuat, saya percaya bukan sahaja tidak kira apa-apa parti, saya percaya semua rakyat rasa dalam 29 bulan ini Yang Amat Berhormat tidak "*walk the talk*", tidak *deliver program* selain daripada Yang Berhormat bagi Sri Gading dan juga Ahli-ahli Parlimen daripada Barisan Nasional, oleh kerana mereka sendiri tidak "*walk the talk*" pun, tidak rela "*walk the talk*".

Hari Jumaat yang lepas Yang Amat Berhormat melancarkan sistem tinjauan maklum balas Biro Pengaduan Awam (BPA) dan saya rasa BPA haruslah diarah untuk mengadakan satu tinjauan pendapat umum demi mengesahkan apa yang saya baru kata bahawa rakyat anggap Yang Amat Berhormat gagal dalam kad laporan, *report card*, pertengahan penggalnya yang menunaikan janji-janji pembaharuan di sepanjang 29 bulan yang lepas walaupun mereka masih menyokongnya kerana mereka memang mahu melihat pembaharuan yang dijanjikan itu ditunaikan dan berjaya.

Yang Amat Berhormat tidak harus menghampakan rakyat Malaysia yang masih menaruh harapan dan kepercayaan terhadapnya untuk menunaikan program pembaharuannya bagi membentuk sebuah pentadbiran yang bersih, tidak *corrupt*, beramanah, dipercayai, cekap dan mesra rakyat. Sebab mengapa Yang Amat Berhormat anggap telah gagal dalam penilaian penggal pertengahannya dan ini termasuk penilaian yang dibuat oleh rakyat Malaysia yang masih inginkan beliau berjaya dan bersedia untuk menyokong agenda-agenda pembaharuannya adalah atas sebab-sebab yang berikut:

Kegagalan kempen membanteras rasuah – sememangnya kita sekarang ada Pelan Integriti Nasional, Institut Integriti Malaysia serta Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen Mengenai Integriti malah Titah Diraja semalam juga menyentuh mengenai pasukan polis yang telah melancarkan kempen memakai lencana “Saya Anti Rasuah”, tetapi semua ini tidak bererti dan menambah sebarang nilai kepada usaha membanteras rasuah pada keseluruhannya.

Biro Pengaduan Awam seharusnya melancarkan sistem tinjauan pendapat umum untuk mengumpul pendapat rakyat Malaysia mengenai soal sama ada gejala rasuah telah semakin berkurang atau bertambah serius dalam tempoh 30 bulan yang lepas sejak Yang Amat Berhormat mengambil alih pucuk pimpinan kerajaan.

Saya ingin menegaskan di sini bahawa ramai rakyat Malaysia yang saya temui beberapa hari kebelakangan ini bersetuju bahawa gejala rasuah telah bertambah serius sejak Yang Amat Berhormat dilantik sebagai Perdana Menteri. Ini juga merupakan pandangan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir yang berkata bahawa gejala rasuah telah mencapai tahap serius sehinggakan keadaan ini mungkin tidak dapat terbalik lagi, *not reversible and above the table*. Beliau juga berpendapat bahawa kini rasuah kini telah menjadi budaya Malaysia *culture* sehinggakan mereka yang melakukan rasuah berani bertindak secara terbuka dan tidak lagi perlu bersorok-sorok.

Masalah ini juga jelas terpapar dalam Indeks Persepsi Rasuah yang diterbitkan oleh Transparency International di mana kedudukan Malaysia telah jatuh dari tangga 37 pada tahun 2003 ke tangga 39 pada tahun 2004 dan 2005. Dalam kempen Pilihan Raya Umum pada Mac 2004, Barisan Nasional memaparkan iklan sepenuh muka surat di akhbar-akhbar tempatan dan mengakui bahawa gejala rasuah telah sampai ke akar umbi kerajaan sehingga tiada mana-mana aspek kehidupan yang tidak dicemari oleh rasuah. Itulah satu pengakuan umum dan *within quotes*, selama ini hanya Pak Lah yang berani untuk mengisytiharkan perang secara habis-habisan membanteras rasuah dan beliau adalah seorang yang adil dan tegas seperti Justice Bao.

Iklan ini berakhir dengan janji Barisan Nasional untuk mempertahankan rakyat dan membentuk sebuah negara yang bersih dan telus untuk rakyat dan generasi-generasi yang akan datang. Apa yang ada sekarang dapat membuktikan bahawa Yang Amat Berhormat adalah Justice Bao yang memerangi rasuah secara habis-habisan dalam tempoh 29 bulan yang lepas, mereka yang menonton program televisyen atau video yang berjudul Justice Bao tentu kenal dengan pegawai-pegawainya yang membantu beliau dalam usaha membanteras gejala rasuah dan salah guna kuasa tanpa kira jawatan atau kekayaan sebagai sasaran mereka. Pegawai-pegawai yang beramanah ini termasuklah ‘Zhan Zhao, Gongsun Ce, Wang Chao, Ma Han, Zhang Lung dan Zhao Hu’. Itulah karakter-karakter *the right hand man* Justice Bao supaya boleh melaksanakan program-program untuk membanteras rasuah dan salah guna kuasa. Di manakah ‘Zhan Zhao? Sekarang di mana? ‘Gongsun Ce, Wang Chao, Ma Han, Zhang Lung dan Zhao Hu, mana? Mana mereka? Dalam 29 bulan ini untuk membantu Yang Amat Berhormat.

Adakah Timbalan Perdana Menteri merupakan Zhan Zhao? Adakah Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Presiden MCA merupakan Gongsun Ce? Adakah Menteri Kerja Raya dan MIC Presiden merupakan Wang Chao? Adakah Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri merupakan Ma Han? Adakah Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi dan Presiden Gerakan merupakan Zhang Long? Dan manakah Menteri di Jabatan Perdana Menteri merupakan Zhao Hu? Untuk membantu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Laksamana Cheng Ho Yang Berhormat... [Dewan ketawa]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Adakah Laksamana Cheng Ho mana? Adakah Tuan Yang di-Pertua Laksamana Cheng Ho? Tanpa pegawai-pegawai beramanah seperti Zhao Ho, Gongsun Ce, Wang Chao, Ma Han, Zhang Long, Zhao Hu, Justice Bao, hanya bagaikan harimau tidak bertaring. *Justice Bao* pun tidak boleh berbuat apa-apa dan kita tidak berdaya untuk mengambil tindakan terhadap mereka yang terlibat dalam gejala rasuah dan berjawatan tinggi lagi berkuasa.

Begitu juga sekiranya tidak wujud sepasukan rakan yang sama-sama berkhidmat untuk memerangi gejala rasuah, Yang Amat Berhormat tidak akan dapat menangkis gejala rasuah. Walau betapa mulia hasratnya sendiri. Segala usahanya hanya tinggal suara yang lemah dan tidak akan berhasil. Sampai sekarang 29 bulan, nampaknya suara tinggal sahaja. Mana pasukan membanteras rasuah? Daripada Kabinet, daripada dalam Parlimen, siapa Ahli Parlimen Barisan Nasional yang suara lantang melawan rasuah, berdiri. Mana? Tiada...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Dalam Dewan ini tiada. Zhan Zhao tiada, Gongsu Ce tiada, Ma Han, Wang Chao mana tiada? Kalau begitu bagaimana program ini boleh berjaya.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Boleh minta penjelasan sedikit?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Oh, Wang Chao, Ma Han. Oh, okey...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat pun *recycle* jugalah. Yang Berhormat boleh beri makna yang Yang Berhormat sebutkan tadi. Sebut dalam bahasa Malaysia. Satu persatu. Supaya lebih jelas, semua rakyat kita faham. Saya pun tidak faham. Boleh?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Boleh...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: ...Makna-makna Yang Berhormat sebutkan tadi. Supaya esok boleh masuk dalam media, media akan sebut inilah bahasa-bahasa yang digunakan oleh Ketua Pembangkang yang juga *recycle*. Silakan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Boleh, kita boleh bagi satu video kita boleh tengok itu karakter enam nama yang saya ada sebut, yang boleh *lieutenant-lieutenant*, *Justice Bao* supaya boleh melaksanakan, boleh kuatkuasakan kempen anti rasuah. Dan mereka amat termasyhur oleh sebab tanpa satu pasukan macam enam orang yang dinamakan karakter-karakter ini tentu kita tidak boleh berbuat apa-apa. Macam Yang Amat Berhormat...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sebut dalam bahasa Malaysia dan makna dalam bahasa Malaysia... *[Dewan riuh]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Itu nama semua enam orang.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terjemahkan. Kalau tidak boleh, minta rakan-rakan yang lain bantu Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Itu nama orang. Bolehkah Yang Berhormat menjelaskan makna nama Yang Berhormat. Itu nama orang, karakter. Okey.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Boleh. Nama saya Yang Mulia. Sila.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Ketawa]* Kalau Yang Berhormat mahu belajar bahasa Mandarin kita boleh bagi *courses* percuma tetapi ini enam orang, itu nama enam karakter. Okey, tidak apa-apa selain daripada itu yang membentuk satu pasukan supaya boleh menjayakan kempen anti rasuah, *Justice Bao* itu. Cukup.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Faham. Tengok video itulah

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Tidak faham.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Itu karakter enam orang pun tidak faham... *[Ketawa]* Okey, dan kalau tidak ada pasukan semacam itu tetapi apa yang mustahak

bukan itu makna enam orang itu, tapi adakah enam orang Ahli Parlimen Barisan Nasional yang berdiri tegas belakang Yang Amat Berhormat untuk lawan korupsi.

Adakah enam orang? Adakah satu orang? Berani berdiri kata dia *strongest supporter* Yang Amat Berhormat untuk lawan korupsi. Tidak kira apa-apa cara diambil termasuk untuk memaksa semua menteri mengisytiharkan *asset* mereka, adakah seorang Barisan Nasional yang berani berdiri. Tiada orang, mereka tidak memberi sokongan. Tengok ini, *I think that is was most eloquent answer*. Bagaimana kempen Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh berjaya? Langsung tiada sokongan...

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Sekarang baru perlahan-lahan kata ada pun tidak berani tunjuk.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Kalau kita sokong pun kita sokong secara ikhlas, tidak macam Yang Berhormat, cari kempen publisiti murah buat apa.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Itulah, *I think* Tuan Yang di-Pertua *it was most eloquent* tiada sokongan semua lapisan tapi sama ada di Parlimen atau di Kabinet. Kalau begitu sungguhpun Yang Amat Berhormat mahu tetapi dia tidak ada kredibiliti untuk melaksanakan hasrat beliau.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Siapa tidak berani berdiri? Selepas setengah jam berdiri untuk apa?... *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Saya harap dalam ucapan Yang Berhormat, kita boleh dengarlah mengenai cadangan-cadangan konkrit bagaimana boleh membanteras rasuah.

Bagaimana menteri-menteri boleh menjadi teladan bahawa mereka pemimpin-pemimpin yang ada integriti. Mana? Adakah menyuruh bahawa mereka patut mengisytiharkan harta benda mereka, ada?

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kita tengok nantilah, saya harap boleh dengar. Ya menyeru satu peruntukan untuk semua. Kenapa? Buat cadangan, dari mana? Dan kalau Yang Amat Berhormat tidak ada satu pasukan, segala usahanya hanya tinggal suara yang lemah dan tidak akan berhasil. Jikalau kita mahu lebih bukti, yang menunjukkan bahawa gejala rasuah memang menjadi semakin serius di Malaysia, sepanjang tempoh 29 bulan yang lepas, izinkan saya merujuk kepada empat perkara sahaja:

- kegagalan untuk bertindak terhadap 18 kes rasuah yang melibatkan orang kenamaan seperti yang didedahkan oleh bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Rais Yatim sebelum Pilihan Raya Umum pada Mac 2004.

Adakah perkara ini dibangkitkan oleh sesiapa ahli Barisan Nasional, oleh Ahli Parlimen daripada Jasin? Adakah di sini mengisahkan kenapa 18 ikan yu sudah dilepaskan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Parit bangun Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya, okey.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Terima kasih Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat menyatakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak mengambil tindakan yang serius dalam hal terutamanya untuk mengurang atau membasmi rasuah di negara ini.

Saya ingin mendapatkan penjelasan Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat bersetuju tujuan Pelan Integriti Nasional dilancarkan ataupun Institut Integriti Nasional itu adalah sebahagian daripada usaha kerajaan yang secara serius untuk

menerapkan nilai-nilai yang baik kepada masyarakat Malaysia supaya gejala rasuah ini akhirnya akan dapat dihapuskan daripada amalan di negara kita.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Saya sokong mengenai Nasional Integriti Pelan, mengenai Institut Integriti Malaysia, mengenai *Anti-Corruption Academy*, itu adalah langkah-langkah yang boleh kita sokong tetapi kalau kita rasa langkah ini sudah cukup untuk membanteras rasuah kita mimpi sahaja.

Kita patut tahu ada negara-negara lain di mana ada Nasional Integriti Pelan tetapi lebih korup. Ada Integriti Institut lebih korup. Mereka *on their own* tidak boleh membanteras rasuah.

Oleh itu, apa yang perlu ialah tindakan yang diambil terhadap mereka yang rasuah. Kalau ada VVIP ditangkap, didakwa dan dipenjarakan ini lebih baik daripada semua usaha semacam Institut Integriti Malaysia ataupun Nasional Integriti Pelan oleh kerana ini satu contoh yang menunjukkan bahawa kita dalam keadaan tahap sifar toleransi kepada rasuah.

Apa itu? Tak guna, tak cukup dan tak guna. Bukan saya tidak sokong tetapi tidak cukup, *not good enough*. Dan kalau *Justice Bao* bergantung kepada integriti pelan dan kepada institut negara tidak akan dapat apa-apa hasil. *Justice Bao* tidak akan begitu termasyhur. Dia perlu satu *team* yang saya ada sebut tadi.

Kedua, nasihat yang dikemukakan oleh bekas Timbalan Perdana Menteri, Tun Ghafar Baba sempena meraikan hari jadinya yang ke 80 di Kota Bharu pada tahun lepas, di mana beliau menyatakan bahawa sekiranya masalah politik kewangan dalam UMNO tidak dapat diatasi maka lebih baik jawatan-jawatan tinggi UMNO dilelong sahaja kepada mereka yang berupaya menawarkan sebutan harga yang tertinggi iaitu, dan dia sebut kira-kira RM50 ribu bagi jawatan Ketua Bahagian, manakala jawatan Naib Presiden UMNO boleh ditawarkan dengan harga RM5 juta. Ini bukan berjenaka tetapi membayangkan satu keadaan yang begitu serius. *Money politic* khasnya dalam parti memerintah tulang belakang politik tidak diatasi bagaimana masalah rasuah boleh dibanteras?

Ketiga, rasuah secara sistematik, malah secara *syndicated* dalam pasukan polis Malaysia seperti mana yang didedahkan oleh Suruhanjaya Diraja Polis dalam laporannya adalah merupakan sebahagian daripada masalah rasuah yang lebih serius di Malaysia, dan kempen polis memakai lencana, "*Saya Anti Rasuah*" langsung tidak membawa sebarang kesan positif. Itu semacam Institut Integriti Pelan, okay, tetapi tidak mencukupi. "*Saya Anti Rasuah*" bukan erti tamatnya rasuah yang bermaharajalela di negara kita.

Keempat, raja-raja AP atau AP Kings dan konco-konco mereka yang telah menggulingkan berpuluh-puluh juta ringgit dan beratus-ratus juta ringgit malah pun mungkin berbilion-bilion ringgit. Apa hasil dalam skandal semacam ini? Nampaknya *open ended*. Tidak ada apa-apa tindakan yang diambil untuk menghentikan atau ambil tindakan terhadap mereka yang bertanggungjawab mengenai penyalahgunaan kuasa wang rakyat.

Semasa menyertai perbahasan mengenai Usul Menjunjung Kasih Titah Diraja yang pertama pada Mei 2004 selepas Pilihan Raya Umum, saya pernah mengemukakan dua cadangan demi memperkasakan kempen memerangi rasuah. Malang sekali cadangan-cadangan itu tidak diambil peduli oleh kerajaan walaupun sudah dua tahun berlalu. Dua cadangan tersebut adalah:

- (i) konvensi membanteras rasuah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu 2003 yang diiktiraf oleh Malaysia di Konvensyen Membanteras Rasuah PBB di Mexico pada bulan Disember 2003 harus dibentangkan dan diiktiraf secara rasmi oleh Parlimen, demi menyampaikan mesej penting bahawa kempen membanteras rasuah merupakan satu kempen nasional yang melibatkan secara langsung Parlimen dan setiap lapisan masyarakat Malaysia; dan
- (ii) haruslah diperkenalkan satu kod etika untuk semua Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri kerana kod sedemikian ini bukan hanya terhad sebagai hal ehwal dalaman parti dan isu integriti nasional mesti ditangani tanpa mengira parti politik. Dan, proses pengisytiharan harta secara umum

oleh setiap wakil rakyat bolehlah merujuk kepada teladan New Zealand, United Kingdom dan negara-negara yang lain, di mana badan-badan penggubal undang-undang, mereka menyimpan rekod daftar mengenai faedah kewangan dan harta kepunyaan ahli-ahlinya dan rekod daftar ini merupakan dokumen awam yang dibuka untuk pemeriksaan orang ramai.

Yang penting sekali Badan Pencegah Rasuah haruslah dinaikkan taraf menjadi sebuah badan bebas yang hanya bertanggungjawab terhadap Parlimen demi memelihara kredibilitinya dalam kempen memerangi rasuah, dan bukan terus menjadi sebuah badan yang tidak bertaring dan disekat dari menyiasat dan mendakwa mereka yang berjawatan tinggi serta berkuasa yang terlibat dengan rasuah.

Kedua, kegagalan dalam pembaharuan Kabinet – pada awal bulan ini Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang muncul dalam satu program televisyen telah mendesak rakyat Malaysia supaya berubah gaya hidup mereka sebagai cara untuk mengatasi masalah kenaikan harga minyak pada kadar paling tinggi dalam sejarah negara kita, 30 sen setiap liter untuk petrol dan diesel dan juga untuk LPG setiap kilogram. Kenaikan ini sememangnya akan diikuti oleh kenaikan inflasi harga yang paling menjahanamkan terhadap rakyat jelata, tetapi kenyataan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tersebut telah dipersendakan oleh orang ramai sebagai contoh terbaik, kerajaan yang 'Cakap tidak serupa bikin'.

Jikalau Yang Amat Berhormat adalah serius, adakah Kabinet bersedia untuk memulakan pembaharuan dengan menubuhkan sebuah jawatankuasa Kabinet untuk mengubah gaya hidup kerajaan demi menunaikan janji dan program pembaharuan yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan menunjukkan teladan integriti, *accountability* dan *efficiency* untuk dicontohi oleh kedua-dua pucuk pimpinan politik serta perkhidmatan awamnya. Adakah sebuah jawatankuasa Kabinet mengubah gaya hidup yang berkredibiliti dapat ditubuhkan dan merangkumi Menteri-menteri Kabinet, dan dengan segera dapat meyakinkan rakyat jelata mengenai komitmen dan dedikasi mereka yang tidak berkompromi untuk membanteras rasuah. Memupuk kredibiliti kesemua jabatan kerajaan dan organisasi-organisasi kaitan kerajaan seperti Petronas serta memastikan kecemerlangan dan keberkesanan dalam sistem penyampaian perkhidmatan awam baik dalam sektor-sektor kehakiman, undang-undang dan ketenteraman, kewangan, ekonomi, pendidikan, kesihatan atau pengangkutan.

Bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri atau mana-mana Menteri Kabinet menerangkan bagaimana Kabinet hari ini berbeza daripada Kabinet yang diketuai oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam segi komitmen menjadi sebuah Kabinet yang berintegriti.

Apa perbezaan? Perbezaan Kabinet ini dengan Kabinet dahulu dalam pentadbiran Tun Dr. Mahathir. Ada perbezaan? Kalau tidak ada perbezaan apa perubahan sudah dicapai? Kalau ada perbezaan, apa perbezaan? Adakah siapa yang berani menunjukkan perbezaan atau semua ini *all talk no action* sahaja.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Mesyuarat**]

You're welcome, you're welcome. Tuan Yang di-Pertua, dalam segi agenda integriti adakah wujud sebarang perbezaan ini di antara Kabinet hari ini dengan Kabinet-kabinet pimpinan Tun Dr. Mahathir. Jikalau terdapat perbezaan bolehkah perbezaan-perbezaan tersebut ditunjukkan kerana rakyat Malaysia yang paling sensitif pun tidak dapat mengesan perbezaan ini.

Atas isu rasuah bolehkah setiap Menteri tampil ke depan dan menjadi teladan berintegriti kepada semua rakyat Malaysia? Adakah Menteri-menteri Kabinet bersedia mengisytiharkan harta benda mereka dan harta ahli-ahli keluarga mereka yang dimiliki sekarang dan yang dimiliki sebelum dilantik menjadi Menteri dan bersedia untuk diperiksa rapi oleh orang ramai? Adakah kita mempunyai bilangan Menteri yang cukup ramai, yang berkeelayakan menjadi ahli-ahli jawatankuasa Kabinet mengubah gaya hidup demi menerajui teladan integriti, *accountability* dan *efficiency* kerajaan dan menunaikan janji dan program pembaharuan Yang Amat Berhormat yang terbantut janjinya.

Kabinet yang dikitar semula, *the recycle Cabinet* dan bukan *Cabinet reshuffled* pada bulan yang lepas, selain daripada mewujudkan, mengecewakan serta

mencetuskan kemarahan orang ramai, juga turut membangkitkan persoalan serius mengenai kredibiliti, kewibawaan dan integriti Kabinet.

Pertama, reaksi Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri terhadap pengekalannya dalam Kabinet yang dikitar semula ini adalah dengan izin, *if they talk until they foam at the mouth, if God says you stay, you stay*, apa artinya?

Kedua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dipaksa memberikan penjelasan untuk menyangkal dakwaan Yang Berhormat MITI bahawa beliau masih berkuasa terhadap AP. Kononnya sungguhpun sebuah jawatankuasa telah ditubuhkan di bawah Jabatan Perdana Menteri dan dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri untuk mengendalikan isu-isu yang berkaitan dengan AP, tetapi perkara-perkara yang berkaitan dengan pengeluaran AP kereta import masih terletak sepenuhnya di bawah bidang kuasa Kementerian MITI beliau.

Inilah apa Yang Berhormat Menteri kata. Dalam penjelasannya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkata bahawa jawatankuasa di bawah Jabatan Perdana Menteri yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri adalah bertanggungjawab sepenuhnya dalam mempertimbangkan dan membuat keputusan mengenai dasar-dasar yang berkaitan dengan AP kenderaan termasuk menyelesaikan sebarang masalah berbangkit dalam pelaksanaan dasar-dasar yang berkaitan dengan AP.

Adakah Yang Berhormat MITI begitu angkuh dan memandang rendah *prerogative* Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sehingga beliau cuba merampas balik kuasa dan tanggungjawabnya atas isu AP secara terbuka ataupun beliau sekadar keliru dan kurang jelas mengenai bidang kuasa dan tanggungjawab dalam perkara ini.

Saya di sini bersikap murah hati dan rasa apa yang berlaku adalah Yang Berhormat Menteri MITI telah keliru dan sekiranya anggapan saya betul, ia memberikan satu gambaran yang dahsyat dan amat membimbangkan dan merupakan bukti terbaru bahawa Kabinet semakin riuh rendah atau simbolik sehingga ke tahap di mana menteri-menteri sendiri terkeliru mengenai bidang kuasa dan tanggungjawab mereka sendiri.

Ketiga, apabila Yang Amat Berhormat mengambil keputusan untuk mengekalkan Yang Berhormat Menteri MITI, adakah beliau menjelaskan dan memperolehi jaminan daripada Yang Berhormat Menteri MITI, bahawa beliau tidak akan lagi mengabaikan kewajibannya terhadap Parlimen dan beliau juga akan berhenti berlagak seperti 'permaisuri' di Parlimen, muncul di Dewan hanya sekali sekala sebaliknya beliau akan menjadi menteri yang bertanggungjawab dan menghadirkan diri untuk menjawab segala persoalan dan perbincangan yang berkait dengan kementeriannya di Parlimen. Saya harap bahawa kita ada satu sikap yang baru.

Keempat, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan membidas mereka yang mengkritik kenaikan harga minyak serta mereka yang tidak yakin bahawa RM4.4 bilion yang dijamin oleh kerajaan dan yang kononnya akan digunakan untuk memperbaiki sistem pengangkutan awam akan benar-benar memberi manfaat kepada rakyat jelata. Beliau berkata bahawa mereka yang membuat kritikan berkenaan adalah orang yang tidak menggunakan sistem pengangkutan awam.

Yang Berhormat Menteri serta semua Ahli Jawatankuasa Kabinet mengenai pengangkutan awam yang masih belum memperkenalkan diri mereka patut menjelaskan sama ada mereka sendiri merupakan pengguna kerap sistem pengangkutan awam, dan memahami keseksaan yang perlu ditanggung oleh rakyat jelata akibat daripada keadaan buruk sistem pengangkutan awam di negara ini.

Adakah mereka bersedia untuk menjadi teladan orang ramai dengan melepaskan keistimewaan mereka sebagai VVIP dan bergerak dengan hanya bergantung kepada pengangkutan awam untuk tempoh satu bulan. Kita tengok dalam surat khabar Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, dia menggunakan LRT. Wah, banyak gambar! Kalau ini satu perkara yang kebiasaan tidak perlulah angkat gambar! Ini menunjukkan sangat luar biasa, sangat luar biasa. Sebab itulah perlu publisiti yang murah tetapi apa yang patut kita buat ialah semua ahli-ahli anggota Kabinet patut menggunakan LRT - *public transport system*. Adakah mereka rela? Saya percaya ia akan berlaku di negara-negara yang lain.

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan sebenarnya masih belum lagi menjawab pertanyaan yang dilemparkan oleh Setiausaha Organisasi DAP Pulau

Pinang, Danny Law terhadapnya iaitu sama ada beliau telah menyalahgunakan pesawat-pesawat DCA untuk menghadiri pelbagai aktiviti MCA yang berlangsung di merata tempat di Malaysia. Saya menyeru beliau supaya mengemukakan buku rekod penggunaan pesawat-pesawat DCA sejak pelantikannya sebagai Menteri Pengangkutan di Dewan yang mulia ini dan menerangkan satu persatu tujuan penggunaan tersebut. Kalau ini pun boleh berlaku, bagaimana kita boleh percaya bahawa anggota Kabinet akan menggunakan *public transport system*?

Kelima, pengumuman luar biasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai penubuhan sebuah jawatankuasa untuk memantau prestasi menteri-menteri selepas Kabinet di *cycle* kan.

Saya masih tidak percaya bahawa Yang Amat Berhormat adalah serius apabila membuat komen/ulasan berkenaan dengan pembentukan sebuah jawatankuasa untuk memantau prestasi menteri-menteri. Jikalau Yang Amat Berhormat memang serius, maka Ahli-ahli Parlimen dan rakyat jelata berhak untuk mendapat maklumat-maklumat yang lebih lanjut meskipun ada menteri-menteri sendiri tidak berminat dengan maklumat berkenaan.

Bagaimanakah satu jawatankuasa sebegini boleh disimpan secara sulit? Adakah anggota-anggotanya akan dibayar saraan yang melibatkan dana/wang ataupun mereka sekadar melaksanakan khidmat awam secara percuma, *honorary public service*? Adakah mereka turut mematuhi prinsip-prinsip akauntabiliti, ketelusan dan integriti? Siapakah yang akan mengetuai jawatankuasa untuk memantau prestasi menteri-menteri ini? Adakah mereka terdiri dari kakitangan awam dan adakah ini membolehkan kemunculan kakitangan awam yang berkedudukan lebih tinggi daripada menteri-menteri menggadaikan prinsip bahawa kakitangan awam yang bertanggungjawab kepada Kabinet dan bukan sebaliknya? Adakah kita akan ada *super civil servants*? Atau pemantau-pemantau tersebut akan dilantik daripada mereka yang bukan kakitangan awam tetapi dari kalangan politik tertentu dalam barisan pemerintah?

Ini menggadaikan pula kedudukan dan tanggungjawab Ahli-ahli Parlimen kerana kerja memantau Kabinet sebenarnya lebih sesuai dilakukan oleh Parlimen melalui Jawatankuasa Pilihan Parlimen yang berkesan, yang menyelia kalau boleh setiap kementerian. Sekiranya Yang Amat Berhormat serius dengan penubuhan sebuah Jawatankuasa Pemantau Menteri-menteri Kabinet, maka Malaysia mungkin merupakan negara Komanwel pertama yang bersistem Demokrasi Berparlimen yang menjalani proses *mutation* sebegini bersama dengan pemahaman untuk menunjukkan sebuah jawatankuasa untuk memantau prestasi menteri-menteri Yang Amat Berhormat telah mengemukakan konsep *primus inter pares* atau dalam kata lain yang pertama di antara setara – *a first among equals* yang mencipta satu sistem baru di mana Perdana Menteri berlagak seperti seorang pengetua sekolah yang cuba mengenakan disiplin terhadap segolongan pelajar yang keras kepala menerusi sistem pemantauan yang masih belum jelas bentuknya, adakah ini ertinya?

Keenam, reaksi yang sama luar biasa, khasnya dari Menteri di Jabatan Perdana Menteri bahawa tidak perlu diketahui siapa James Bond yang telah dilantik untuk mengintip tugas menteri-menteri, maka tidak perlunya Indeks Prestasi Utama atau KPI, atau *benchmark* untuk menteri-menteri.

Yang Berhormat Menteri berkata bahawa adalah lebih baik menteri-menteri tidak mengetahui bentuk dan anggota-anggota dalam jawatankuasa tersebut yang ditugaskan untuk memantau prestasi mereka. Beliau kata jika tidak - dia risau bahawa akan mencapai satu kompromi. Dia kata bahawa adalah baik bahawa tidak tahu, jadi tidak boleh terus berwaspada dan rajin bekerja seperti mana yang diharapkan oleh Perdana Menteri dan rakyat jelata. Yang Berhormat Menteri kata bahawa hanyalah Perdana Menteri yang mengetahui mengenai jawatankuasa tersebut. Suatu reaksi yang sangat *extraordinary*.

Ketujuh, kegagalan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menjelaskan keputusannya untuk mengadakan satu 'Kabinet kitar semula', bukan setakat sebab mengapakah setengah menteri dikekalkan, digugurkan atau dilantik semula.

Titah Diraja berkata bahawa saya petik, "...puas hati dengan prestasi sektor pelancongan oleh kerana dengan penganggaran pendapatan sebanyak tiga puluh satu

bilion ringgit dan kemasukan enam belas juta pelancong pada tahun 2005, perkembangan sektor ini amatlah menggalakkan...”

Jika begitu, bahawa prestasi sektor pelancongan sangat menggalakkan, kenapa Datuk Dr. Leo Michael Toyad digugurkan dari jawatan Menteri Pelancongan dan digantikan oleh Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor? Mengapa Tengku Adnan digugurkan daripada Kabinet selepas Pilihan Raya Umum pada bulan Mac 2004 dan dilantik semula sebelas bulan kemudian? Rakyat ada hak untuk tahu.

Kelapan, purata umur ahli-ahli Kabinet seramai 32 anggota telah *direcycle* semua telah mencapai 57.69 tahun atau 57.69 *years*. Di antara mereka Yang Berhormat Kerja Raya mencapai umur 70 tahun, dua belas orang menteri berumur 60 tahun dan ke atas dan lima belas menteri

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat umur berapa?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Saya? Saya pun..., tetapi saya bukan dalam Kabinet. *Saya average age.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Muda lagi?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Muda lagi, lebih muda daripada Perdana Menteri... [*Ketawa*] Betul. Lebih muda lagi daripada Perdana Menteri yang kelima.

12 Menteri berumur 60 tahun dan ke atas, 15 Menteri berumur 50 tahun dan ke atas dan manakala sembilan Menteri yang lain melebihi umur 40 tahun.

12 orang Menteri berumur 60 tahun dan ke atas adalah Perdana Menteri 67, Menteri Tenaga Air dan Komunikasi 67, Yang Berhormat Menteri, Menteri Penerangan 67, Menteri Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah 68, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar 65, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri 64, Menteri Kebudayaan Kesenian dan Warisan 64, MITI 63, Sumber Asli 63, Luar Negeri 62, Industri Perladangan dan Komoditi 61 dan Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Abdullah Zain 60.

15 Menteri yang berumur 50 tahun dan ke atas adalah Pertanian 59, Kesihatan 59, Kewangan Ke-2 58, Jabatan Perdana Menteri Senator Effendi 58, Jabatan Perdana Menteri Tan Sri Bernard 57, Pelancongan 56, Pengajian Tinggi 55, Sains Teknologi Inovasi 55, Timbalan Perdana Menteri 53, Wanita Keluarga dan Pembangunan Masyarakat 53, Jabatan Perdana Menteri Maximus Ongkili 53, Jabatan Perdana Menteri Dato' Seri Nazri 52, Menteri Wilayah Persekutuan 52, Pengangkutan 51, Perumahan dan Kerajaan Tempatan 50.

Dan 4 Menteri yang tinggal berumur 40 tahun ke atas adalah Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna 49, Pembangunan Usahawan dan Koperasi 48, Pelajaran 45, Belia dan Sukan 43.

Titah Diraja ada berkata bahawa terdapat 12 juta belia yang bawah 40 tahun di negara kita. Sebagai pemimpin masa depan mereka harus dipandu daripada segala elemen yang negatif, sebenarnya rakyat Malaysia di bawah 40 tahun bukannya pemimpin-pemimpin masa depan tetapi merupakan pemimpin-pemimpin masa kini. Jikalau Kabinet menggambarkan demografi negara kita dengan lebih 48 peratus Menteri yang berumur 40 tahun ke bawah, yang membayangkan demografi *population*. Maka, sekurang-kurangnya ada 15 orang Menteri yang berada di dalam golongan umur tersebut di lantik. Atau dalam kata lain, 15 orang Menteri daripada Kabinet sekarang haruslah memberi peluang kepada golongan muda.

Namun demikian tiada seorang pun Menteri yang berumur 40 tahun ke bawah yang ada dalam Kabinet yang ini. Merupakan golongan umur 48 peratus daripada populasi negara kita. Saya percaya bahawa ramai ahli Barisan Nasional sokong bahawa adalah satu Kabinet yang lebih muda yang membayangkan demografi di mana 48 peratus *population* di bawah 40 tahun supaya bukan kita ada satu Kabinet *recycle*, tetapi sebenar-benarnya satu Kabinet *reshuffle*. *Saya have no personal interest in this, open the window for many-many people.* Boleh-boleh, Tak mahu, tak bersetuju. Kalau tak setuju....

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Kita bincang secara profesional, okey. Bagi saya umur tidak akan menentukan seseorang itu mempunyai keupayaan mentadbir sesuatu negara atau sesuatu Kabinet.

Perlantikan Ahli-ahli Kabinet adalah di bawah kuasa Perdana Menteri dan sebagai contoh, kalau kita lihat negeri China, kalau *you below 60 years old* dengan izin *your noway, below 60 years you are noway in Cabinet in this what we call that in Chinese Cabinet* dan bagi saya kalau seorang berumur ini ada yang muda, ada yang lebih 60 tahun ada suatu kombinasi yang mantap di mana pengalaman sesuatu Kabinet dengan orang-orang yang senior, dengan orang-orang yang akan menjadi senior di masa depan. Ini adalah kerana Ketua Pembangkang tiada peluang menjadi Ahli Kabinet, maka bangkitkan isu umur Ahli Kabinet kepada Dewan yang mulia ini. Apakah pandangan Yang Berhormat Ipoh Timor ini?...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Sebenarnya mengenai contoh negeri China, kalau begitu lebih baik Yang Berhormat bagi Puchong pergi Chinalah. Ini untuk keadaan negeri China. Kita cakap mengenai Malaysia. *We talking about Malaysia, we are not talking about China.*

Kenapa tak mahu lihat contoh-contoh negara-negara yang lain. Itu satu hujah. Saya percaya Yang Berhormat bagi Puchong tidak setuju.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: *[Bangun] [Menyampuk]* Mengapa Yang Berhormat membandingkan cerita negara China, Wang Cheow, mah Hau!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: ...Akan tetapi dia menunjuk bahawa dia berdiri di sini untuk diperhatikan supaya masa depan boleh dapat *promotion*. Itu sahajalah, bukan dia tak setuju. Ini... *[Bercakap dalam bahasa Mandarin]**Sure* lah dia setuju...., akan tetapi berdiri kata tak setuju supaya dia boleh dinotis di masa depan. You taulah agenda itu kita tahu, saya fahamlah dan saya bangkit hal ini sudah berapa lama rakyat harap ada satu rombakan Kabinet yang sebenar supaya ada satu pasukan yang komited, *educated*, untuk menyokong Yang Amat Berhormat Perdana Menteri khasnya dalam program dan jaminan dan pembaharuan itu bagaimana dan satu sebab kenapa Kabinet sedia ada untuk memberi sokongan kepada Perdana Menteri ialah oleh kerana *it all old blood, it all old faces*, budaya *mindset* semua dengan zaman yang lama di mana integriti tidak bermakna. *No meaning to them*, apa *integriti*? Sebab itu saya kata, adakah rela setiap menteri mari ke depan boleh satu teladan bahawa dia seorang pemimpin dengan integriti. Adakah? Tidak boleh.

Kalau begitu, kalau kita tidak boleh ada satu Kabinet yang berintegriti bagaimana program integriti Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh berjaya. Mungkin kalau kita ada satu *reshuffle* yang tulen, bukan satu *recycle* dengan Kabinet-Kabinet anggota-anggota Kabinet yang lebih muda. Program integriti, program pembaharuan mungkin ada harapan dan saya kenapa tak tahu Yang Berhormat bagi Puchong sekurang-kurangnya boleh beri sokongan kepada hasrat ini. Tak berani. Tak boleh. Oleh kerana dia akan di *blacklisted* saya tahu. Takutlah *listed*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ini anggapan Yang Berhormat kah?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Dia tidak bantah, dia diam-diam sebab itu dia terima. Terima itu. Dia diam-diam, tak bantah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Taklah, Yang Berhormat mungkin Puchong bela Yang Berhormat bagi Ipoh Timor juga. Bermakna orang lebih muda boleh menjadi Ketua Pembangkang.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *Well*, malangnya kedudukan Ketua Pembangkang tidak diputuskan oleh Ahli-ahli Parlimen daripada Barisan Nasional termasuk Ahli daripada Puchong. Selain daripada dia rela, rela berdiri atas prinsip tidak terikat kepada *vested interest* Barisan Nasional itu hal yang lain dan Timbalan Yang di-Pertua, dan adakah Yang Berhormat Perdana Menteri bersedia merombak Kabinet sekali lagi untuk mengakhiri sandiwara Kabinet yang dikitar semula pada bulan lepas demi membentuk sebuah Kabinet integriti yang langsing dan semangat dengan sekurang-kurangnya 30 hingga 40 peratus daripada menteri yang berumur 40 tahun di bawah supaya mencerminkan populasi lebih muda di negara kita.

Ketiga, Tuan Yang di-Pertua, ialah mengenai kegagalan dalam pembaharuan pengajian tinggi pada tahun lepas kerajaan menetapkan bahawa terdapat hampir 67 ribu graduan yang menganggur. Ramai di antara mereka ini menamatkan pengajian di antara tahun 2000 dan Mac 2004.

Daripada jumlah ini seramai 49,000 merupakan graduan bumiputera. Kira-kira 92.6% daripada graduan ini adalah daripada universiti-universiti awam berbanding dengan hanya 5.3% daripada institusi-institusi swasta. Satu sebab utama yang menyebabkan kepincangan ini ialah kemerosotan kualiti pengajaran di universiti-universiti awam. Kemerosotan ini telah dikaitkan dengan kualiti yang rendah dan kekurangan hasil pendidikan di kalangan pensyarah institusi-institusi ini. Dari segi yang lebih luas kemerosotan universiti-universiti Malaysia khususnya Universiti Malaya dan Universiti Sains Malaysia telah terdedah dalam senarai kedudukan *Times Higher Education Supplement* atau THES. Dalam kedudukan THES tahun 2005 Universiti Malaya telah jatuh 80 tempat iaitu daripada 89 ke 169 manakala Universiti Sains Malaysia terkeluar daripada senarai 200 universiti terunggul ini.

Reputasi Universiti Malaya sebagai sebuah institusi pengajian tinggi utama di Asia kalau bukan seluruh dunia jelas sekali telah merosot dalam 20 tahun yang lepas. Pada awal 1980-an Universiti Malaya diiktiraf oleh masyarakat antarabangsa sebagai sebuah institusi pengajian tinggi yang terunggul dengan mana fakulti-fakulti tertentu seperti perubatan, kejuruteraan dan undang-undang dikenali ramai kerana kualiti siswazah dan pendidikan mereka yang tinggi. Fakulti-fakulti ini kini telah kehilangan reputasi antarabangsa mereka manakala pihak industri pula secara *persistent* merungut mengenai kualiti siswazah siswazi yang dihasilkan oleh Universiti Malaya pada keseluruhannya...

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tidak ada siswazi? Jikalau Universiti Malaya ingin memulihkan reputasinya sebagai institut pengajian tinggi utama yang diiktiraf antarabangsa serta mencapai status universiti pendidikan seperti mana yang ditakrif di atas, maka terdapat beberapa masalah yang perlu diselesaikan dahulu. Pembaharuan-pembaharuan utama yang diperlukan termasuk:

- (a) Skim perkhidmatan baru untuk ahli-ahli akademik. Skim perkhidmatan untuk ahli-ahli akademik yang ada sekarang yang terikat dengan skim untuk lain-lain kakitangan awam telah menghalang institut pengajian tinggi awam menyerap dan mengekalkan pensyarah-pensyarah yang berdaya saing dan berkeelayakan. Semakin ramai pensyarah meninggalkan institut pengajian tinggi awam kerana sukar untuk dinaik pangkat perjawatan akademik kanan yang menawarkan gaji yang lebih menarik.

Sementara itu halangan-halangan baru seperti pensyarah-pensyarah dimestikan menghadiri dan lulus dalam kursus-kursus penilaian atau Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) telah turut menghalang prospek kenaikan pangkat mereka. Kegagalan institut pengajian tinggi awam-institut pengajian tinggi awam untuk menarik dan mengekalkan pensyarah-pensyarah yang cerdik pandai hanya akan melemahkan kemampuan institut pengajian tinggi-institut pengajian tinggi ini untuk menghasilkan pendidikan berkualiti dan siswazah berkebolehan.

Satu indeks prestasi utama atau *Key Performance Index* (KPI) harus dipertimbangkan untuk tujuan kenaikan pangkat KPI perlu fokus kepada pengajaran, penyeliaan *post graduate*, aktiviti-aktiviti dan penerbitan-penerbitan pendidikan. Kesemua ini merupakan cara yang nyata dan telus untuk mengenal pasti mana-mana pensyarah dan yang cemerlang yang boleh dijadikan asas penilaian kenaikan pangkat atau penambahan merit mereka. Apabila pensyarah-pensyarah yang berkualiti diiktiraf dan diberi ganjaran ianya akan membantu mewujudkan satu suasana pendidikan dan pengajaran yang dinamik yang seharusnya boleh membantu mempertingkatkan kualiti pengajaran institut pengajian tinggi-institut pengajian tinggi.

- (b) Pelantikan naib canselor-naib canselor yang berlandaskan merit dan dipilih oleh sebuah jawatankuasa bebas demi memberi keyakinan kepada para ahli akademik dan

mahasiswa bahawa mereka dipimpin oleh *scholar-scholar* dan sarjana-sarjana yang berkebolehan. Institut pengajian tinggi-institut pengajian tinggi harus diurus oleh naib cancellor dan timbalan naib cancellor yang mana kualiti akademik mereka diiktiraf antarabangsa.

Kerajaan khususnya Menteri Pengajian Tinggi tidak boleh diberi tanggungjawab tunggal dalam pelantikan naib cancellor institut pengajian tinggi-institut pengajian tinggi kita. Untuk memberi keyakinan kepada masyarakat awam bahawa institut pengajian tinggi-institut pengajian tinggi diurus dengan baik, kerajaan harus memastikan bahawa ianya menunaikan janjinya untuk menubuhkan sebuah jawatankuasa pilihan atau *search committee* yang bebas untuk mengisi semua kekosongan jawatan naib cancellor.

Jawatankuasa ini harus terdiri daripada ahli-ahli akademik yang telah bersara dan bereputasi. Proses ini akan membantu mengurangkan tuduhan-tuduhan berterusan bahawa kerajaan khususnya UMNO terlalu campur tangan dalam pengurusan institut pengajian tinggi-institut pengajian tinggi. Bahawa *unwritten condition* untuk pelantikan cancellor-cancellor dan timbalan naib cancellor-naib cancellor ialah bahawa mereka perlu menjadi *loyalist* UMNO.

Dan saya harap bahawa dalam Universiti Malaya dalam bulan ini di mana boleh mengatakan ada di mana terma perkhidmatan Naib Cancellor Universiti Malaya sudah tamat bahawa kita boleh lihat satu bab yang baru, di mana satu pelantikan yang terbuka dan satu pelantikan dengan seorang yang sarjana scholar dengan diiktiraf antarabangsa dan bukan dianggap sebagai *political appointee*.

- (c) Memansuhkan UCA atau AUKU. Akta Universiti dan Kolej Universiti harus dimansuhkan serta-merta jikalau kerajaan ingin meyakinkan orang ramai bahawa ianya menyokong prinsip kebebasan akademik.

Satu sebab mengapa kualiti pengajaran dan graduan di institut pengajian tinggi-institut pengajian tinggi merosot ialah kerana akta ini telah menjadi satu penghalang utama untuk menggalakkan pendidikan yang bebas. Akta ini juga dilihat oleh kebanyakan pensyarah-pensyarah dan mahasiswa-mahasiswi sebagai satu alat yang boleh digunakan untuk menyingkirkan mereka daripada universiti jikalau pendidikan kenyataan-kenyataan dan aktiviti-aktiviti mereka tidak disukai oleh kerajaan.

Sehubungan itu saya ingin merujuk kepada surat terbuka Dr. Azmi Sharom, Prof. Madya Fakulti Undang-undang Universiti Malaya yang ditujukan kepada Menteri Pengajian Tinggi yang baru, yang menyeru beliau supaya membebaskan institut pengajian tinggi-institut pengajian tinggi sebagai prasyarat bagi institut pengajian tinggi-institut pengajian tinggi Malaysia untuk mencapai status kelas dunia, *free the universities*.

Surat ini diterbitkan di dalam surat khabar *The Star* hari Sabtu 11 Mac 2006. Dr. Azmi secara terus terang memberitahu Yang Berhormat Menteri dengan izin, "*if you love your universities you must set them free. Academics and students must be free to think and to express themselves. Yes, I understand that this is Malaysia and freedom is seen as a dirty word by some, but without it, there is little hope of achieving world class" universities. Intellectualism cannot grow in a repressive atmosphere.* Tuan Yang di-Pertua, institut pengajian tinggi-institut pengajian tinggi Malaysia....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat minta penjelasan Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang [Ipho Timor]: Ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Adakah Yang Berhormat sedar bahawa kita kena ada juga kawalan di peringkat universiti-universiti. Bukan maknanya kalau kita bagi kebebasan pun satu hari nanti akan berlaku huru-hara. Kita tengok sesetengah negara kerajaan tumbang kerana pelajar-pelajar universiti

yang liar. Dalam kita ada Akta Universiti ini pun kita dapat lihat pelajar-pelajar kadang-kadang ini *liar*, tidak menghormati dan mereka juga tidak menunjukkan bahawa mereka ada pelajar di pusat pengajian tinggi. Jadi ini adalah untuk kebaikan mereka setelah mereka belajar depa keluar daripada universiti kalau hendak masuk parti politik masuklah parti apa pun. Kalau hendak menentang kerajaan menentanglah tetapi waktu di universiti menggunakan peruntukan kerajaan, menggunakan alat-alat kerajaan, makan pun kerajaan bagi rakyat bagi tetapi maki hamun kepada kerajaan.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Lu orang duduk diam-diamlah. Kita cakap sama you punya ketua bukan sama you orang. Okey.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: I tidak faham kenapa Yang Berhormat bagi Jerai dan pemimpin-pemimpin Ahli-ahli Parlimen UMNO ada sikap yang nampaknya tidak percaya, tidak ada keyakinan kepada generasi yang baru kepada pemuda-pemudi bahawa mereka semua orang jahat, bahawa mereka tidak semua akan salah gunakan kebebasan. Kita ada cukup undang-undang.....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Minta maaf Yang Berhormat. Yang Berhormat jangan guna perkataan "Jahat". Kita tidak mengatakan jahat. Sedangkan anak kita di rumah pun kita kena kawal. Kita tidak boleh beri dia kebebasan. Kalau kita bagi kebebasan yang keterlaluan anak-anak itu akan rosak. Rosak akidahnya, rosak akhlaknya.

Jadi kalau kita hendak seorang masyarakat atau rakyat Malaysia yang berbudi bahasa, rakyat Malaysia yang akhlaknya baik sudah tentu kita kena latih mereka daripada sekolah. Tengok sekarang ini buli di sekolah macam mana Yang Berhormat. Sampai mati. Inilah, inilah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kita ada cukup kawalan-kawalan dan peraturan-peraturan, kita setuju bahawa perlu kawalan-kawalan dan peraturan-peraturan dan semua mesti ada tetapi dalam universiti apa yang penting ialah ada memberi satu *environment* untuk akademik *excellent* dan supaya boleh menggalakkan berfikir '*critical enquiry*'. Itulah kita perlu mengalahkannya. Adakah bererti bahawa kalau kita menghapuskan atau memansuhkan UUCA bahawa tentu akan berlaku huru-hara.

Kita tahu bahawa dalam satu perhimpunan baru-baru ini ada orang yang tunjuk buku dan buat ugutan mahu peristiwa 13 Mei, mengugut. Siapa itu, siapa dia? Dia kata kalau tidak boleh berlaku suasana tegang dan kalau perlu mungkin peristiwa 13 Mei akan berlaku lagi. Siapa? Orang itulah. Orang itu yang perlu dikawal.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Ketawa]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Orang itu yang tidak bertanggungjawab.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Samalah Yang Berhormat bagi Ipoh Timor pun.... *[Ketawa]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ha? Itu kalau kita mahu ada kepercayaan kepada generasi muda supaya mereka boleh bangun dalam satu *environment* boleh fikir, boleh kritikal, akhirnya kecemerlangan. Adakah tidak UUCA tengok tokoh-tokoh negara kita. Semua mereka dalam universiti sangat bergiat. Mungkin kalau ada UUCA pada tahun 50-an atau 60-an mungkin tidak ada Tun Dr. Mahathir, tidak ada Musa Hitam dan mereka mungkin semua menjadi doktor atau *manager* sahaja.

Saya tidak tahu bahawa sama dari Yang Berhormat bagi Jerai ada pergi universiti-universiti dan bertukar fikiran dengan pensyarah-pensyarah mengenai kedudukan sekarang bahawa standard yang ada dalam universiti-universiti, pelajar-pelajar kita ialah sangat tidak sosial sensitiviti bahawa mereka langsung tidak ada *interest*. Ini adalah kerana UUCA dan bukan sahaja *influence* pelajar-pelajar tapi juga *academician* supaya tidak keluar daripada bidang mereka dan kalau kita mahu kecemerlangan, kita mahu ada *competitiveness* akhirnya supaya Malaysia boleh lawan dengan dunia. Kalau kita mahu kita perlu ada *world class university*.

Hari ini saya baca dalam surat khabar bahawa ada satu pengumuman oleh Yang Berhormat Menteri yang baru bahawa sekarang bermatlamat Malaysia patut ada sekurang-kurangnya dua universiti dunia yang terbaik di kumpulan 50 universiti yang

terbaik ada dua daripada Malaysia. Itu baik. Kalau mahu begitu kita perlu hapuskan semua halangan dan rintangan semacam UUCA.

Saya berharap Yang Berhormat bagi Jerai dan Ahli-ahli Parlimen yang lain boleh demi kepentingan negara bukan demi kepentingan UMNO, demi kepentingan negara dan untuk kebaikan generasi-generasi akan datang, boleh sokong usaha-usaha untuk membina kecemerlangan di universiti-universiti kita termasuk untuk menghapuskan UUCA. Adakah Yang Berhormat bagi Jerai rela untuk sokong untuk menghapuskan UUCA atau dia mahu menyekat generasi muda supaya mereka tidak boleh fikir supaya mereka semua boleh sokong sahaja, pengikut-pengikut sahaja. Adakah rela untuk kepentingan negara bukan untuk kepentingan UMNO?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat, kadangkala Yang Berhormat tidak faham. Dalam universiti pun ada pilihan raya dia. Jadi berlaku pilihan raya itu Yang Berhormat masuklah kempen kalau mahu mereka sokong DAP. Jadi mereka tentulah sokong mirip kerajaan kerana mereka makan nasi pun hilang cakui pun kerajaan punya duit. Itu duit kerajaan duit rakyat. Jadi mereka sokong kerajaan dia sokong rakyat.

Jadi ada *election* dalam kampus, apa kita hendak bising-bising? Biarlah mereka. Cuma kita tidak mahu mereka jadi *liar*. Tengok universiti luar negara macam mana pelajarannya? Pakaiannya, kelakuannya macam mana hinggakan merosakkan imej negara itu. Sekurang-kurangnya kita dapat bendung Yang Berhormat. Kita mahu pelajar ini menjadi pelajar yang terbaik macam Yang Berhormat kata *world class* tetapi kalau kita buka, biar anak kita balik pukul berapa pun balikhlah, hendak pergi mana pun pergilah. Adakah anak itu akan jadi anak yang baik. Ini satu persoalan Yang Berhormat. Bukan rang undang-undang atau akta itu. Akta apa pun kalau kita ada, kalau kita ada, kalau budak itu kita asuh dengan baik dia akan jadi baik. Jadi kerajaan hendak mereka jadi baik. Jadi *world class citizen*. Itu yang kita hendak.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kalau begitu, saya akan berani kata bahawa apa yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi yang baru bahawa berharap sekurang-kurangnya ada dua universiti dalam lingkungan 50 universiti yang terbaik di dunia tentu gagal tidak akan tercapai oleh kerana tidak akan rela menerima membasmi atau menghapuskan segala rintangan termasuk itu. Kalau Malaysia mahu berjaya, kalau Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi mahu berjaya, perkara yang pertama ialah untuk tukar fikiran Yang Berhormat bagi Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: [Ketawa] Yang Berhormat, saya tidak faham Yang Berhormat ini. Akta itu apa penting sangat?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Oleh kerana fikiran itu ialah *the biggest impediment* kepada kemajuan negara. *You ada biggest impediment* kepada kemajuan negara.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat, yang pentingnya pendidikan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Akta itu tidak penting. Bukan kita ada akta itu mereka tidak boleh belajar. Tidak akan kerana ada akta itu...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Sebab itu! Sebab ada akta-akta semacam itu...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tidak akan kerana ada akta Yang Berhormat hendak mansuhkan itu mereka tidak boleh keluar untuk mendapat keputusan yang baik. Akta itu *there's nothing*. Yang pentingnya pelajar itu harus belajar. Yang Berhormat ini...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Oleh kerana...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Apa gunanya akta...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: ...Akta-kata semacam ini akhirnya apa yang kita lihat ialah universiti-universiti Malaysia menjadi *high school*. Ataupun *high school* yang baik dan bukan *high school* yang terbaik. *High school* sahaja. Itukah yang kita mahu? Kita mahu universiti yang sebenarnya universiti bukan universiti *high school* sahaja. IPT-IPT....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat ini susahlah. Otak Yang Berhormat satu *straight* macam kereta api punya rail. Itu saya susahlah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Itulah. Kalau otak Yang Berhormat bagi Jerai tidak ditukar dan otak-otak lain semacam ini tidak ditukar tidak ada harapan untuk universiti di Malaysia....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Sekurang-kurangnya Yang Berhormat...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: ...Untuk mencapai status dunia.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: ...Yang Berhormat, sekurang-kurangnya saya tidaklah lari dua tiga tempat pilihan raya. Maknanya otak saya *steady*. Yang Berhormat rata tiga empat tempat lari Yang Berhormat. Jadi otak saya *steady* lagi Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *Steady, steady* untuk Yang Berhormat tetapi *disaster* untuk negara. Oleh kerana inilah yang akan kondem negara kepada universiti-universiti tidak ada *world class status*. Itulah *you are the greatest impediment to national progress*. Faham?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Hei, susah mahu cakaplah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Yang di-Pertua, IPT-IPT Malaysia telah diletakkan dan terbentuk untuk sekian lama akibat kesan buruk berikutan dengan penggubalan Akta Universiti dan Kolej Universiti sejak 25 tahun yang lalu di mana ianya bersama-sama dengan tindakan *repressive* yang lain seperti *statutory body and surcharge act* dan syarat-syarat aku janji harus bertanggungjawab penuh terhadap penggantian kecemerlangan dengan *mediocrity* di IPT-IPT Malaysia yang mengakibatkan kedudukan-kedudukan Malaysia yang memalukan.

Yang Berhormat Menteri harus memuji 'Azmi' secara terbuka terhadap surat terbukanya yang memberikan petunjuk-petunjuk penting untuk membentuk universiti-universiti kelas dunia. Sebenarnya saya ingin beri satu langkah lagi dengan menyuruh Yang Berhormat Menteri supaya memulakan satu kempen '*let a 100 flowers bloom*'.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: [*Berjalan keluar Dewan*]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Lari Ya? ...Mengakui bahawa *you are the greatest obstacle to national progress*. Terima kasih lah sekurang-kurangnya...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya tidak lari.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya tidak boleh dengar ini burung, '*cho chit cho chit!*' Dari pagi, sudah berapa jam...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat hendak minta apa lagi?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yea?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Hendak minta apa lagi?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya hendak keluar pergi minum air....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Lebih baiklah, nanti Yang Berhormat sakit hati.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya duduk pun pening kepala... [*Ketawa*]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Menerima hakikat itu, *because of the circle* halangan kepada *progress* Malaysia. Sebenarnya saya harap Yang Berhormat Menteri boleh memulakan suatu kempen melancarkan satu kempen ialah *100 flowers bloom* di kalangan ahli akademik mahasiswa dan mahasiswi dengan menjemput mereka memberikan pendapat secara terbuka, mengenai soal bagaimana Malaysia boleh

mencapai status universiti dunia pertama dan Dr. Azmi telah menggariskan lima maksud universiti kelas dunia:

- (i) siswazah yang boleh diambil bekerja bukan sahaja di sini tetapi juga di luar negara;
- (ii) staf akademik yang dihormati sedunia;
- (iii) pendidikan dan penerbitan yang diiktiraf oleh jurnal-jurnal penerbit-penerbit antarabangsa yang bereputasi;
- (iv) program akademik yang diiktiraf sedunia; dan
- (v) suasana akademik yang boleh menyerap tenaga pengajar dan pelajar tempatan dan luar negara yang berkualiti.

Adakah Yang Berhormat Menteri bersedia untuk menyokong secara terbuka kelima-lima kriteria universiti-universiti kelas dunia ini dan menerima pakaian sebagai piawaian untuk diikuti oleh semua IPT di Malaysia. Dalam surat terbuka Dr. Azmi memberi dua *point* penting yang mana Yang Berhormat Menteri harus menyokong secara terbuka;

- (i) bahawa IPT-IPT seharusnya menjadi tempat yang pertama sekali mencetuskan idea-idea dan pemikiran baru diskusi dan debat asal; dan
- (ii) kepimpinan baik yang amat diperlukan di IPT-IPT Malaysia khususnya naib canselor-naib canselor yang memiliki kualiti seorang intelek pengurus dan diplomat yang cemerlang yang boleh memastikan bahawa apa yang diutamakan ialah prinsip-prinsip akademik dan bukannya kepentingan politik.

Semua Ahli Parlimen sama ada Barisan Nasional atau pembangkang haruslah membahas surat terbuka ini kerana tugas memulihkan Malaysia sebagai pusat pengajian tinggi bertaraf dunia harus dianggap sebagai satu agenda kebangsaan yang utama. Sementara itu, saya pun menyeru Yang Berhormat Menteri baru, supaya menghormati usaha-usaha yang dilakukan oleh penjawat sebelumnya Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh termasuk penubuhan sebuah Jawatankuasa Pilihan Parlimen Pengajian tinggi menunjukkan lebih ketelusan dalam jawatankuasa mencari atau *search committee* untuk naib canselor dan timbalan naib canselor universiti-universiti serta mengumumkan laporan pengajian tinggi sah.

Apabila Yang Berhormat Ahli Parlimen Batu Gajah dan saya bertemu dengan bekas Menteri di Parlimen pada 14 November tahun lepas, untuk berbincang mengenai masalah-masalah yang dihadapi oleh sektor-sektor pengajian tinggi negara, Yang Berhormat Menteri pada masa itu telah bersetuju untuk menubuhkan satu Jawatankuasa Pilihan Parlimen supaya Ahli-ahli Parlimen boleh melibatkan diri secara mendalam dalam semua aspek pembangunan pengajian tinggi baik dalam pembentukan dasar sehingga pemantauan kemajuan demi membentuk IPT-IPT kelas dunia di Malaysia.

Beliau telah bersetuju untuk membangkitkan isu mengenai penubuhan sebuah Jawatankuasa Pilihan Parlimen Pengajian Tinggi dalam Mesyuarat Kabinet dan seterusnya, tetapi beliau telah gagal untuk menunaikan janji tersebut mungkin disebabkan bantahan-bantahan pegawai-pegawai kanan Kementerian Pengajian Tinggi serta pentadbir-pentadbir dan naib canselor-naib canselor IPT. Ini menimbulkan satu soalan penting iaitu siapa yang sebenarnya membentuk dasar pengajian tinggi. Yang Berhormat Menteri, Kabinet dan Parlimen ataupun birokrat di Kementerian Pengajian Tinggi atau universiti-universiti tempatan.

Kini sudah sampai masanya untuk semua Ahli Parlimen supaya menjadi *stakeholder* yang aktif dalam bidang pengajian tinggi yang kritikal ini mempunyai implikasi mendalam terhadap daya saingan pembangunan ekonomi dan kemakmuran negara kita. Saya menyeru Yang Berhormat Menteri supaya mendapat lampu hijau daripada Kabinet untuk menubuhkan sebuah Jawatankuasa Parlimen Pengajian Tinggi demi menunjukkan komitmen nasional dan Parlimen untuk menunjukkan IPT-IPT bertaraf dunia di negara ini.

Usul penubuhan Jawatankuasa Pilihan Parlimen Pengajian Tinggi sedemikian haruslah diberi keutamaan dalam sidang Parlimen ini. Salah satu perjumpaan yang

telah diadakan oleh Yang Berhormat Menteri sejak dilantik sebagai Menteri Pengajian Tinggi adalah perjumpaannya dengan 18 naib canselor dan rektor IPTA-IPTA pada 19 Februari, di mana beliau menekankan komitmen beliau terhadap kecemerlangan akademik di IPT-IPT untuk menghasilkan siswazah-siswazah yang bertaraf dunia. Jikalau Yang Berhormat Menteri adalah komited penuh terhadap kecemerlangan akademik dan pembentukan IPT-IPT bertaraf dunia di Malaysia, maka beliau harus membentuk dua inspirasi daripada perjumpaannya yang pertama dengan 18 orang naib canselor dan rektor IPTA-IPTA itu. Iaitu yang pertamanya keutamaan tertinggi graduan meritokrasi serta nilai kemalaysiaan dan kepelbagaian bangsa dalam pelantikan NC dan TNC kerana kita mahu universiti-universiti yang terunggul untuk seluruh negara dan bukan hanya untuk mana-mana satu komuniti sahaja.

Akhirnya saya menyeru supaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengambil langkah berani dan meletakkan batu asas yang kukuh demi memastikan daya saing dan kemakmuran negara pada masa akan datang dalam era globalisasi dengan menjadikan pembentukan budaya kualiti dan kecemerlangan akademik di kalangan mahasiswa mahasiswi Malaysia, sama ada di dalam mahupun di luar negara sebagai satu sasaran paling utama untuk negara. Langkah pertama yang harus diambil oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk membuka laluan ke arah kecemerlangan akademik yang sebenarnya di kalangan pelajar Malaysia, sama ada di institut akademik domestik mahupun di luar negara adalah dengan menamatkan segera sistem meritokrasi yang palsu atau *fraudulent meritocracy* dalam kemasukan tahunan pelajar-pelajar ke institusi-institusi pengajian tinggi awam melalui pembentukan satu sistem peperiksaan kemasukan universiti yang sama untuk semua pelajar IPTA di Malaysia.

Sistem peperiksaan kemasukan universiti yang sama untuk semua pelajar ke IPTA di Malaysia hanya boleh dicapai dengan mengguna pakai sistem STPM atau matrikulasi untuk semua pelajar yang ingin memohon masuk ke IPTA atau membentuk satu sistem peperiksaan sama, yang baru untuk semua pelajar Malaysia yang ingin mendapatkan tempat di IPTA sama ada mereka berasal dari sistem STPM atau matrikulasi. Pelaksanaan sistem peperiksaan kemasukan universiti yang sama untuk semua pelajar di IPTA di Malaysia bukan sahaja boleh menghentikan sistem meritokrasi yang palsu dalam kemasukan pelajar ke universiti, malah dapat menghapuskan polarisasi rakyat sekian lama, ini yang mengancam keperpaduan nasional dan pembinaan negara yang dicetuskan setiap tahun oleh isu kemasukan universiti yang tidak saksama ini.

Keempat, tamparan hebat terhadap pembinaan negara dan keharmonian antara agama. Harapan yang tinggi supaya perpaduan nasional dan kefahaman antara agama yang lebih tinggi dapat dicapai telah menghadapi tamparan yang hebat dalam tahun yang lepas khususnya dalam kontroversi yang melibatkan kes mendiang M. Moorthy, Fasal 121(1)(a), dan memorandum yang dikemukakan oleh 10 orang Menteri bukan Muslim kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Pada mulanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengambil pendirian yang betul. Pada awal Januari dalam kontroversi M. Moorthy bahawa Kabinet telah memutuskan untuk menyerahkan kepada Peguam Negara supaya mengkaji undang-undang sedia ada serta Perlembagaan Persekutuan, dan melihat sama ada apa-apa perubahan atau penerangan perlu dilakukan bahawa isu pertukaran agama harus dijelaskan secara terang dalam Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang yang lain supaya rakyat memahami isunya dan tidak timbul kekeliruan di kalangan rakyat.

Kononnya Yang Amat Berhormat datangnya dua hari selepas Yang Berhormat Menteri Undang-undang..., pada ketika itu Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad menyatakan bahawa Fasal 121(1)(a) dalam Perlembagaan Persekutuan yang penuh kontroversi ini harus dipinda supaya bidang kuasa atau *jurisdiction* Mahkamah Sivil dapat diperjelaskan. Pada minggu yang berikutnya satu memorandum yang ditandatangani oleh sembilan daripada sepuluh menteri bukan Islam telah dihantar kepada Perdana Menteri yang meminta supaya undang-undang yang menyentuh hak-hak bukan Muslim dikaji semula. Tindakan tersebut telah dikritik secara terbuka oleh Timbalan Perdana Menteri yang menyatakan bahawa ini adalah tidak patut, tidak sesuai yang melanggar sistem Kabinet dan tidak pernah berlaku.

Sama ada tindakan menghantar memorandum oleh sembilan daripada sepuluh menteri bukan Muslim kepada Perdana Menteri ini adalah sesuatu atau tidak

baik, satu krisis politik sintetik telah dicetuskan dan terus mengaburi isu *merit* atau *demerit* dalam pindaan Fasal 121(1)(a) demi menerangkan dan memulihkan kata sepakat kontrak sosial atas kuasa atau *jurisdiction* Mahkamah Sivil dalam isu-isu agama Islam yang melibatkan bukan Islam.

Ini kerana kedua-dua isu ini perlulah diasingkan secara keseluruhannya, dalam pertelagahan terbuka yang dicetuskan oleh krisis politik sintetik ini, air muka sembilan menteri bukan Islam yang terlibat tercemar kerana terpaksa menarik balik memorandum tersebut, yang mana menurut Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri beliau belum membacakan kandungan memorandum berkenaan dan tidak perlu membaca lagi kerana ia telah pun ditarik balik.

Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar bahawa kredibiliti beliau di kalangan rakyat Malaysia bukan Islam telah menjunam berikutan dengan isu ini kerana mereka merasakan bahawa hak asas Perlembagaan dan warganegara mereka tidak diberi tempat yang munasabah, dan tidak mendapat pengiktirafan yang sewajarnya dalam senarai urusan penting Malaysia. Krisis politik sintetik ini telah menghalang perbincangan dalam Kabinet serta kajian oleh Mahkamah Peguam Negara mengenai isu tersebut apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membuat keputusan *arbitrary, unilateral* tanpa perbincangan atau perundingan dengan Ahli-ahli Kabinet lain, pertubuhan-pertubuhan agama yang berlainan atau masyarakat sivil bahawa Perlembagaan Persekutuan tidak akan dipinda.

Adakah sangat malang sekali bahawa satu krisis politik sintetik telah tercetus bukan kerana wujudnya apa-apa konflik atau tekanan di antara rakyat Islam dan bukan Islam atau antara orang Melayu dan bukan Melayu. Walhal isu yang terlibat adalah mengenai persoalan keadilan iaitu pemulihan kepada kedudukan pra 1988 yang melibatkan hak Perlembagaan rakyat Malaysia yang bukan Islam. Sebelum pindaan Perlembagaan atas Fasal 121(1)(a) pada tahun 1988, sekiranya soalan berbangkit mengenai sama ada hak dan kepentingan rakyat Malaysia yang bukan Islam akan terjejas oleh mahkamah dan undang-undang syariah, jawapan jelas, tidak. Jawapan jelas, tidak. Dan semua pihak sama ada Islam atau bukan Islam adalah berpendapat sama.

Namun begitu, selepas pindaan Perlembagaan ke atas Fasal 121(1)(a) pada tahun 1988, jawapan telah berubah. Apa yang sangat jelas sebelum 1988 bahawa hak bukan Islam tidak akan dijejaskan oleh Artikel 121(1)(a), sekarang sudah berubah. Dan, apa yang dituntut dan diminta oleh pelbagai pertubuhan-pertubuhan agama ialah untuk kembalikan kepada kedudukan sebelum 1988. Kenapa ini perlu menjadi satu isu, satu kontroversi yang begitu besar sehingga mencetuskan satu sintetik *political crisis* yang nampaknya boleh membawa ketegangan negara.

Inilah masalahnya, memulihkan hak Perlembagaan rakyat Malaysia bukan Islam supaya tidak terjejas dan tertakluk di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah dan Undang-undang Syariah dengan mengekalkan hak mereka untuk mendapat keadilan di Mahkamah Sivil. Satu prinsip atas konteks sosial yang merupakan faktor asas negara dalam tahun 1957. Pengerusi SUHAKAM, Tan Sri Abu Talib yang merupakan Peguam Negara masa itu Perlembagaan dipinda di tahun 1988, saya tiada dalam Parlimen. Sungguhpun masa itu saya Ahli Parlimen, saya tiada di Parlimen. Saya tidak ambil bahagian dalam perbahasan oleh kerana saya menjadi tetamu khas kerajaan dengan Yang Berhormat bagi Kepong, Bukit Gelugor di Kamunting. Kita *enjoying a free government hospitality*, mangsa Operasi Lalang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bercutilah?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Terpaksa bercuti, sungguhpun ini tak patut berlaku dalam satu negara yang mengamalkan sistem demokrasi berparlimen yang tulen tetapi masa itu apa pun boleh berlaku, bukan sahaja Ahli-ahli Parlimen ditangkap, dipenjarakan, hakim-hakim pun dipecat, Ketua Hakim pun dipecat dan semua undang-undang Perlembagaan dicabuli. Itu dulu. Apa jaminan bahawa apa yang berlaku dahulu tidak akan berulang? Apa jaminan bahawa tidak akan berlaku Operasi Lalang yang kedua?

Seorang Ahli: Jangan hasutlah, jangan hasut.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tidak ada siapa menghasut, semua orang tidak berdosa, *fully innocent*. Kesalahan ialah kita dianggap sebagai ancaman kepada keselamatan politik mereka yang memerintah sahaja.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat, seronok tak duduk dalam tu?... [Ketawa]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kenapa tidak mahu ada satu peluang untuk diISakan?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tidak layak.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Sebenarnya tidak patut diISakan oleh kerana ugutan masa itu yang ada sebut patut dipenjarakan. Oleh kerana itu ialah hasutan, hasutan untuk mengancam maut, boleh mengadakan peristiwa 13 Mei yang kedua. Patut dipenjarakan, bukan di ISA kan tetapi ini, kita dengar bahawa perkara ini tidak akan berlaku. Saya tidak tahu, siapa boleh jamin bahawa betul? Dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru yang ada jamin satu suasana, satu dasar yang lain lebih terbuka, patut tidak boleh berlaku tetapi saya ada sebut tadi bahawa dalam 29 bulan ini, nampaknya tidak ada *walk the talk*, tidak ada menjanjikan, melaksanakan, menguatkuasakan jaminan-jaminan, janji-janji.

Kalau begitu apa yang ISA ada, semua undang-undang yang *repressive* masih ada, masih terus. Satu hari mungkin boleh datang di mana ISA boleh digunakan, 'Operasi Lalang' boleh lagi berlaku bukan oleh kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri mahu tetapi mungkin keadaan memaksa beliau menerima hakikat itu semacam sekarang. Dia tak mahu korupsi yang bermaharajalela tetapi dia tidak ada satu pasukan untuk menguatkuasakan Kempen Anti Rasuah, dia pun dipaksa untuk menerima keadaan sekarang. Sebab itu kita perlu satu perubahan sistemik, kita perlu perubahan *institutional*, dan sebab itulah apa yang mustahak dalam 29 bulan ini kita tidak lihat ada apa-apa perubahan *institutional* atau *systemic* yang boleh memastikan bahawa kita masuk satu tahap, satu zaman yang baru di mana negara akan lebih terbuka, lebih *accountable*, lebih *transparent*.

Tadi saya ada sebut mengenai Pengerusi SUHAKAM, Tan Sri Abu Talib yang merupakan Peguam Negara yang bertanggungjawab dan ini mengingatkan saya kepada satu komen beliau buat masa itu, apabila kita ditahan di bawah ISA di Kamunting, dan beliau kata bahawa kita dapat layanan dan keistimewaan semacam duduk, tinggal dalam 5 *stars* hotel. Saya percaya Yang Berhormat bagi Kepong masih boleh ingat, *that we are staying in a 5 stars hotel*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dulu, masa itulah Yang Berhormat, mungkin masa itulah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Masa itu 5 *stars* hotel, sekarang 2 *stars*, 1 *star* hotel.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya kira Yang Berhormat untunghlah, makan tidak ada apa, kerja tak ada, makan ada, gaji ada, lagi bagus.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kalau begitu mahu memohon untuk masuk?... [Ketawa]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya tidak mahu!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Hah?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya mahu kerja, saya tidak mahu duduk dalam itu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Dan, Pengerusi SUHAKAM, Tan Sri Abu Talib yang merupakan peguam negara yang bertanggungjawab terhadap pindaan Perlembagaan ke atas Artikel 121(1)(a) pada tahun 1988, telah menyatakan kepada sidang meja bulat Parlimen pada 5 hari bulan Januari, lepas bawa Artikel 121(1)(a), hanya bermaksud untuk menyelesaikan konflik di antara Mahkamah Sivil dan Syariah yang melibatkan kedua-dua pihak yang beragama Islam atau mereka juga bukan bermaksud untuk mengambil dan menafikan hak Perlembagaan bukan Islam untuk tidak tertakluk kepada Mahkamah Syariah.

Ini adalah sebab mengapa cadangan awal penubuhan Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen terhadap pemulihan kedaulatan Mahkamah Sivil untuk mengadili kes-kes yang melibatkan bukan Islam dalam perkara-perkara bersabit dengan agama Islam. Kita tidak harus menutup debat dan perbincangan yang tenang dan *collected* berkenaan dengan cara terbaik untuk menyelesaikan kontroversi ini yang mana ini

adalah untuk bertindak adil kepada yang beragama Islam dan bukan Islam dan bertindak benar terhadap prinsip Kontrak Sosial bahawa Rakyat Malaysia bukan Islam tidak harus terjejas oleh undang-undang dan Mahkamah Syariah.

Memorandum yang ulung-ulung kali dibuat oleh menteri-menteri bukan Islam boleh diberi dua interpretasi. Interpretasi yang teruk ialah untuk menyatakan bahawa memorandum yang diserahkan oleh Menteri bukan Islam sebagai satu ancaman dan cabaran terhadap autoriti dan kewibawaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Adakah ini *credible*? Terdapat apa-apa kemungkinan bahawa memorandum oleh Menteri-menteri bukan Islam sama ada MCA, Gerakan, MIC, SUPP atau komponen Parti Barisan Nasional di Sabah, bolehkah ini dilihat sebagai satu cabaran atau satu ugutan kepada kewibawaan dan kepimpinan Yang Amat Berhormat. Tidak mungkin!

Saya berpendapat bahawa dengan kita lihat sejarah politik dalam realiti Malaysia, interpretasi sebegini adalah langsung tidak masuk akal. Hakikatnya, sebarang percubaan untuk melihat memorandum ini sebagai satu ancaman dan cabaran terhadap autoriti, kewibawaan Yang Amat Berhormat apabila ianya tidak dibuat atas mana-mana asas menjadikan sebagai kemuncak sifar tidak bertanggungjawab. Inilah sangat bertanggungjawab, khususnya apabila hakikatnya adalah untuk meletakkan negara ini ke dalam satu krisis politik yang sintetik.

Ini meninggalkan kita dengan interpretasi yang lain bahawa memorandum oleh Menteri-menteri bukan Islam hanyalah merupakan satu tindakan terdesak atau perbuatan ketidakupayaan mencerminkan kekurangan keyakinan mereka bahawa pandangan-pandangan mereka akan diberi pertimbangan sewajarnya atau pertimbangan berat di dalam Kabinet. Ini adalah salah satu ujian kepada kepimpinan Yang Amat Berhormat.

Walaupun begitu marah sekali Yang Amat Berhormat terhadap memorandum oleh Menteri-menteri bukan Islam ini, beliau harus mengetahui bahawa ianya ini tidak pernah dilihat sebagai satu ancaman atau cabaran terhadap kewibawaannya dan beliau tidak harus membenarkan pembentukan mewujudkan krisis politik sintetik yang bukan sahaja akan mendatangkan implikasi etnik dan agama yang serius, tetapi ianya juga akan mengalihkan fokus dan perhatian terhadap satu penyelesaian yang adil terhadap kontroversi Artikel 121(1)A dan kontroversi Moorthy.

Yang Amat Berhormat gagal untuk mencapai satu keadaan di mana dalam ujian ini beliau harus menunjukkan bahawa beliau mampu untuk beralih daripada era silam, di mana sesuatu krisis politik sintetik itu begitu mudah dibuat yang mana ianya menjadi permulaan kepada penekanan terhadap hak asasi manusia seperti Operasi Lalang pada tahun 1987.

Seruan daripada Majlis Perundingan Buddhism, Christianity, Hinduism dan Sikhism atau MCCBCHS untuk meminda Artikel 121(1)A untuk menggunakan keluhuran Perlembagaan dan kuasa penyemakan perundangan Mahkamah Tinggi harus diberi pertimbangan serius kerana ianya bukan bermaksud untuk melucutkan atau menjejaskan mana-mana hak daripada mana-mana agama tetapi untuk memulihkan kedudukan Perlembagaan pelbagai agama di negara ini sebelum 1988.

Malaysia akan merayakan ulang tahun ke-50 pada tahun 2007. Biar kita membuktikan bahawa rakyat Malaysia mempunyai ruang untuk membincangkan isu-isu sensitif yang menjejaskan hak-hak Perlembagaan mereka termasuk isu yang melibatkan soal agama dengan cara yang matang dan rasional tanpa beremosi, tanpa *clamp down*, tanpa *censorship*.

Profesor Khoo Kay Kim yang disifatkan sebagai salah seorang daripada arkitek Rukun Negara baru-baru ini menyatakan bahawa hubungan antara kaum sesama rakyat Malaysia berada di tahap yang paling rapuh dalam tempoh hampir 40 tahun yang lalu. Antaranya beliau menyalahkan sistem pendidikan yang bersifat lebih komunal di mana perbezaan di antara kaum semakin menjelma walaupun ia seharusnya tidak berstatus etnik dan agama.

Terdapat banyak sebab mengenainya. Perkhidmatan Awam Malaysia malangnya merupakan salah satu sebab kerana hampir setengah abad pembinaan negara. Ianya semakin dilihat sebagai perkhidmatan awam Melayu dan bukan Perkhidmatan Awam Malaysia. Bilakah proses ini bermula? Mengapakah ianya bertambah teruk? Mengapakah tidak ada sebarang usaha diambil untuk mengubah kemelayuan Perkhidmatan Awam Malaysia? Inilah sepatutnya menjadi *Malaysian Civil Service* dan bukan *Malay Civil Service*.

Baru-baru ini sebuah media elektronik bahasa Mandarin, “*Merdeka Review*” telah melaporkan maklum balas guru-guru Tionghoa yang menghadiri kursus kenegaraan yang diadakan oleh Biro Tata Negara yang terletak di bawah naungan Jabatan Perdana Menteri mendapati bahawa ianya cuba membangkitkan perasaan sangsi dan dendam antara kaum seperti menyalahkan orang Cina sebagai dalang yang menimbulkan huru-hara 13 Mei pada tahun 1969, sekali gus memburukkan dan bukannya mengurangkan kesangsian antara kaum ini.

Saya tidak tahu bahawa Yang Berhormat bagi Jerai *graduate* dari BTN itu. Sebab itu ucapan yang dibuat yang ada saya sebutkan...

Dato’ Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat, Yang Berhormat sedar tidak 13 Mei pada masa itu Yang Berhormat ada di mana? Siapa yang lead 13 Mei?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Siapa?

Dato’ Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Siapa yang *lead*?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: UMNO!

Dato’ Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Parti apa yang *lead* di Selangor?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Siapa? Kalau baca buku Tuanku Abdul Rahman, Gerakan..

Dato’ Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Parti Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Mana itu Gerakan?

Dato’ Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat kena ingat. Jadi saya minta, Yang Berhormat, yang lain Yang Berhormat boleh cakap. Fasal agama Islam dan fasal bangsa Melayu, saya minta Yang Berhormat kawal sedikit lidah Yang Berhormat. Tolong!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Apa ugutan itu?

Dato’ Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jangan cuba mengecil-kecilkan bangsa Melayu. Jangan cuba menghina bangsa Melayu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Apa itu Yang Berhormat?

Dato’ Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat kena sedar...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ini Peraturan Mesyuarat. Apa itu mahu menimbulkan..

Dato’ Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat mengatakan PTD, pegawai tadbir negara ini semua Melayu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Mahu mengulangi apa yang diucapkan tadi?

Dato’ Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya tidak hairan, saya tidak takut itu, asalkan jaga. Dalam hal tadbir kerajaan pun ada bukan bangsa Melayu. Dalam polis pun ada yang bukan bangsa Melayu, bangsa Malaysia.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Betul, tetapi apa yang kita mahu ialah...

Dato’ Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jadi Yang Berhormat ulang apa ini?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: ...Kalau sebut mengenai *civil service*, kita mahu satu *Malaysian service*...

Dato’ Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jangan tuduh Yang Berhormat dan jangan ulang perkataan “13 Mei”...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: ...Yang boleh membayangkan operator negara kita ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat yang bertanggungjawab cuba mengapi-apikan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apa, tidak apa.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Apa mengapi-apikan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukup, cukup. Bila dia langgar Peraturan Mesyuarat, kita akan buat satu *ruling*.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Kalau langgar....

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua, Ketua Pembangkang membangkitkan soal menteri-menteri....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Menimbulkan perasaan yang begitu...
[*Dewan gamat*]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Dia menghinakan pegawai tadbir negara.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ini bukan *UMNO Assembly* tau. Duduk!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: ...Memberi memorandum menghina kewibawaan antara Perdana Menteri dengan menteri-menterinya.

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jadi Yang Berhormat Ketua Pembangkang hanya hendak jadi batu api ke? Tidak ada cerita lain ke boleh cerita?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup!

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ini semua cerita sudah basi..

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Itu adalah hak kami.

[*Sistem pembesar suara dimatikan*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Semua duduk.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: [*Menyampuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: [*Menyampuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat duduk... [*Dewan riuh*] Yang Berhormat, duduk!

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua...

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat! Cukup, cukup, duduk!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, Yang Berhormat bagi Ipoh Timor.

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, banyak lagi?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Banyak lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 10.00 pagi hari esok dan Yang Berhormat bagi Ipoh Timor akan menyambung ucapan.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.